

## PENDAHULUAN

### A. PENGANTAR

*Al-Qur'ān*<sup>1</sup> adalah kumpulan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. kepada Nabi Muḥammad SAW. melalui malaikat Jibril a.s. yang berfungsi sebagai petunjuk dan keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk tersebut sekali gus sebagai *al-Furqān* (pembeza antara yang hak dan yang batil) bagi segenap umat manusia di muka bumi.<sup>2</sup> Turunnya *al-Qur'ān* kepada Nabi akhir zaman ini telah membezakannya daripada mukjizat-mukjizat yang diberikan kepada para Nabi dan Rasul sebelumnya. Di antara yang membezakannya adalah bahawa mukjizat *al-Qur'ān* berlaku sepanjang masa, sedangkan mukjizat-mukjizat lainnya hanya berlaku sementara sahaja.

Mukjizat *al-Qur'ān* tersebut terserlah dari isi kandungan *al-Qur'ān* itu sendiri yang sungguh lengkap dan sempurna. Ia menegaskan tentang hakikat ketuhanan, perintah dan larangan yang mengatur pelbagai aspek kehidupan manusia. Para ulama telah merumuskan, bahawa *al-Qur'ān* merangkumi lima masalah utama, iaitu masalah tauhid atau akidah, fakta-fakta sejarah, sains, hukum-hakam dan ibadah. Kesemua masalah ini mestilah diketahui, difahami dan diyakini secara sebenar oleh semua umat manusia, khususnya orang yang telah memeluk Islam sehingga arah hidupnya menjadi selamat kerana mengikuti jalan petunjuk yang benar.

---

<sup>1</sup> Secara bahasa, pendapat para ulama mengatakan bahawa lafaz *al-Qur'ān* diambil dari lafaz *qara'a* yang bererti membaca. Sedangkan pengertian menurut istilah, *al-Qur'ān* adalah Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi SAW. sebagai mukjizat yang ditulis pada mashaf, yang dinukilkan dari Nabi SAW. secara mutawatir dan membacanya merupakan suatu ibadah. Lihat: Mannā' al-Qaṭṭān (1998), *Mabāḥith fī Ulūm al-Qur'ān*, c.35. Beirut, Lubnan: *Mu`assasah al-Risālah*, h.19-20. Atau Lihat: Prof. Drs. H. Saad Abdul Wahid (2011), *Studi Ulang Ilmu al-Qur'ān dan Tafsir*, j.1.Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, h. 10-12.

<sup>2</sup> QS. *Al-Baqarah*: 185

Kaitannya dengan fungsi *al-Qur'ān* sebagai petunjuk bagi umat manusia di muka bumi ini, maka ayat-ayat *al-Qur'ān* tersebut memerlukan kepada penjelasan atau pentafsiran, sehingga setiap insan boleh memahami makna-maknanya dan mengamalkan maksud-maksud yang terkandung di dalamnya.

Pada dasarnya, setiap manusia berpotensi untuk memahami makna-makna kandungan wahyu Allah tersebut, kerana itu Allah SWT. telah memberikan pancaindera-pancaindera penting kepada manusia berupa akal, hati, mata dan telinga. Kesemua pancaindera penting ini memiliki fungsinya masing-masing; seandainya manusia itu mampu menggunakan salah satu pancaindera yang dimilikinya itu dengan baik, sudah barang tentu pintu hidayah dan kebenaran akan terbuka bagi dirinya. Apatah lagi jika semua pancainderanya sama-sama difungsikan, maka gerbang hidayah Allah SWT. akan terbuka dengan luas. Sehingga ia mencapai kepada suatu tahap keyakinan total, bahawa *al-Qur'ān* yang diturunkan kepada Muḥammad SAW. itu benar-benar sebagai petunjuk dan hakikat kebenaran yang boleh menghantarkan dirinya kepada suatu kehidupan yang penuh bahagia, sama ada di dunia atau pun di akhirat.

Tetapi, realiti yang terjadi saat ini sungguh menyedihkan. Ini kerana masih ramai orang yang belum sedar terhadap kepentingan memahami makna ayat-ayat *al-Qur'ān al-Karīm*. Seolah-olah mereka menganggap *al-Qur'ān* sama sahaja dengan buku bacaan biasa, padahal *al-Qur'ān* adalah wahyu Allah SWT. yang berfungsi sebagai petunjuk hidup bagi seluruh umat manusia di bumi ini.

Namun yang lebih menyedihkan adalah menjalarnya karakter-karakter orang fasik dan munafik dalam diri kita sendiri. Mungkin kita sering membaca dan meyakini ayat-ayat *al-Qur'ān*, tetapi dalam masa yang sama kita pun sering melalaikan dan meninggalkan perintah yang terkandung dalam *al-Qur'ān* tersebut. Bahkan boleh jadi,

ada larangan-larangan agama yang kita langgar, sama ada di sengaja atau tidak. Jelas ini adalah musibah dan malapetaka yang harus kita hindari sejauh-jauhnya.

Sebagai upaya untuk mewujudkan fungsi *al-Qur'ān* sebagai petunjuk dan sumber hukum bagi hidup umat manusia, proses pemahaman dan penelitian terhadap maksud-maksud kandungan *al-Qur'ān* harus dilakukan secara berterusan dengan tidak mengenal batas waktu dan tempat. Sehingga *Al-Qur'ān* benar-benar menjadi pedoman hidup yang sentiasa selari dengan perkembangan zaman dan perubahan struktur sosial masyarakat.

Keadaan ini dilihat dengan munculnya karya-karya tafsir *al-Qur'ān* yang ditulis oleh para ahli tafsir, mengikut gaya, manhaj dan matlamatnya masing-masing. Terlepas dari tujuan dan dorongan kepentingannya, mereka adalah para ulama tafsir yang berusaha menyumbangkan tenaga, ilmu dan fikirannya untuk menjelaskan makna kandungan ayat-ayat *al-Qur'ān* tersebut.

Tidak semua orang memiliki kapasiti dan kemampuan untuk mentafsirkan *al-Qur'ān* kecuali hanya orang tertentu sahaja yang diberikan kelebihan cahaya ilmu oleh Allah SWT. Bagi memastikan produk tafsir *al-Qur'ān* ini terselamat dari perkara-perkara yang boleh menyesatkan atau merosak kesuciannya, oleh itu para ulama, khususnya ulama yang menekuni bidang ilmu *al-Qur'ān* dan ilmu tafsir telah membuat suatu rumusan tertentu mengenai syarat-syarat dan adab-adab yang mesti dimiliki oleh sesiapa sahaja yang hendak mentafsirkan *al-Qur'ān*.<sup>3</sup> Apabila syarat-syarat tersebut

---

<sup>3</sup> Para ulama telah merumuskan syarat-syarat dan adab-adab yang harus dimiliki oleh seorang mufasir. Syarat-syarat itu adalah:

1. Akidah Islam yang kuat dan lurus
2. Terbebas dari dorongan hawa nafsu atau sikap fanatik terhadap suatu mazhab
3. Pentafsiran dimulakan dengan mentafsirkan *al-Qur'ān* dengan *al-Qur'ān*
4. Menjadikan hadis Nabi SAW. (*al-Sunnah*) sebagai rujukan tafsir
5. Kalau sekiranya tafsir dari sunahnya tidak ditemui, maka merujuk kepada perkataan sahabat

tidak terpenuhi, maka tidak patut baginya untuk mentafsirkannya. Bagi yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan, maka dibolehkan untuk melakukannya selama ada keinginan dan niat yang lurus.

Dalam konteks alam Melayu atau alam Nusantara, Prof. Madya. Haji Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenal dengan gelaran HAMKA adalah salah seorang ulama Melayu yang memiliki azam dan cita-cita yang mulia untuk mentafsirkan kalam Allah SWT tersebut. Karya kitab tafsirnya, yaitu *al-Azhar* adalah menjadi bukti atas fakta tersebut. Beliau telah memberikan sumbangan cukup besar dalam perkembangan khazanah ilmu tafsir di Nusantara, khususnya di Indonesia. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai seorang ulama bahkan sasterawan, sejarawan dan pujangga Islam. Penghasilan karya tafsir *al-Azhar* di usia senjanya mampu mengharumkan lagi namanya di kalangan umat Islam.

- 
6. Kalau tidak ditemukan dari ketiga-tiga sumber di atas (*Al-Qur'ān*, *al-Sunnah* dan perkataan sahabat, maka hendaklah merujuk kepada para imam hingga kepada perkataan generasi *ṭābi'īn*, seperti: Mujāhid Ibn Jabar, Sa'īd bin Jubair, 'Ikrimah Maulā Ibn 'Abbās, 'Aṭā bin Abi Rabbāh, al-Ḥasan al-Baṣarī, Qatādah dan para *ṭābi'īn* lainnya.
  7. Menguasai ilmu bahasa Arab dan balaghahnya
  8. Faham dengan pelbagai usul ilmu yang berhubungan dengan *al-Qur'ān*
  9. Memiliki kemampuan nalar ketika melakukan *tarjīh* (mengambil pendapat atau pandangan yang paling kuat) suatu makna atas makna yang lain dan kemampuan melakukan *istinbāt* (menetapkan) makna yang sesuai dengan nas-nas syari'ah. Lihat: Mannā' al-Qaṭṭān (1998), *Mabāḥiṭh fī 'Ulūm al-Qurān*, c.35. Beirut, Lubnan: *Mu'assasah al-Risālah*, h.301-303.

Adapun adab-adabnya adalah sebagai berikut:

1. Niat atau maksud yang baik dan terpuji
  2. Berakhlak baik dan mulia
  3. Menjadi contoh dan teladan yang baik
  4. Pakar dan ahli dalam menulis dan menukil
  5. *Tawadhu* (rendah hati)
  6. Pendirian yang kukuh dan kuat
  7. Berani dalam menjelaskan kebenaran (*al-haq*)
  8. Perilaku yang bagus
  9. Perkataannya jelas, padat dan tidak membingungkan
  10. Mendahulukan orang yang lebih utama daripada dirinya
  11. Permulaan dan manhaj yang sistematik, teratur dan baik
- Lihat: Mannā' Qaṭṭān (1998), *Ibid.*, h. 303-304

Kitab tafsir *al-Azhar* yang ditulis oleh HAMKA telah diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat serantau. Tidaklah berlebihan jika dikatakan, bahawa karya tafsir ini sudah mendapat tempat di hati umat Islam Melayu. Bahkan hingga saat ini generasi peminat tafsir tersebut terus mengalir. Terbukti, kitab tafsir *al-Azhar* itu sudah dicetak secara berulang-ulang dengan penerbit dan syarikat yang berbeza. Hal ini menunjukkan, kitab Tafsir *al-Azhar* karangan Buya HAMKA itu memang diminati ramai orang, dari generasi ke generasi.

Tentu ada banyak faktor yang menyebabkan kitab tafsir *al-Azhar* karangan HAMKA ini diminati ramai orang. Ada gula pasti ada semut. Begitu kira-kira peribahasanya. Inilah yang menjadi salah satu pendorong pengkaji untuk menulis tentang tajuk kajian ini dan mudah-mudahan kajian ini boleh menyumbangkan suatu jawapan mengenai faktor-faktor yang menarik minat orang terhadap karya tafsir *al-Azhar*.

Karya Tafsir *al-Azhar* dan biografi pengarangnya ini telah pun ramai sarjana yang mengkaji. Namun demikian bukan bererti ruang kesempatan untuk mengkaji karya dan pengarangnya ini sudah tertutup, justeru masih banyak ruang menarik untuk dikaji dan diteliti. Di dalam sebuah karya tafsir, apatah lagi tafsir penuh 30 juzuk seperti yang ditulis oleh HAMKA ini setidaknya memberikan ruang kajian yang begitu luas, di mana terdapat banyak aspek yang masih perlu diterokai dan dikaji lagi sehingga ia boleh memberikan manfaat dan memperkaya khazanah intelektualisme, terutama dalam bidang pengajian *al-Qur'ān* dan ilmu tafsir.

## B. LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Setakat ini, masyarakat Islam Nusantara, khususnya sarjana akademik lebih mengenal tafsir *al-Azhar* karya HAMKA ini sebagai tafsir *al-Qur'ān* yang beraliran islah (pembaharuan). Hal tersebut telah banyak dibuktikan oleh ramai pengkaji, sama ada pengkaji tempatan ataupun pengkaji dari luar.

Padahal kalau dikaji semula, tafsir *al-Azhar* ini mengandungi nilai sastra Melayu yang memiliki ciri tersendiri dan berbeza dengan tafsir-tafsir lain yang kemunculannya sezaman dengan tafsir *al-Azhar*. Sehingga tidak hairan kalau ada yang mengatakan, tafsir HAMKA ini dikatakan sebagai tafsir yang mengandungi sastra Melayu yang tinggi.

Setakat ini, penulis menjumpai beberapa kajian, sama ada dalam bentuk artikel atau penulisan ilmiah (tesis atau disertasi) yang menyatakan aspek kesusasteraan tafsir *al-Azhar* dapat dilihat dari segi syair-syair yang terdapat di dalamnya. Ertinya, nilai kesusasteraan tafsir *al-Azhar* nampak dengan syair-syair yang digunakan HAMKA, sama ada syair Melayu asli atau syair-syair yang beliau pindahkan dari syair Arab.

Dalam kajian ini, penulis ingin memberikan satu lagi pandangan, bahawa nilai kesusasteraan tafsir *al-Azhar* ini, juga dapat dilihat dari aspek *amthāl* (perumpamaan-perumpamaan) yang digunakan HAMKA dalam mentafsirkan ayat-ayat *al-Qur'ān*. Sekali gus bermaksud untuk menyampaikan persepsi, sejauh mana *amthāl* atau perumpamaan Melayu memiliki peranan penting sebagai salah satu elemen yang boleh digunakan dalam huraian tafsir ayat-ayat *al-Qur'ān*.

Berdasarkan pemikiran di atas, pengkaji mencuba untuk melakukan analisis karya *al-Azhar* HAMKA ini dari segi *amthāl* yang merupakan tajuk perbahasan ilmu *al-Qur'ān*. Tidak lain, kajian ini muncul di benak fikiran apabila pengkaji menemukan banyak perumpamaan yang digunakan HAMKA dalam mentafsirkan *al-Qur'ān* dalam karya tafsirnya tersebut.

Sebagai contohnya, ketika HAMKA mentafsirkan surat *al-Jinn*. Dalam pendahuluan surah ini, HAMKA menukilkan sebuah *ḥadīth* yang membincangkan tentang tabiat makhluk yang akan mengkhianati dirinya apabila tiba waktunya. Dalam menjelaskan maksud *ḥadīth* ini, HAMKA menerangkan asal penciptaan Iblis dari api yang telah menyebabkannya sombong sehingga enggan bersujud kepada Adam a.s. Untuk menggambar sifat iblis ini, HAMKA mengumpamakan watak Iblis itu seperti seekor kucing yang dilatih menggenggam lampu ketika raja mengadakan jamuan makan malam, namun tiba-tiba ada seekor tikus yang meloncat di hadapannya, sehingga kucing itu pun kembali kepada watak asalnya. Si kucing lupa dengan lampu yang dia pegang, bahkan sepantas kilat ia mengejar tikus itu. Bagi penulis, perumpamaan HAMKA ini sungguh menarik. Dalam beberapa tafsiran ayatnya, beliau telah memasukkan beberapa perumpamaan, dengan maksud untuk memperjelaskan lagi huraian mengenai makna kandungan ayat.

Setelah menjumpai kembali beberapa perumpamaan yang disajikan HAMKA dalam kitab tafsirnya, akhirnya penulis mengambil suatu kesimpulan kalau dalam tafsir *al-Azhar* ini terdapat banyak perumpamaan (*al-amthāl*) yang sengaja dimasukkan oleh pengarangnya untuk menambah penjelasan tafsirannya mengenai makna ayat-ayat *al-Qur'ān*.

Perumpamaan itu sendiri, secara umumnya boleh muncul dari dua faktor, iaitu faktor dari dalam dan faktor dari luar. Apa yang dimaksudkan dengan faktor dari dalam adalah bahawa ia dipengaruhi atau berasal dari budaya tempatan. Sedangkan faktor dari luar, iaitu perumpamaan yang diambil dari pengaruh budaya luar. Perkara ini menjadi salah satu perbahasan yang akan penulis bincangkan.

Namun yang paling penting, kajian ini dimaksudkan untuk mengenal pasti perumpamaan-perumpamaan yang diguna pakai oleh HAMKA apabila mentafsirkan suatu ayat *al-Qur'ān*. Selain itu, pengkaji juga berminat untuk menerokai uslub penggunaan perumpamaan Melayu oleh HAMKA serta hubungannya dengan konteks ayat *al-Qur'ān* yang beliau tafsirkan.

Dengan demikian, dari kajian atau analisis ini diharapkan boleh menjadi dasar untuk mengetahui sejauh mana peranan dan kepentingan uslub *amthāl* –dalam hal ini- perumpamaan Melayu dalam menjelaskan huraian-huraian tafsir suatu ayat *al-Qur'ān*.

Bagi mencapai matlamat ini, pengkaji akan mengeluarkan dan menghimpun beberapa perumpamaan HAMKA dari karyanya, tafsir *al-Azhar*, khususnya dari tafsiran surah-surah yang terhimpun di dalam juzuk 27, sekali gus memberikan penjelasan tentang makna dan hubungan perumpamaan dengan suatu ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkan.

### **C. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian yang bertajuk "*Perumpamaan Melayu: Kajian Terhadap Penggunaannya Oleh HAMKA Dalam Tafsir al-Azhar Juzuk 27*" dimaksudkan untuk mencapai objektif-objektif sebagaimana berikut ini:



1. Menjelaskan perumpamaan Melayu dan peranannya.
2. Menjelaskan biografi HAMKA dan mengenal kitabnya, khususnya kitab Tafsir *al-Azhar*.
3. Mengenal pasti perumpamaan-perumpamaan yang dikemukakan HAMKA daripada tafsir *al-Azhar*, khususnya juzuk 27.
4. Menganalisis perumpamaan-perumpamaan HAMKA dan metode penggunaannya dalam menjelaskan makna ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkannya.

#### **D. KEPENTINGAN DAN RASIONAL KAJIAN**

1. Dapat memberi gambaran dan penjelasan secara terperinci dan sistematik mengenai kedudukan dan peranan perumpamaan Melayu dalam menjelaskan makna ayat yang terkandung dalam *al-Qur'ān*
2. Menjadi salah satu bahan rujukan bagi mereka yang ingin mengetahui dan mengkaji biografi HAMKA dan karya tafsirnya *al-Azhar* dari segi peribahasa perumpamaan yang digunakannya.
3. Dapat mengetahui bentuk atau jenis perumpamaan sekaligus dengan contoh-contohnya dalam huraian tafsir *al-Azhar*, juzuk 27.
4. Menjelaskan makna perumpamaan, penggunaan dan hubungannya dengan ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkan oleh HAMKA yang tertumpu pada juzuk 27 sahaja.

#### **F. SKOP KAJIAN**

Ada dua aspek utama yang menjadi fokus kajian ini. Pertama, aspek yang berkaitan dengan kedudukan *amthāl* (perumpamaan) sebagai salah satu unsur atau metodologi dalam menerangkan makna dan maksud nas *al-Qur'ān*. Sedangkan aspek yang kedua adalah mengeluarkan, menghimpun dan kemudian menganalisis

perumpamaan-perumpamaan yang digunakan oleh HAMKA dalam tafsir *al-Azhar* juzuk 27. Dengan dua aspek skop kajian tersebut diharapkan pengkaji dapat mencapai objektif (sasaran) kajian dan kepentingannya sebagaimana telah dirumuskan dan dijelaskan pada bahagian di atas.

## **G. PENGERTIAN TAJUK**

Tajuk kajian ini adalah "*Perumpamaan Melayu: Kajian Terhadap Penggunaannya Oleh HAMKA Dalam Kitab Tafsir Al-Azhar Juzuk 27*". Judul awal kajian adalah "*Peranan Amthāl Dalam Mentafsirkan al-Qur'ān: Analisis Terhadap Perumpamaan-Perumpamaan HAMKA Dalam Tafsir al-Azhār*". Namun, ketika tajuk kajian ini dibentangkan di hadapan penyelia, para pensyarah dan calon sarjana di Jabatan *al-Qur'ān al-Hadīth* Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) pada tanggal 13 Mac 2009 yang lalu, maka tajuk kajian ini mengalami perubahan dari segi redaksinya, sedangkan maksud dan tujuan daripada isi kajiannya tetap sama.

Perubahan tersebut terletak pada pertukaran kata atau istilah dan ada pula kata-kata yang dihilangkan. Misalnya, kata "*Amthāl*" diubah menjadi "Perumpamaan Melayu". Kata "peranan" dan ayat "Dalam Mentafsirkan *al-Qur'ān* " dihilangkan. Dan kata "Analisis" diubah menjadi "Kajian". Sedangkan ayat "perumpamaan-perumpamaan HAMKA" ditukar menjadi ayat "penggunaannya oleh HAMKA". Kemudian di akhir sekali diberikan penambahan kata "Juzuk 27". Sebagai upaya untuk mengkhususkan dan memfokuskan kajian ini pada perumpamaan-perumpamaan yang dikemukakan HAMKA pada surah-surah yang termasuk dalam juzuk 27. Sehingga akhir sekali, pengkaji melalui persetujuan penyelia memilih tajuk kajian ini sebagaimana dikemukakan di atas, iaitu: "*Perumpamaan Melayu: Kajian Terhadap Penggunaannya*

Oleh HAMKA Dalam *Tafsir Al-Azhar Juzuk 27*". Dalam bahagian ini akan dihuraikan definisi-definisi daripada istilah-istilah yang terkandung dalam tajuk tersebut.

### **Perumpamaan:**

Dalam bahasa Arab perumpamaan dikenal dengan istilah "*mathal*", iaitu bentuk kata tunggal, sedangkan jama'nya ialah *amthāl*, bererti perumpamaan.

Dalam bahasa Melayu, perumpamaan merupakan suatu kata yang maknanya sama dengan kata-kata seperti: ibarat, misal; atau peribahasa yang berupa perbandingan dengan sesuatu yang lain (umumnya mengandungi pengajaran atau juga sesuatu yang dijadikan contoh (misal hal-hal yang telah berlaku dan lain-lain)<sup>4</sup>.

Secara istilah, perumpamaan adalah peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada perkara sesuatu yang lain, oleh itulah ertinya menjadi dua lapis.<sup>5</sup> Sedangkan dalam Kamus Dewan, Dr. Teuku Iskandar menjelaskan bahawa perumpamaan adalah peribahasa yang berupa perbandingan dengan sesuatu yang lain yang pada umumnya mengandungi ajaran.<sup>6</sup>

### **Melayu:**

Kata Melayu dinisbahkan kepada bangsa Melayu atau bangsa-bangsa serumpun Melayu Polonesia, iaitu meliputi negara-negara serumpun, seperti : Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, dan Selatan Thailand (Patani).

---

<sup>4</sup> Hajah Noresah bt. Baharom, B.Sc. M.A. (2005), *Kamus Dewan Edisi ke-empat*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Selangor: Dawama Sdn. Bhd. h.1766.

<sup>5</sup> Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1961), *Ilmu Mengarang Ilmu: Edisi Ejaan Rumi Baharu*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, c.2. Selangor: Percetakan Dawama Sdn. Bhd. Ampang/Ulu Kelang, h. 170.

<sup>6</sup> Dr. Teuku Iskandar (1970), *Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran*, c.1, Kuala Lumpur: Percetakan Art Kuala Lumpur, h. 1320.

Secara geografi, alam Melayu ini terentang dari hulu Sungai Mekong di wilayah Vietnam Tengah meliputi wilayah Kemboja, menyusur sempadan orang Thai hingga Patani dan semenanjung Tanah Melayu membawa ke Gugusan Kepulauan Melayu dari Pulau Sumatera, Jawa, Sulawesi, Kalimantan-Borneo hingga Mindanao dan Luzon di Filipina.<sup>7</sup>

Alam Melayu ini berada di kawasan beriklim tropika dan khatulistiwa, mempunyai bentuk muka bumi yang berbukit bukau, lembangan tanah pamah dan kepulauan. Sebahagian daripada alam Melayu ini terletak di atas Pelantar Sunda. Pentas Sunda merupakan bahagian bongkah Asia yang terletak di Selatan sekali. Pada masa dahulu tanah daratan di Asia Tenggara ini lebih luas daripada yang ada sekarang kerana paras lautnya adalah rendah.<sup>8</sup> Maka dikatakan bahawa Semenanjung Tanah Melayu dan Pulau Sumatera bercantum sebagai satu daratan bersama-sama Pulau Jawa dan Kalimantan. Sementara itu pulau-pulau di sebelah timur Jawa seperti Sulawesi, Lombok dan Bali bersama-sama dengan Filipina dihubungkan dengan wilayah alam Melayu, iaitu melalui sambungan siri lipatan dan gelinciran dari Sumatera dan Jawa mengikut garisan meridian.<sup>9</sup>

Itulah yang di maksud dengan alam Melayu, kawasan yang meliputi negara-negara seperti Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand. Negara-negara alam Melayu ini dikenali juga dengan istilah negara serumpun atau alam Nusantara. Negara-negara tersebut mempunyai ciri-ciri yang tidak jauh beza dan hubungan yang berkait rapat dari sudut budaya, geografi, agama, bahasa, sejarah asal-usul dan evolusi sosial masyarakatnya.

---

<sup>7</sup> S.M. Zakir (2007), "*Kesatuan Budaya Dari Sudut Pandang Melayu*". Dalam Mohamed Saleeh Rahamad et al. (eds.) *Budaya Serumpun Mendepani Globalisasi*, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA), Kuala Lumpur, h. 27

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 28

### **Kajian:**

Kajian ertinya analisis yang memiliki erti: penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan, dll.) untuk mengetahui pelbagai aspeknya, ciri-cirinya secara terperinci atau mendalam<sup>10</sup> . Sedangkan Prof madya Idris Awang menegaskan, perkataan 'penyelidikan' dan 'kajian' tidak dibezakan pengertiannya walaupun ada setengah pihak yang memaksudkan 'penyelidikan' sebagai kajian yang datanya dibentuk sendiri dengan menggunakan kaedah pengumpulan yang dirancang manakala 'kajian' pula merujuk kepada kajian yang memanipulasi data yang sedia ada.<sup>11</sup>

### **Terhadap:**

Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Baru menjelaskan, bahawa kata "terhadap" ialah kata depan untuk menandai arah; kepada; lawan.<sup>12</sup> Sedangkan kamus Dewan edisi ke-empat menjelaskan, bahawa kata "terhadap" mengandungi erti: berkenaan, mengenai, tentang, kepada, akan, dihadapkan dan tertumpu.<sup>13</sup> Jadi, makna kata "terhadap" yang dimaksudkan di sini adalah: kepada, berkenaan, tentang, mengenai atau boleh juga bermakna tertumpu.

### **Penggunaannya:**

Kata "penggunaan" mengandungi makna yang menunjukkan perihal (perbuatan atau kegiatan) yang menggunakan sesuatu atau pemakaian sesuatu benda.<sup>14</sup> Dalam hal ini, yang di maksud kata "penggunaannya" dalam kajian ini adalah suatu pendekatan

---

<sup>10</sup> Hajah Noresah bt. Baharom, B.Sc. M.A. (2005), *op.cit*, h. 51

<sup>11</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, c.1. Shal Alam Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 7

<sup>12</sup> Sriwahyuni (2007), *Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Baru*, Jakarta Barat: Pustaka Phoenix, h.302.

<sup>13</sup> Hajah Noresah bt. Baharom, B.Sc. M.A. (2005), *op.cit*, h. 496

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 489

HAMKA dalam menjelaskan huraian tafsir ayat-ayat *al-Qur'ān* dengan cara menggunakan atau menyebutkan perumpamaan-perumpamaan, khususnya perumpamaan yang sudah dikenali di kalangan masyarakat Melayu.

### **Oleh:**

Kata "oleh" memiliki banyak erti, iaitu: Kata sendi nama untuk menunjukan pembuat atau pelaku dalam ayat-ayat pasif, seperti dalam ayat: Daerah yang ditawan oleh musuh. Ia juga boleh bermakna: sebab, akibat, kerana. Contoh: Oleh tiada jalan lain hendak menyelamatkan dirinya, ia hendak mencuba terjun ke dalam air. Atau seperti ayat berikut: ia mati oleh kerisnya sendiri. Maksud kata "oleh" dalam dua ayat di atas adalah sebab, kerana atau akibat. Demikian pula kata "oleh" mengandungi makna: pada, bagi, untuk. Contoh: Tampak oleh seorang tua berjalan di tengah sawah. Atau juga bermakna "dengan", contoh: pokok-pokok yang lebat oleh buah.<sup>15</sup>

Pengertian kata "oleh" yang pertama, iaitu sebagai kata sendi nama yang berfungsi untuk menunjukkan pelaku atau pembuat dalam ayat-ayat pasif adalah pengertian yang lebih tepat dengan maksud tajuk kajian ini.

### **HAMKA:**

HAMKA adalah nama gelaran atau sebutan daripada Haji Amrullah Karim. HAMKA merupakan akronim pertama atau singkatan kepada nama asal iaitu Haji Abdul Malik Karim Amrullah. Nama tersebut diberikan oleh ayahnya sempena nama anak lelaki gurunya; Shaykh Aḥmad Khāṭib di Makkah. Proses penyingkatan nama

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, h.1095

beliau adalah disebabkan oleh aktiviti dalam bidang penulisan yang bertujuan untuk memudahkan masyarakat untuk mengenalinya.

HAMKA dengan dunia Melayu mempunyai keterikatan yang tidak boleh dipisahkan. Pada dekad abad ke 20, HAMKA adalah di antara nama-nama tokoh besar yang telah memberikan sumbangan yang sangat berharga kepada bangsa Melayu. HAMKA adalah di antara para penyumbang inspirasi yang menentukan ke mana dunia Melayu itu harus menuju, bagaimana corak budayanya dan bagaimana dunia Melayu dihubungkan menjadi bahagian yang integral serta tidak terpisah dari dunia Islam di Asia Tenggara dan dunia Islam lainnya secara menyeluruh.<sup>16</sup>

Beliau adalah seorang tokoh Islam Nusantara, ulama, mujahid dan se kaligus sebagai seorang sasterawan yang telah mencoret tinta emas bagi perkembangan dan kemajuan budaya dan sastera Melayu. Beliau adalah di antara tokoh-tokoh alam Melayu yang produktif dalam menghasilkan karya ilmiah. Di antara karyanya yang popular adalah kitab tafsir *al-Azhar*, sebuah karya yang menjadi tumpuan penyelidikan ini.

### **Dalam:**

Di dalam kamus Dewan edisi keempat, kata 'dalam' memiliki banyak erti, di antaranya: (1) Jarak (jauhnya) ke bawah atau ke dasar dari permukaan air, tanah dan sebagainya. (2) bukan sedikit, tidak sempit, lebih dari sekadar yang perlu sahaja. Seperti dalam ungkapan: Dia mempunyai pengetahuan yang dalam tentang hal itu. (3) Bahagian

---

<sup>16</sup> Mochtar Naim (2010), "*HAMKA dan Dunia Melayu dalam Perkisaran Sejarah*". Dalam Kamaruddin Salleh et al. (eds.), *Prosiding Seminar Serantau Seabad Buya HAMKA*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, h. 189.

atau ruang (rumah, bilik, peti, almari, dll). (4) Berkaitan dengan atau terbatas pada lingkungan sesuatu, seperti negeri, keluarga, dll. Sebagai contohnya dapat difahami dari kalimat sebagai berikut: Urusan dalam Negeri, masalah dalam keluarga.<sup>17</sup>

Untuk mengaitkannya dengan tajuk kajian ini, pengertian yang keempat nampaknya lebih dekat atau lebih tepat dengan makna dan maksud tajuk kajian tersebut. Di mana ia adalah kata sambung yang memiliki makna berkaitan atau terbatas pada suatu objek yang dibincangkan.

### **Tafsir :**

Tafsir, secara etimologi bererti: menjelaskan, menemukan dan menampakkan makna rasional. Dalam kamus *lisān al-‘Arab, al-Fasr* ertinya: membuka penutup, dan *tafsir* maknanya: menjelaskan maksud dari lafaz yang terbentuk.<sup>18</sup> Dalam *al-Qur’ān* Allah SW.T berfirman:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا .

Maksudnya: *Tidaklah orang-orang kafir itu datang kepadamu (membawa) sesuatu yang ganjil, melainkan kami datangkan kepadamu suatu yang benar dan yang paling baik penjelasannya.*<sup>19</sup>

( Q.S. *al-Furqān* [24]:33)

Erti dari kata "*aḥsan tafsīrā*," adalah secara jelas dan rinci. Ibn ‘Abbās r.a. memberikan erti: secara rinci. Sedangkan definisi tafsir secara terminologi, Abū Ḥayyān mendefinisikan, bahawa tafsir adalah *ilmu yang membincangkan tentang metode*

<sup>17</sup> Hajah Noresah bt. Baharom, B.Sc. M.A. (2005), *op.cit.* h. 306

<sup>18</sup> Mannā‘ al-Qaṭṭān (1998), *Mabāḥiṭh fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Beirut: Mu`assasah al-Risālah, h.295.

<sup>19</sup> Maksudnya: setiap kali mereka datang kepada Nabi Muhammad SAW. membawa suatu hal yang aneh berupa usul dan kecaman, Allah SWT. menolaknya dengan suatu yang benar dan nyata.



*pengucapan lafaz-lafaz al-Qurān, dalil-dalilnya, hukum-hakamnya, makna-maknanya yang dibawa oleh keadaan susunannya.*<sup>20</sup>

Al-Zarkashī mendefinisikan bahawa tafsir adalah *suatu ilmu untuk memahami kitab Allah SWT. yang diturunkan kepada NabiNya, Muhamamd SAW., menjelaskan makna-maknanya dan mengeluarkan hukum-hakam dan hikmah-hikmahnya.*

Dari kedua definisi di atas, nampaknya pengertian tafsir yang dikemukakan oleh Al-Zarkashi lebih mudah untuk difahami. Ia lebih sesuai, bertepatan dan mengena. Dalam hal ini, ulama seperti Dr. Yūsuf Al-Qaraḍāwī lebih memilih definisi yang dinukilkan Al-Ḥafīẓ al-Suyūṭī daripada Al-Zarkashī tersebut.<sup>21</sup>

Jadi, maksud kitab tafsir adalah sebuah karya tulis yang mengandungi penjelasan (tafsir) mengenai ayat-ayat *al-Qur'ān*.

### **Al-Azhar:**

*Al-Azhar* adalah nama daripada karya kitab tafsir yang ditulis oleh Prof. HAMKA yang dinisbahkan kepada sebuah Masjid yang bernama *al-Azhar*. Iaitu masjid yang digunakan oleh HAMKA sebagai tempat untuk mengadakan pengajian rutin tafsir *al-Qur'ān al-Karīm*. Karya tafsir *al-Azhar* ini merupakan sumbangan HAMKA bagi umat Islam, terutama umat Islam yang ada di tanah rantau ini. Kitab tafsir ini ditulis dari siri kuliah subuh yang disampaikan oleh HAMKA di Masjid *al-Azhar* yang terletak di Kebayoran Baru Jakarta sejak tahun 1959.

---

<sup>20</sup> Mannā' al-Qaṭṭān, 1998, *op.cit.* h.296.

<sup>21</sup> Dr. Yūsuf Al-Qaraḍāwī (2000), *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān al-'Azīm*, c. 6. Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 197.

Nama *al-Azhar* bagi masjid tersebut telah diberikan oleh Shaykh Maḥmūd Shalṭūt, Rektor Universiti *al-Azhar* semasa kunjungan beliau ke Indonesia pada Disember 1960 dengan harapan ia akan menjadi *al-Azhar* di Jakarta. Penamaan tafsir HAMKA dengan nama Tafsir *al-Azhar* bersempena dengan tempat lahirnya tafsir tersebut iaitu Masjid Agung *Al-Azhar* tersebut.<sup>22</sup> Dalam dunia pengajian tafsir di Nusantara, khususnya di Indonesia, tafsir *al-Azhar* dikenal dengan tafsir *al-Qur'ān* yang beraliran islah atau pembaharuan. Tafsir ini muncul sekitar dekad 1980.

Fakta yang menunjukkan ia disebut sebagai tafsir yang beraliran islah dapat dilihat dari beberapa hal, di antaranya adalah pengakuan pengarangnya sendiri yang menyatakan bahawa tafsir *al-Qur'ān* yang disusunnya banyak mengambil atau merujuk kepada kitab tafsir *al-Manār*, iaitu sebuah tafsir beraliran islah yang ditulis oleh Syeikh Muḥammad ‘Abduh dan Muḥammad Rashīd Riḍā.

Selain itu, juga telah dibuktikan dari beberapa kajian tafsir *al-Azhar* yang dilakukan oleh para sarjana, di antaranya adalah kajian yang dilakukan Peter Ridell, yang menyebutkan tafsir *al-Azhar* sebagai tafsir yang beraliran pembaharuan.<sup>23</sup>

### **Juzuk 27:**

Kata Juzuk diambil dari bahasa Arab ”*juz'un*” jamanya “*ajzā'*” yang bererti bahagian, iaitu bahagian daripada ayat dan surah *al-Qur'ān* yang jumlahnya terdiri dari

---

<sup>22</sup> HAMKA (t.t.) *Tafsir Al-Azhar, Juzuk 1*, Jakarta: PT. Pembimbing Masa, 1970, h. 44.

<sup>23</sup> Dr. Mustafa Abdullah (2008), *Pengaruh Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā Terhadap Pengajian Tafsir di Malaysia*, Kuala Lumpur: *Al-Bayān* Jurnal *al-Qur'ān* dan *al-Ḥadīth* APIUM, diterbitkan oleh Khairom Ilmu Enterprise, h.17.

30 juzuk. Adapun bilangan 27 adalah bilangan yang menunjukkan bahagian ke 27 daripada 30 juzuk *al-Qur'ān* yang mengandungi tujuh buah surah.

Ada beberapa alasan yang menyebabkan penulis memilih juzuk 27 ini. Pertama, upaya untuk lebih memfokuskan kajian, ini kerana disertasi yang tengah pengkaji buat hanya sebagai pelengkap kepada kursus program sarjana yang diambil. Telah sedia maklum, tafsir *al-Azhar* karangan HAMKA merupakan tafsir *al-Qur'ān* yang tebal dan lengkap 30 juzuk, disusun mulai surah pertama (*al-Fātiḥah*) hingga surah terakhir (*al-Nās*). Agar kajiannya tidak terlalu luas, maka penulis memfokuskan kajian ini pada satu juzuk sahaja, iaitu juzuk 27.

Kedua, surah-surah yang tergolong kepada juzuk 27 ini, surah-surah *al-Makkiyyah*. Di mana, salah satu ciri surah *Makkiyyah* ini ialah pada umumnya ayat-ayatnya berbicara tentang masalah yang berkaitan dengan akidah dan akhlak. Dengan memilih surah *Makkiyyah* kajian ini boleh terhindar dari perbincangan masalah hukum-hakam yang pada umumnya banyak dibincangkan pada surah-surah *Madaniyyah*. Hal ini juga sebagai upaya untuk lebih memfokuskan kepada kajian dan meminimumkan halaman.

Ketiga, juzuk 27 adalah di antara juzuk-juzuk surah *Makkiyyah*, di mana HAMKA banyak mengemukakan perumpamaan-perumpamaan dalam menghuraikan tafsiran suatu ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkannya. Perumpamaan-perumpamaan yang ada dalam juzuk 27 kiranya boleh dijadikan sebagai bahan untuk membuat kajian ini.

## H. KAJIAN-KAJIAN LEPAS (*Literature Review*)

Dalam perbincangan ilmu *al-Qur'ān*, *amthāl* adalah salah satu tajuk penting yang menjadi perbincangan para ulama, khususnya ulama di bidang ilmu *al-Qur'ān* dan tafsir. Pentingnya perbincangan ini tidak lain kerana dalam *al-Qur'ān* sendiri banyak ditemui perumpamaan-perumpamaan dalam menjelaskan pesan-pesan wahyu *ilahi*, sehingga keterangannya menjadi lebih jelas dan mudah untuk difahami.

Selain terdapat dalam kitab-kitab '*Ulūm al-Qur'ān*, atau pengantar ilmu *al-Qur'ān*, tajuk tentang *amthāl* ini telah dibahas dalam kitab-kitab tentang *amthāl* dalam *al-Qur'ān* secara khusus dan terperinci.

Kitab-kitab tersebut di antaranya adalah kitab yang ditulis oleh Shaykh Ibn Qayyim al-Jawziyyah, dengan tajuk *al-Amthāl fī al-Qur'ān*". Dalam kitab ini, Ibn Qayyim menjelaskan tentang perumpamaan-perumpamaan yang terkandung dalam *al-Qur'ān*. Huraian-huraian yang dibuat oleh pengarangnya mengandungi unsur-unsur nasihat dan iktibar yang cukup bermanfaat bagi mereka yang membacanya. Meskipun kitab ini hanya mempunyai 95 halaman muka surat sahaja dengan perbincangan terhadap 24 ayat-ayat *amthāl* atau perumpamaan di dalam *al-Qur'ān*, namun huraian yang dibuat oleh pengarangnya cukup menarik dan mempunyai nilai keilmuan yang memadai.

Kitab *Amthāl al-Qur'ān* yang ditulis oleh Imam Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah ini telah ditahqiq oleh ramai orang, di antara nama pentahqiqnya adalah Sa'īd Muḥammad Namr al-Akhaṭīb, yang kitabnya diterbitkan oleh *Dār al-Ma'rifah*, Beirut Lubnan. Selain al-Khaṭīb, Nāṣir bin Sa'ad al-Rashīd juga berhasil melakukan tahqiq terhadap kitab *Amthāl al-Qur'ān* Imām Ibn Qayyim ini. Kemudian Abī 'Abdullah Muḥammad bin 'Alī al-Ḥakīm al-Turmidhī, juga telah menulis sebuah kitab yang berkaitan dengan

*amthāl*, iaitu dengan tajuk: "*al-Amthāl min al-Kitāb wa al-Sunnah*". Kitab ini tidak hanya membincangkan *amthāl* yang terdapat dalam *al-Qur'ān* sahaja, tetapi juga *amthāl* yang terdapat dalam *ḥadīth* Nabi. Kitab ini telah ditahqīq oleh al-'Abd al-Jamīlī.

Ada pula karya dari buah tangan Muhammad Bakr Ismā'īl yang bertajuk: "*Al-Amthāl al-Qur'āniyyah: Dirāsah Taḥlīliyyah*". Kitab ini juga pantas untuk dibaca oleh para pencinta ilmu *al-Qur'ān*. Dalam karyanya tersebut, sang penulis membincangkan perkara-perkara yang berkenaan dengan ilmu *amthāl* dan *amthāl* dalam *al-Qur'ān* secara khusus dan terperinci. Kitab ini mengandungi dua bab utama dan setiap bab memiliki beberapa bahagian. Bab pertama berbincang mengenai pengantar terhadap *amthāl al-Qur'ān*, seperti pengertian *amthāl* dari segi ilmu balaghah dan aspek *al-Qur'ān*, jenis-jenis *amthāl*, ciri-ciri *amthāl*, tujuan dan faedah *amthāl* dan lain sebagainya. Sedangkan bab yang kedua adalah berkenaan dengan kajian penyelidikan terhadap *amthāl al-Qur'ān*, di mana bab kedua terdiri dari 34 bahagian.

Satu lagi karya yang tidak kurang menariknya berkaitan dengan *amthāl* ini, iaitu karya yang telah dikarang oleh Muḥammad al-Gharus, dengan tajuk: "*Al-Amthāl wa al-Ḥikam al-Mustakhrajah min Kalimāt al-Imām al-Riḍā Alaihi al-Salām*". Kitab ini adalah sebuah karya tentang kumpulan-kumpulan *amthāl* dan *amthāl* yang diambil dari Imām al-Riḍā. Dari segi bentuk kajiannya, tajuk karya Muḥammad al-Gharus ini mempunyai kesamaan dengan kajian yang akan dilakukan oleh penulis. Namun, apa yang berbeza adalah kajian penulis berkenaan dengan HAMKA, sementara Muḥammad al-Gharus berkenaan dengan Imām al-Riḍā.

Setakat ini, penulis juga menemukan sebuah kajian yang bertajuk *Al-Amthāl dalam Al-Qur'ān : kajian terhadap surah Al-Nahl*. Tajuk ini ditulis oleh Zamzam Atirah Md. Zain, iaitu sebuah disertasi untuk mendapatkan gelar sarjana di Jabatan Al-

Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004. Kajian disertasi ini membincangkan tentang *amthāl* dalam *al-Qur'ān* dengan memfokuskan kajiannya hanya pada surat *al-Nahl* sahaja.

Berkenaan dengan tajuk tesis ini, penulis juga telah menemukan beberapa karya atau kajian yang membincangkan tentang ketokohan HAMKA dan tafsir *al-Azhar*. Sebagai karya penting, ditambah dengan pengarangnya yang memiliki latar belakang yang hebat dalam memperjuangkan Islam dan nasib umatnya, sudah barang tentu karya-karyanya telah menjadi bahan rujukan dan kajian para sarjana, tidak terkecuali karya tafsirnya, *al-Azhar*. Dalam hal ini, penulis telah menemukan beberapa karya ilmiah yang berkaitan dengan HAMKA dan tafsirnya. Di antaranya adalah karya ilmiah yang ditulis oleh Ali Abri, dengan tajuk: *Manhaj akidah menurut HAMKA*. Iaitu sebuah tesis (Ph.D.), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007. Demikian juga karya ilmiah yang ditulis oleh Sarwan, yang bertajuk: *Profesor Dr. HAMKA dan sumbangannya terhadap perkembangan dakwah Islamiyah di Indonesia*. Iaitu sebuah disertasi dari pada Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tahun 1996.

Mengenai karyanya, tafsir *al-Azhar*, terdapat sebuah kajian yang ditulis oleh M. Yunan Yusuf bagi menyelesaikan tesisnya di bidang teologi Islam (ilmu kalam) di Fakulti Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah Jakarta bagi memperoleh gelar Doktor Ilmu Agama Islam<sup>24</sup>. Tajuk kajiannya adalah "*Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar: Sebuah Telaah atas Pemikiran HAMKA dalam Teologi Islam*". Dalam kajiannya ini, M. Yunan Yusuf memfokuskan perbahasannya kepada pemikiran HAMKA dalam bidang ilmu kalam. Di mana beliau menyimpulkan

---

<sup>24</sup> Kini nama Perguruan Tinggi ini sudah naik taraf menjadi Universiti Islam Negeri (UIN) Hidayatullah Jakarta dan bukan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) lagi.

bahawa HAMKA layak digolongkan ke dalam jajaran pemikiran kalam rasional. Namun, corak pemikiran kalam yang terdapat dalam tafsir *al-Azhar* tersebut, tidaklah seluruhnya sejalan dengan pemikiran kalam yang dibawa oleh Mu'tazilah dan Māturidiyyah Samarkand.<sup>25</sup>

Setakat inilah yang penulis ketahui mengenai kajian-kajian lepas yang ada hubung kait dengan tajuk yang menjadi kajian penulis. Meskipun secara intinya, ia dibezakan oleh aspek-aspek yang menjadi penekanan atau fokus kajian. Dalam hal ini, tajuk yang menjadi bahan kajian penulis adalah terletak pada aspek perumpamaan dan penggunaannya oleh HAMKA; dengan menjadikan tafsir *al-Azhar* juzuk 27 sebagai objek kajiannya. Dalam hal ini, secara terperinci penulis telah pun menjelaskan latar belakang masalah pada bahagian yang lepas.

## **I. METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Metodologi penyelidikan adalah ilmu tentang cara mengadakan penelitian dan kajian perpustakaan. Dalam kegiatan ilmiah, suatu metodologi memainkan peranan penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek penelitian. Suatu penyelidikan atau penelitian ilmiah akan mendapatkan hasil yang bermutu apabila metode-metode yang digunakan itu tepat dan sesuai dengan objek dan tujuan penyelidikan.

Pada dasarnya, kajian ini merupakan kajian bahan-bahan tertulis, hasil fikiran dan kajian perpustakaan (*library research*) yang berbentuk deskriptif dan analisis. Data-data tersebut diperoleh daripada bahan-bahan yang berbentuk dokumen seperti buku,

---

<sup>25</sup> Prof. Dr. Yunan Yusuf (2003), *Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar: Sebuah Telaah Atas Pemikiran HAMKA dalam Teologi Islam, c.2.*, Jakarta: Penamadani, hal. 205

jurnal, catatan-catatan risalah, akhbar-akhbar, dan sebagainya, sama ada dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Arab. Dalam menyusun kajian ini, penulis akan menggunakan dua metode utama iaitu metode pengumpulan data metode analisis data.

### **i. Metodologi Pengumpulan Data**

Agar kajian ini dapat dibuat dan diselesaikan dengan baik, penulis telah sedaya upaya untuk menghimpun data-data yang mempunyai hubung kait dengan kajian yang penulis lakukan. Data-data yang berhasil penulis kumpulkan adalah data-data yang berasal dari sumber primer<sup>26</sup>. Di antara data kualitatif<sup>27</sup> yang berhasil penulis jumpai adalah data yang berasal dari sebuah karya buku, iaitu kitab tafsir *al-Azhar* yang dikarang oleh HAMKA. Karya tafsir *al-Azhar* ini merupakan tumpuan utama dalam menyusun kajian ilmiah ini. Selain itu, terdapat data-data yang diperoleh dari buku-buku lain, khususnya buku-buku yang berkaitan dengan tajuk *amthāl* atau perumpamaan, sama ada dari kitab-kitab *turāth* atau buku-buku yang ditulis oleh pengarang tempatan yang telah diiktiraf, terutama di dunia Melayu .

Data-data yang diperoleh dari karya buku ilmiah tersebut dikenal juga dengan sumber sekunder, iaitu bahan yang ada perantara di antara penulisnya dengan keadaan atau pengalaman yang menjadi subjek perbincangan seperti ulasan, makalah dan juga buku ilmiah.<sup>28</sup> Dalam pengumpulan data-data ini, penulis juga akan menggunakan metode dokumentasi, iaitu mengumpulkan data-data yang telah diperoleh. Metode ini

---

<sup>26</sup> Sumber primer adalah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan situasi yang dijelaskan seperti penulisnya terlibat atau melihat sendiri dengan situasi itu, misalnya: temu bual, penyelidikan lapangan, soal-selidik, eksperimentasi, laporan, autobiografi, diari, manuskrip, fail, artifak, gambar, minit mesyuarat, catatan pengembara dan sebagainya. Lihat: Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, Shah Alam, Selangor: Kamil dan Syakir Sdn. Bhd., h. 94.

<sup>27</sup> Data kualitatif adalah data dalam bentuk maklumat yang diperoleh dari buku dan makalah yang autentik, dokumen, artifak, peta, gambar atau dikumpulkan melalui temu bual dan penyelidikan. Lihat: Idris Awang (2009), *Ibid.*, h. 68.

<sup>28</sup> Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 94.



tentunya boleh membantu penulis bagi mendapatkan maklumat yang berkenaan dengan kajian ini.

## **ii. Metode Analisis Data**

Data-data yang diperoleh, seterusnya dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan deduktif. Metode induktif iaitu cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil umum. Metode ini juga akan digunakan dalam setiap bab. Dimulai dari bahagian pendahuluan, penulis menghuraikan definisi dari istilah-istilah yang digunakan dalam tajuk disertasi ini. Kemudian dari tajuk ini terangkum pula dalam bentuk yang lebih luas dan umum yang dapat membantu merumuskan masalah yang akan dikaji. Kemudian bab pertama adalah perbahasan tentang masalah perumpamaan, sama ada perumpamaan menurut literatur Arab atau pun literatur Melayu. Dalam menulis perbahasan pada bab kedua ini, penulis juga menggunakan metode induktif. Demikian pula dalam bab kedua yang menjelaskan tentang biografi HAMKA, latar belakang pendidikan, keluarga, rehlah ilmu, aktiviti gerakan dakwahnya, pemikirannya, dan karya utamanya, iaitu tafsir *al-Azhar*. Bab ketiga merupakan perbahasan tentang pengenalan surah-surah *al-Qur'ān* yang terhimpun dalam jujuk 27. Demikian pula pengenalan gaya bahasa yang digunakan HAMKA ketika menghuraikan tafsirannya.

Sedangkan bab keempat merupakan perbahasan inti daripada kajian yang dibuat oleh penulis. Di sini, penulis akan memaparkan empat topik utama, iaitu: pertama, klasifikasi perumpamaan HAMKA dari sudut sumbernya; kedua, metode penggunaan perumpamaan oleh HAMKA dan klasifikasinya dari sudut jenisnya; ketiga, perbahasan tentang penjelasan makna perumpamaan dan keempat perbahasan tentang contoh

penggunaan perumpamaan dan hubungannya dengan makna ayat yang ditafsirkan oleh pengarang.

Selepas itu disusul dengan bab kelima yang merupakan penutup kepada perbahasan disertasi ini, di mana isi kandungan bab terakhir adalah kesimpulan dari perbahasan-perbahasan yang telah disampaikan pada bab-bab sebelumnya. Dari sini dapatlah disimpulkan, bahawa perumpamaan (baca:perumpamaan Melayu) adalah merupakan sebuah elemen atau metodologi dalam menjelaskan dan menghuraikan tafsir kepada sesuatu ayat *al-Qur'ān*. Adapun metode deduktif iaitu suatu cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil khusus. Metode ini banyak digunakan oleh penulis dalam menganalisis data-data yang berkaitan dengan perbahasan mengenai perumpamaan-perumpamaan yang digunakan oleh HAMKA. Selain daripada metodologi-metodologi yang disebutkan di atas, dalam menganalisis perumpamaan-perumpamaan HAMKA dalam tafsirnya, penulis akan menggunakan metodologi kualitatif. Kualitatif berasal dari perkataan kualiti iaitu merujuk kepada darjah kecemerlangan, biasanya yang tinggi mutu, kualitatif berdasarkan kualiti, nilai dan mutu sesuatu.<sup>29</sup> Penyelidikan kualitatif ialah bentuk penyelidikan dengan menggunakan data selain dari angka atau bilangan, tetapi dengan melihat aspek kualitatif, mutu dan nilainya. Dengan sendirinya data-data tersebut dianalisis secara kualitatif.<sup>30</sup> Dalam hal ini, penulis akan melakukan analisis-analisis terhadap perumpamaan-perumpamaan yang dituliskan oleh HAMKA dengan cara menjelaskan makna atau maksud daripada perumpamaan tersebut dan bagaimana hubungannya dengan suatu ayat yang beliau tafsirkan. Sehingga dengan demikian, diharapkan darjah dan kualiti perumpamaan itu

---

<sup>29</sup> Rizalman Muhammad dan Ishak Suliaman (2008), *Wasiat dan Hibah*, c.1. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., h.20.

<sup>30</sup> *Ibid.* h. 21.

akan nampak jelas; iaitu dapat mengenal pasti ketepatan dan keberkesanan perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA terhadap konteks sesuatu ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkannya.

## **M. SISTEMATIKA PENULISAN**

Kajian ini dimulai dengan bahagian pendahuluan sebagai pengantar kepada masalah kajian yang mengandungi tajuk-tajuk kecil seperti latar belakang kajian, objektif kajian, kepentingannya, skop kajian, pengertian tajuk, kajian lepas, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan kajian. Setelah bahagian pendahuluan, masuklah kepada perbahasan yang terdiri dari lima bab. Bab pertama berkenaan dengan perumpamaan Melayu yang menjelaskan tentang pengertian perumpamaan, faktor kemunculan perumpamaan dan kepelbagaian perumpamaan, sama ada perumpamaan menurut literatur Arab atau pun Melayu.

Bab kedua menjelaskan tentang biografi HAMKA dan karyanya tafsir *al-Azhar*. Perbahasan mengenai riwayat hidup HAMKA ini mencakupi nama dan keturunannya, rehlah ilmu, aktiviti dan pemikirannya. Adapaun perbahasan mengenai tafsir *al-Azhar* mencakupi sejarah ringkas penulisan tafsir *al-Azhar*, faktor pendorong penyusunan tafsir dan kesimpulan tentang penilaian para ulama dan sarjana terhadap karya tafsir *al-Azhar*.

Selanjutnya pada bab ketiga adalah perbahasan mengenai nama-nama surah yang termasuk kepada *al-Qur'ān* juzu' 27 dan menjelaskan gaya bahasa HAMKA dalam mentafsirkan ayat *al-Qur'ān*. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti nama-nama surah tersebut dan mengetahui gaya bahasa yang digunakan oleh HAMKA.

Sedangkan pada bab keempat merupakan inti daripada pembahasan kajian ini, yaitu analisis terhadap perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam huraian tafsirannya, khususnya surah-surah yang termasuk kepada juzu' 27. Bab ini memfokuskan kajian kepada empat tajuk pokok, yaitu klasifikasi perumpamaan HAMKA dari segi sumbernya, klasifikasi perumpamaan HAMKA dari segi jenisnya, contoh perumpamaan dan penjelasan maknanya dan hubungan perumpamaan tersebut dengan ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkannya.

Kemudian bab kelima adalah penutup yang mengandungi kesimpulan dan rumusan dari keseluruhan kajian sehingga dapat memberikan suatu gambaran yang jelas dan ringkas bahawa penelitian yang telah dilakukan ini memenuhi objektif kajian. Selain itu, dalam bab ini juga dikemukakan beberapa saran dan cadangan demi memartabatkan lagi para tokoh dan ulama Islam serta melestarikan khazanah keilmuan, khususnya di nusantara.

## BAB I

### PERUMPAMAAN MELAYU

Sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab pendahuluan, fokus utama kajian ini adalah untuk mengeluarkan serta melakukan analisis terhadap beberapa perumpamaan-perumpamaan HAMKA yang terdapat dalam tafsir *al-Azhar*, iaitu sebuah perbahasan yang akan dibincangkan secara khusus pada bab keempat. Oleh sebab itu, perbahasan pada bab satu ini memiliki hubung kait yang tidak boleh dipisahkan, kerana ia dapat berfungsi sebagai pembuka jalan bagi meneruskan perbahasan pada bab berikutnya. Dengan kata lain, kajian terhadap perumpamaan-perumpamaan HAMKA tersebut boleh dilakukan, apabila kita sudah mengerti dan memahami selok-belok *amthāl* dengan sebenar.

Berkaitan dengan dasar pemikiran di atas, maka pada bab satu ini, penulis akan menghuraikan pengertian *amthāl*, jenis-jenisnya dan faedahnya atau peranannya, apabila seorang mufasir menggunakan atau memasukkan amthal tersebut dalam penjelasan tafsirannya pada ayat-ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkannya. Oleh kerana perumpamaan-perumpamaan yang ada dalam tafsir *al-Azhar* tersebut dikemukakan oleh seorang pengarang yang berasal daripada ulama Melayu, maka selain dari literatur Arab, penulis juga akan menghuraikan pengertian *amthāl* dari literatur budaya tempatan. Iaitu *amthāl* yang sememangnya dimaksudkan dalam kajian ini.

Dengan demikian, diharapkan makna *amthāl* yang diertikan oleh masyarakat Nusantara sebagai perumpamaan dapat diserlahkan dengan jelas; menunjukkan adanya persamaan atau keserasian makna yang dimaksudkan antara kata *amthāl* dalam literatur

Arab dengan kata perumpamaan dalam literatur tempatan. Meskipun kata *amthāl* itu sendiri nampak sudah menjadi bahasa rasmi Melayu, khususnya di Malaysia.

Jenis-jenis *amthāl* atau perumpamaan juga akan penulis dedahkan dalam bab ini. Matlamat daripada pendedahan bentuk-bentuk *amthāl* ini adalah di samping boleh menambah pengetahuan tentang *amthāl*, ia juga akan dijadikan sebagai untuk mengetahui bentuk-bentuk perumpamaan yang digunakan HAMKA dalam mentafsirkan sesuatu ayat *al-Qur'ān* tertentu dalam tafsir *al-Azhar* nya. Tanpa mengetahui bentuk-bentuk *amthāl* ini, pengkaji akan mengalami kesulitan dalam melakukan analisis terhadap bentuk perumpamaan yang digunakan oleh HAMKA.

Tidak kurang pentingnya, dalam bab ini pula, penulis akan menghuraikan faedah daripada uslub *amthāl*. Tema *amthāl* dalam *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* adalah tajuk yang sudah tidak perlu diragukan lagi nilai dan kepentingannya. Bahkan bukan sedikit dari kalangan ulama dan para sarjana bidang ilmu *al-Qur'ān* dan tafsir yang telah membahaskan serta melakukan kajian terhadap *amthāl* dalam *al-Qur'ān* atau *al-Hadīth*. Apa yang menjadi persoalan adalah bagaimana dengan para mufasir yang menggunakan uslub *amthāl* dalam mentafsirkan suatu ayat tertentu dalam *al-Qur'ān*?

Soalan ini adalah soalan yang memang sengaja penulis kemukakan di dalam kajian ini. Ia merupakan bahagian daripada permasalahan yang akan menjadi bahan perbincangan dalam penulisan karya ilmiah ini. Oleh kerana itu, perbahasan tentang faedah *amthāl* dalam bab ini adalah di antara perbahasan penting.

## 1. Pengenalan Perumpamaan (*amthāl*) Menurut Literatur Arab

Literatur Arab banyak dipengaruhi oleh kehadiran *al-Qur'ān* dan *al-Ḥadīth*. Hal ini sudah di sedia maklum kerana Islam yang berpedoman kepada *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* yang telah dibawa dan disebar oleh baginda Muḥammad SAW. kepada umat manusia itu lahir di negeri Arab, iaitu Makkah *al-Mukarramah*.

Selari dengan perkembangan Islam ke luar semenanjung Arab dan bertambahnya minat umat Islam untuk mengetahui dan mempelajari *al-Qur'ān* dan *ḥadīth-ḥadīth* Nabi SAW., kesusasteraan (literatur) Arab pun mengalami perkembangan yang begitu pesat. Hal ini ditandai dengan munculnya karya-karya penulisan ilmiah mengikut bidang-bidang ilmu keislaman yang beraneka ragam, seperti ilmu akidah, *ulūm al-Qur'ān* (ilmu-ilmu *al-Qur'ān*), ilmu *al-ḥadīth*, ilmu *al-fiqh* (ilmu fikah), ilmu tafsir dan lain-lain. Karya-karya ilmiah ini kemudiannya tersebar ke pelosok dunia, khususnya negeri-negeri yang majoritinya penduduk Islam.

Oleh itu, berbincang mengenai *amthāl* (perumpamaan) dan jenis-jenisnya, maka ia tidak lepas dari perbincangan tentang *amthāl* dalam *al-Qur'ān* itu sendiri yang telah pun dirumuskan oleh para ulama yang menekuni bidang ilmu *al-Qur'ān*. Bahkan masalah perumpamaan ini juga dibahaskan secara lebih khusus dan terperinci dalam sebuah disiplin ilmu keislaman yang dikenal dengan ilmu *balāghah*.

### 1.1. Definisi *al-Amthāl*

Dalam bahasa Arab, perumpamaan dikenali dengan istilah *al-Amthāl*, iaitu perumpamaan-perumpamaan yang merupakan segugus ungkapan yang jelas, ringkas,

padat, bernas, berisi hikmah yang senang diterima kebenarannya oleh sesiapa yang mendengar. Keelokan bahasa terserlah apabila disulam di dalam tafsiran, syarahan dan ucapan untuk meneguhkan kebenaran. Berdasarkan kepada perbahasan para ulama, pengertian *al-Amthāl* dapat dilihat dari segi bahasa dan istilah.

### 1.1.1. Pengertian *al-Amthāl* (Perumpamaan) dari segi bahasa

Dalam kitab *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* dijelaskan bahawa kata kerja daripada kata **مَثَلٌ** (*mathal*) adalah **مَثَلٌ-يَمَثُلُ-مُثَوِّلاً** yang bermakna: **صَوَّرَهَا** (mengambarkan). Jama'nya adalah **أَمْثَالٌ**, yang mengandungi makna **شِبْهَةٌ وَنَظِيرٌ** (serupa, seumpama).<sup>31</sup>

Muhammad Bakr Ismā'īl menukil daripada Ibn Fāris dalam kamusnya, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah* yang menyebutkan bahawa kata *amthāl* yang terdiri dari tiga huruf, iaitu *al-Mīm*, *al-Thā* dan *al-Lām* adalah akar huruf *saḥīḥ* (selamat daripada huruf *mu'tal*) yang menunjukkan adanya perumpamaan sesuatu kepada sesuatu. Contoh: ini seperti ini, iaitu seumpamanya.<sup>32</sup>

Kata **المِثْل** (dengan *Mīm* berbaris kasrah) kadangkala digunakan untuk mengungkapkannya sesuatu yang serupa dengan yang lainnya dari sudut maknanya, iaitu makna **كان** (Kata kerja bentuk lampau, yang bererti adalah).

<sup>31</sup> Aḥmad al-'Āyid, *et al* (t.t), *al-Mu'jam al-'Arābī al-Asāsī*, t.t.p. : *al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulūm*, h. 1117-1118.

<sup>32</sup> Muhammad Bakr Ismā'īl (1999), *Dirasāt fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c.2. Mesir: Dār al-Manār, hal. 293.



Dalam sastra Melayu, seperti dalam Kamus Dewan misalnya, kata *amthāl* yang menunjukkan makna perumpamaan dapat dijumpai dari kata amsal, misal dan ibarat. *Amthāl* adalah jama' bagi *mithal*, iaitu seperti atau umpama<sup>33</sup>. Atau dari kata *mithal*, iaitu misalan, umpama, perumpamaan (perbandingan). Semisal seperti, sebagai, seumpama. Memisalkan ertinya: mengumpamakan, mengibaratkan.<sup>34</sup>

Atau dari kata ibarat, yang juga mengandungi makna yang sama dengan kata di atas, iaitu umpama dan seperti. Misalnya: *Agama itu ibarat suatu suluh (lampu) bagi menunjukkan jalan yang lurus dan selamat*. Mengibaratkan (bentuk kata kerja), mengandungi beberapa erti, iaitu **pertama**, mengumpamakan, menyamakan, membandingkan (suatu benda dengan benda lain): *pada manusia seperti inilah dapat dibaratkan pepatah: bercerai hidup umpat-umpatan, bercerai mati puji-pujian*; **kedua**, Menganggap: *dia ~ buku sebagai temannya pada waktu lapang*. **Ketiga**, Mengatakan sesuatu (selalunya yang berupa nasihat) dengan berbagai kiasan<sup>35</sup>.

### 1.1.2. Pengertian *al-Amthāl* (Perumpamaan) dari segi istilah

Para ulama telah memberikan batasan mengenai definisi *amthāl* dari segi istilah. Secara redaksi, definisi yang telah dikemukakannya terdapat perbezaan. Demikian juga secara keluasan maknanya, mereka mempunyai pandangan tersendiri tentang takrif *amthāl* ini. Oleh kerana itu, tidak hairan kalau *amthāl* memiliki jenis dan bentuk yang bermacam-macam.

---

<sup>33</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (2005), *Kamus Dewan Edisi ke-empat*, Selangor Darul Ehsan: Dawama Sdn. Bhd. h.48.

<sup>34</sup> *Ibid.* hal. 1036.

<sup>35</sup> *Ibid.* hal. 556

Namun demikian, perbezaan definisi *amthāl* dari sudut redaksinya tersebut tidak mengurangi makna *amthāl* yang dimaksudkan. Dalam perbahasan ini, penulis akan mengambil takrif *amthāl* tersebut dari beberapa ulama yang memang ahli dalam bidang ini.

Imām al-Suyūṭī memberikan pengertian, amthal adalah suatu bayangan atau gambaran mengenai makna-makna yang ada pada bayangan seseorang, di mana gambaran itu terbentuk dalam mindanya untuk membantu minda tersebut dengan kemampuan pancainderanya. Oleh sebab itu, maksud daripada amthal adalah *tashbīh al-khafiyy bi al-Jaliyy*, iaitu menyerupakan sesuatu yang tersembunyi dengan sesuatu yang terang, perkara yang abstrak dengan perkara yang nyata.<sup>36</sup>

Adapun dalam bukunya yang terkenal, *Aṣrār al-Balāghah*, Al-Imām ‘Abd Qāhir al-Jurjānī menjelaskan bahawa *tamthīl* lebih khusus daripada *tashbīh* sedangkan *tashbīh* bersifat lebih umum, maka setiap *tamthīl* adalah *tashbīh* dan bukanlah setiap *tashbīh* itu *tamthīl*.<sup>37</sup>

Namun Muḥammad Muḥammad Mūsā menyebutkan dalam bukunya, bahawa al-Zamahshari tidak membezakan antara *tashbīh* dan *tamthīl* sebagaimana pendapat yang disampaikan oleh Al-Imām ‘Abd Qāhir al-Jurjānī di atas.<sup>38</sup>

‘Abd Raḥmān Ḥasan Ḥanbakah al-Maydānī memberikan definisi, mathal atau perumpamaan adalah suatu ungkapan yang terbentuk atas penyerupaan (*tashbīh*) suatu

---

<sup>36</sup> Imām al-Suyūṭī (1987), *Mukhtaṣar al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān li al-Suyūṭī*. Ṣalah al-Dīn Arqā Dān (ed.), c.2, Beirut: Dār al-Nafāis, h.178.

<sup>37</sup> Imam ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī (2001), *Aṣrār al-Balāghah, Muḥammad al-Fāḍilī* (ed.), c.3. Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h.73.

<sup>38</sup> Muḥammad Muḥammad Mūsā (1988), *Al-Balāghah al-Qur’ān iyyah fī Tafsīr al-Zamakhsharī wa Atharuhā fī al-Dirāsāt al-Balāghiyah*, c.2. Kaherah: Dār al-Taḍāmūn, h.479.

benda dengan benda lain dikeranakan adanya unsur serupa atau kemiripan di antara keduanya, atau sebab unsur kemiripannya lebih banyak. Berkenaan dengan perumpamaan dalam *al-Qur'ān*, beliau membahagikan perumpamaan kepada dua bahagian, iaitu *al-Tamthīl al-Basīṭ* (perumpamaan sederhana) dan *al-Tamthīl al-Murakkab* (perumpamaan yang tersusun atau berlapis).<sup>39</sup>

Dalam bukunya yang bertajuk "*Mausū'āt al-Amthāl al-Qur'āniyyah*," Muḥammad 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Laṭīf memberikan kesimpulan tentang pengertian perumpamaan atau amthal sebagaimana berikut, amthal iaitu ungkapan yang memberikan penjelasan tentang suatu makna dengan bentuk yang indah dan ringkas yang masuk ke dalam jiwa, sama ada bentuk perbandingan (*tashbīh*) atau pun perkataan langsung (*Qaul mursal*).<sup>40</sup>

Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula mendefinisikan *amthāl* dengan menyerupakan sesuatu dengan sesuatu yang lain dalam hal hukumnya, dan mendekati sesuatu yang abstrak (*ma'qul*) dengan yang indrawi (konkrit, *makhsus*), atau mendekati salah satu dari dua *makhsus* dengan yang lain dan menganggap salah satunya itu sebagai yang lain.<sup>41</sup>

Sementara itu, Al-Alūsi dalam tafsirnya, mengertikan *amthāl* sebagaimana berikut: "*amthāl* dikemukakan adalah untuk menemukan sesuatu dan untuk menjelaskan sesuatu (*li al-Kashf wa al-Bayān*). *Al-Mathal* (dengan dua baris fathah) sama seperti *al-mithl* (dengan kasrah huruf *mīm* dan sukun huruf *al-thā*) dan *mathil* (kata asalnya)

---

<sup>39</sup> 'Abd Raḥmān Ḥasan Ḥanbakah al-Maydānī (1992), *Amthāl al-Qur'ān wa Ṣuwarun min Adabihi al-Rafī'*, c.2. Beirut: Dār al-Qalam, h. 19.

<sup>40</sup> Muḥammad 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Laṭīf (1993), *Mausū'āt al-Amthāl al-Qur'āniyyah*, c.1. Kaherah: Maktabah al-Āḍāb, h. 178.

<sup>41</sup> Sa'īd Muḥammad Namr al-Khaṭīb (1983), *al-Amthāl fī al-Qur'ān al-Karīm li Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, c.2. Beirut Lubnan: Dār al-Ma'rifah, h. 173.

adalah bermakna *al-naẓīr* atau *tashbīh* (Penyerupaan); kemudian menjadi makna yang dapat difahami, tersebar dan elok yang meliputi: *tashbīh* bukan *shabīh*, *isti'ārah tamthīliyyah* yang indah, hikmah dan pelajaran yang berfaedah, *kināyah badī'ah* dan bentuk-bentuk kata yang ringkas. Tidak mengandungi syarat-syarat seperti adanya *isti'ārah murakkabah* kecuali bagi orang yang menduga-duga. Bahkan bentuk *majaz* tidak dapat dijadikan sebagai suatu syarat daripada perumpamaan".

Para ahli ilmu bayan mendefinisikan *amthāl* sebagai berikut: "*bentuk isti'ārah tamthīliyyah (bentuk kiasan) yang penggunaannya tersebar, sama ada bentuk muzakkar atau mu'annath dengan tanpa ada perubahan pada ungkapan yang dikemukakannya*".<sup>42</sup> Maksudnya, apabila ungkapan yang mengandungi kiasan itu tersebar, pemakaiannya di tengah-tengah masyarakat juga cukup banyak, bentuknya tetap, orang yang berakal pun merasakan kemudahan untuk mencerna maksudnya, maka ia akan menampilkan suatu bentuk perumpamaan.

Misalnya perkataan atau kiasan Arab: **الصيف ضيقت اللبن** (pada musim panas air susu telah lenyap). Kiasan ini diungkapkan pada seorang wanita yang telah mensia-siakan suatu perkara, kemudian ia menginginkan kembali setelah kesempatan itu hilang dari sisinya. Kiasan ini kemudian tersebar sehingga menjadi suatu perumpamaan bagi sesiapa sahaja yang menghendaki sesuatu hal sesudah mensia-siakannya dan sesudah kesempatannya tidak ada lagi.

Jadi, dari definisi yang dikemukakan oleh ulama ilmu *al-Bayān* di atas dapat difahami, bahawa *amthāl* atau perumpamaan itu merupakan bentuk kiasan (*isti'ārah tamthīliyyah*) yang muncul dari suatu kejadian tertentu yang dialami manusia, kemudian

---

<sup>42</sup> Muḥammad Bakr Ismā'īl (1999), *Dirāsāt fī 'ulūm al-Qur'ān*, c.2. Kaherah: Dār al-Manār, h.298

seiring dengan perjalanan masa, perkataan yang mengandung kiasan itu tersebar dan banyak digunakan oleh orang ramai. Sehingga kemudian muncullah suatu perumpamaan yang berfungsi untuk menggambarkan atau membandingkan suatu kejadian atau keadaan tadi dengan suatu kejadian yang lain.

## 1.2. Jenis-Jenis *Amthāl*

Para ulama telah membahagikan *amthāl* dalam *al-Qur'ān* kepada tiga jenis, iaitu: *amthāl al-muṣarraḥah*, *al-mursalāh* dan *al-kāminah*.

### 1.2.1. *Amthāl al-Muṣarraḥah*

*Amthāl al-Muṣarraḥah* dikenal juga dengan *amthāl al-Qiyāṣah* (perbandingan), iaitu bentuk perumpamaan yang di dalamnya disertai dengan kata perbandingan secara terang dan jelas atau yang berdiri pada tempatnya.<sup>43</sup> Contohnya adalah sebagaimana firman Allah SWT. yang berbunyi:

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ

Maksudnya: "Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan Nur hidayah petunjuk Allah (Kitab suci *al-Qur'ān*) adalah sebagai sebuah "misykāt" yang berisi sebuah lampu."

(Q.S. *al-Nūr* [24]:35).

Pada ayat di atas nampak kata-kata perbandingan dengan jelas, iaitu kata "مَثَلٌ" (bandingan, perumpamaan) dan huruf "ك" (kaf) yang bererti: seperti, bagaikan, ibarat, bak dan laksana. Jadi, *Amthāl* atau perumpamaan yang terkandung dalam ayat di atas

<sup>43</sup> Muḥammad Bakr Ismā'īl (2000), *al-Amthāl al-Qur'āniyah: Dirāsah Taḥlīliyyah*, Kaherah: *Dār al-Manār li al-Nasyr wa al-Tawzī'*, c.1, h. 22.

disebut sebagai *amthāl al-muṣarrahah*, di mana kata pembandingnya disebutkan dengan jelas. Jenis perumpamaan ini banyak dijumpai dalam ayat-ayat *al-Qur'ān*.

### 1.2.2. *Amthāl al-Mursalāh*

*Amthāl al-mursalāh* adalah sejumlah kalimat yang dikemukakan dengan tanpa penjelasan (*taṣrīh*) kata pembandingan (*lafaz al-tasybīh*), akan tetapi di dalamnya menunjukkan permisalan yang mengandung pelajaran, 'ibrah dan *iqnā*' (menimbulkan rasa puas).<sup>44</sup> Seperti firman Allah SWT. dalam surah *Āli 'Imrān* ayat 92.

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ

Maksudnya: "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi."

(Q.S. *Āli 'Imrān* [3]: 92).

Dalam ayat di atas tidak disebutkan kata pembandingan, akan tetapi kalimat tersebut mengandung suatu perumpamaan atau perbandingan, yaitu orang yang mencapai hakikat kebajikan itu diukur dengan perbuatannya dalam mendermakan sesuatu yang dia cintai. Kalau ia belum mampu berbuat demikian, maka maknanya ia belum mencapai hakikat kebaktian yang sempurna.

Atau firman Allah SWT. yang berbunyi:

فَجَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ

Maksudnya : "Maka Kami jadikan negeri kaum Lut itu tunggang terbalik tertimbus segala apa yang ada di muka buminya), dan Kami hujani atasnya dengan batu dari tanah yang dibakar"

(Q.S. *al-Hijr* [15] : 74)

---

<sup>44</sup> *Ibid.*

Di dalam ayat ini, perkataan *mathal* atau perumpamaan tidak disebutkan tetapi dari tafsirannya, ia jelas menggambarkan wujudnya perumpamaan. Dalam tafsirannya, Prof. HAMKA menyatakan bahawa ayat ini diumpamakan dengan keadaan negeri yang ditunggang terbalik, dibongkar urat akarnya laksana pohon kayu besar yang ditumbang oleh angin.<sup>45</sup>

Ayat-ayat *al-Qur'ān* yang mengandungi jenis *amthāl* ini jumlahnya juga cukup banyak.

### 1.2.3. *Amthāl al-Kāminah*

Jenis yang ketiga adalah *Amthāl al-kāminah*. Iaitu perumpamaan-perumpamaan yang tidak diungkapkan untuk menjelaskan suatu keadaan yang khusus atau sifat tertentu, tidak pula untuk meringkaskan suatu peristiwa yang terjadi pada suatu zaman, dengan tanpa disebutkan dengan jelas lafaz *tamthīl*nya (perbandingan), sama ada dari dekat atau pun dari jauh. Akan tetapi kandungannya menunjukkan kepada makna yang menyerupai perumpamaan Arab yang sudah terkenal.<sup>46</sup>

Jenis perumpamaan seperti ini juga banyak dijumpai dalam *al-Qur'ān*, di antaranya adalah firman Allah SWT. sebagaimana berikut:

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا  
بَكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ

<sup>45</sup> HAMKA, *op.cit.* h.3870

<sup>46</sup> Muḥammad Bakr Ismā'īl, *op.cit.* h. 24

Maksudnya: "Mereka berkata pula: "Berdoalah kepada Tuhan mu untuk kami, supaya diterangkan kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?" Nabi Musa a.s. menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya".

(Q.S. *al-Baqarah* [2]: 68).

Demikian juga firman-Nya yang berbunyi:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا.

Maksudnya: "Dan juga mereka (yang diredai Allah SWT. itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."

(Q.S. *al-Furqān* [25]:67)

Kedua-dua ayat di atas adalah di antara ayat yang digolongkan kepada jenis *amthāl al-kāminah*, iaitu ungkapan yang tidak disebutkan dengan jelas lafaz *tamthīl*nya (perumpamaan), tetapi dari maknanya dapat difahami bahawa ia merujuk kepada sesuatu perumpamaan tertentu.

### 1.3. Maksud dan Faedah *Amthāl*

*Amthāl* dalam *al-Qur'ān* mempunyai kedudukan yang sangat penting. Ia merupakan termasuk bahagian daripada *al-I'jāz al-Bayānī* (Mukjizat *al-Qur'ān* dari segi kefasihan dan kejelasan kalam) yang menjelaskan makna-makna dalam bentuk yang elok dan ringkas sehingga dapat difahami oleh akal. Kepentingan daripada uslub *amthāl* ini dapat diketahui lebih rinci apabila kita mempelajari dan memahami maksud dan manfaat daripada uslub *amthāl* tersebut. Para ulama, khususnya ahli ilmu *balāghah* telah merumuskan tujuan-tujuan atau manfaat uslub *amthāl*. Muḥammad Bakr Ismā'īl



menyebutkan enam hal penting mengenai maksud atau manfaat uslub *amthāl* atau perumpamaan di dalam *al-Qur'ān*<sup>47</sup>, iaitu:

**Pertama:** Mendekatkan gambaran tentang perkara yang diperbandingkan kepada minda *al-Mukhāṭab* (orang kedua yang diajak berbicara) yang tidak mengetahui hakikat sesuatu yang dibandingkan tersebut atau merasakan adanya sesuatu yang tidak jelas (bingung). Sehingga perumpamaan *al-Qur'ān* mampu menghilangkan ketidakjelasan yang dialami oleh orang kedua tersebut. Contohnya, firman Allah yang berbunyi:

وَحُورٌ عَيْنٌ ﴿٢٢﴾ كَأَمْثَلِ اللَّوْلِيِّ الْمَكْنُونِ

Maksudnya: "Dan (Mereka dilayani) bidadari-bidadari yang cantik parasnya, seperti mutiara yang tersimpan dengan sebaik-baiknya."

(Q.S. *al-Wāqī'ah* [56]:22-23)

Bidadari-bidadari syurga menimbulkan banyak gambaran yang mungkin boleh diketahui atau dirasakan oleh pancaindera. Akan tetapi bidadari-bidadari syurga tersebut tidak nampak bagi kita. Maka untuk menggambarkan watak bidadari-bidadari syurga tersebut, Allah SWT. mendekatkan bayangan kita daripada warna kulit dan sifat-sifat bidadari-bidadari itu dengan warna mutiara yang tersimpan dengan baik.

**Kedua:** Perumpamaan boleh menimbulkan rasa puas hati terhadap suatu pemikiran. Allah SWT. berfirman:

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ ۖ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ ۚ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: "Katakanlah: "Tuhan ku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara), dan (menyuruh supaya kamu) hadapkan muka (dan hati) kamu (kepada Allah) Dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang, dan Beribadatlah dengan

<sup>47</sup> Muḥammad Bakr Ismā'īl (1999), *Dirāṣāt fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c.2, Kāherah: Dār al-Manār, h. 310-316

*mengikhlaskan amal agama kamu kepada-Nya semata-mata; sebagaimana Ia telah menjadikan kamu pada mulanya, (demikian pula) kamu akan kembali (kepada-Nya)."*

(Q.S. *al-A'raf* [7]:29).

**Ketiga:** Menanamkan motivasi (*targhib*) dan ancaman (*tarhib*) dengan menyebutkan kebaikan-kebaikan yang menimbulkan keinginan untuk memperolehnya; serta menyebutkan keburukan-keburukan yang membuat ia lari daripadanya. Firman Allah SWT yang berbunyi:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ  
وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ  
اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾ وَمِثْلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ  
كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: "Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, yaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Dan perumpamaan kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup."

(Q.S. *Ibrāhīm*: [14]24-26).

**Keempat:** Menanamkan hasrat yang kuat dan rasa takut. Contoh perumpamaan yang menimbulkan hasrat yang kuat adalah firman Allah SWT. yang berbunyi:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ  
سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ<sup>ط</sup>  
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya: "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah SWT. akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

(Q.S. al-Baqarah [2]:261).

Sedangkan perumpamaan yang menimbulkan rasa takut adalah firman Allah SWT. yang berbunyi:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى  
كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ<sup>ص</sup>  
فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ  
صَلْدًا ۗ لَا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي  
الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah (debu) di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir."

(Q.S. al-Baqarah [2]:264).

**Kelima:** Memberikan pujian kepada orang yang berhak untuk dipuji dan mencela orang yang patut dicela. Hamba Allah SWT. yang berhak mendapat pujian adalah baginda Nabi Muḥammad SAW. dan para pengikutnya. Sebagaimana firman-Nya di penghujung ayat surah *al-Fath* yang berbunyi:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ  
 تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ  
 فِي وُجُوهِهِمْ مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ۚ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ ۚ وَمِثْلُهُمْ  
 فِي الْإِنجِيلِ ۚ كَرَزَعٍ أُخْرِجَ شَطَّءُهُ فَنَازَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ  
 عَلَىٰ سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ ۗ وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ  
 ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Maksudnya: "Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaan-Nya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan Ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, SAW. dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki dengan kembang biaknya umat Islam itu. Dan Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar."

(Q.S. *al-Fath* [48]:29).

Sedangkan perumpamaan yang melukiskan penghinaan adalah seperti firman Allah SWT. yang mencela orang Yahudi.

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ  
تَحْمِلُ أَسْفَارًا<sup>ع</sup> بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ<sup>ع</sup> وَاللَّهُ  
لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

Maksudnya: "Bandingan orang-orang (Yahudi) yang diberi tanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah; dan (ingatlah), Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim."

(Q.S. al-Jumu'ah [62]:5)

**Ketujuh:** Melatih minda manusia dan menggerakkan kekuatan pemikirannya serta menghadirkan sifat kepandaiannya bagi mengarahkan potensinya sehingga ia mampu untuk merenung dan berfikir sampai berjaya menggapai suatu destinasi yang dimaksudkan melalui proses berfikir tersebut.

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ  
خَشْيَةِ اللَّهِ<sup>ع</sup> وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ



Maksudnya: "Sekiranya Kami turunkan Al-Qur'an ini keatas sebuah gunung, nescaya engkau melihat Gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), perumpamaan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya."

(Q.S. al-Hashr [59]:21)

## **2. PENGENALAN PERUMPAMAAN MELAYU**

Pembahasan mengenai pengenalan perumpamaan berdasarkan literatur Arab sudah pun penulis sampaikan pada bahagian di atas. Pada bahagian ini pula, penulis perlu memperkenalkan perumpamaan dalam literatur Melayu, mulai daripada pengertian perumpamaan, faktor munculnya peribahasa perumpamaan Melayu, gaya bahasa perbandingan kepelbagaian perumpamaan dan contoh-contohnya.

Pembahasan ini tentu sangat penting untuk diketengahkan, mengingat ia berkaitan erat dengan objektif dan kepentingan kajian yang penulis buat. Tanpa adanya bahagian pembahasan ini, kajian ilmiah ini menjadi tidak lengkap dan sempurna, bahkan akan menimbulkan kesulitan bagi penulis dalam mencapai matlamat yang telah dirumuskan dalam penulisan kajian ini. Oleh sebab itu, dalam bahagian ini penulis bermaksud untuk memperkenalkan dan menjelaskan perumpamaan Melayu secara lebih khusus dan rinci.

### **2.1. Makna Perumpamaan Melayu**

Makna perumpamaan Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu pengertian perumpamaan Melayu secara bahasa dan pengertian perumpamaan secara istilah.

#### **2.1.1. Pengertian Menurut Bahasa**

Perumpamaan adalah kata benda yang berimbuhan awalan "per" dan akhiran "an". Asal katanya sendiri diambil dari kata "umpama", iaitu sesuatu yang dijadikan

perbandingan, atau sesuatu yang dianggap sama dengan yang lain. Dalam versi Melayu, kata perumpamaan memiliki padanan kata atau sinonim yang banyak bilangannya, tetapi maknanya sama. Sebagaimana disebutkan dalam Kamus Dewan edisi keempat, perumpamaan boleh bererti ibarat, peribahasa yang berupa perbandingan dengan sesuatu yang lainnya (umumnya mengandungi ajaran), atau sesuatu yang dijadikan contoh<sup>48</sup>.

Demikian halnya, Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Baru menyebutkan bahawa perumpamaan adalah ibarat, *mathal*, persamaan, perbandingan, peribahasa yang berupa perbandingan dan contoh suatu peristiwa.<sup>49</sup>

## 2.2. Pengertian Menurut Istilah

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)<sup>50</sup> dalam bukunya yang bertajuk: "Ilmu Mengarang Melayu" telah mendefinisikan perumpamaan sebagaimana berikut: "*Peribahasa*<sup>51</sup> yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada perkara sesuatu yang lain dan oleh sebab itu ertinya menjadi dua lapis"<sup>52</sup>

Dari pengertian tersebut di atas, Za'ba bermaksud untuk membezakan perumpamaan dengan jenis peribahasa yang lain seperti: simpulan bahasa, bidalan, dan

---

<sup>48</sup> Hajah Noresah bt. Baharom, B.Sc. M.A. (2005), *op.cit.*, h.11766.

<sup>49</sup> Sri Wahyuni (2007), *op.cit.*, c.2, h. 940.

<sup>50</sup> Zainal Abidin Ahmad adalah seorang tokoh bahasa dan pemikir Melayu yang cukup tersohor. Di masyarakat Melayu, beliau lebih akrab dipanggil Za'ba. Ia lahir pada 16 September 1895 di Kampung Kerdas, Jempol, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Pendidikan awal Za'ba berlangsung di sekolah Melayu, seterusnya menyambung persekolahan di sekolah Inggeris sehingga mendapat Sijil *Senior Cambridge*. Selepas itu, beliau kemudiannya memasuki *English College*, Johor Bahru. Di samping menjadi seorang guru, Za'ba begitu aktif dalam beberapa lapangan. Beliau pernah menjadi penterjemah, juruhebah, penyelenggara buku dan juga pensyarah. Pada tahun 1953 Za'ba melanjutkan pendidikannya di Universiti London dan berjaya memperoleh gelar Ijazah Sarjana Muda Sastera.

<sup>51</sup> Peribahasa adalah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab-sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pelajaran.

<sup>52</sup> Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1961), *op.cit.*, h. 170.

pepatah atau perbilang, yang huraianya akan dijelaskan pada bahagian berikutnya. Sebagaimana definisinya terhadap makna perumpamaan, beliau mengatakan bahawa perumpamaan itu memiliki makna dua lapis, ertinya: yang di luar dan maksudnya yang sebenar. Dengan kata lain, sesuatu yang dimaksudkan berlainan daripada yang nampak pada zahir perkataannya.

Menurut pandangannya, peribahasa yang demikian dinamakan "perumpamaan", kerana asalnya menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan kepada sesuatu perkara lain yang sebanding dengannya. Maka yang demikian adalah bahasa kiasan atau kias ibarat. Oleh sebab itulah ertinya jadi dua lapis<sup>53</sup>. Maknanya, setiap peribahasa yang tidak bererti dua lapis tidaklah dinamakan sebagai "perumpamaan".

Dalam bukunya yang bertajuk: *Kajian Bahasa: Untuk Pelatih Maktab Perguruan*, Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam telah mengemukakan definisi peribahasa bererti dua lapis (perumpamaan) dengan lebih ringkas. Menurut mereka, peribahasa bererti dua lapis adalah peribahasa yang mempunyai maksud yang berlainan dari perkataan-perkataan yang membentuknya<sup>54</sup>. Mereka juga bersetuju, bahawa peribahasa bererti dua lapis itu adalah disebut sebagai perumpamaan.

Dari definisi-definisi di atas dapat disimpulkan, bahawa perumpamaan merupakan salah satu bentuk peribahasa yang mengungkapkan keadaan atau kelakuan seseorang dengan mengambil perbandingan dari alam sekitar atau mengambil contoh

---

<sup>53</sup> *Ibid.* h. 178

<sup>54</sup> Raminah Hj. Sabran (1985), *Kajian Bahasa: Untuk Pelatih Maktab Perguruan*, c.6. Petaling Jaya Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 299.



dari sebuah peristiwa sama ada disertai dengan menyebutkan kata-kata perbandingannya atau pun tidak.

## **2.2. Faktor Munculnya Peribahasa Perumpamaan**

Peribahasa merupakan salah satu cabang sastera lama yang hingga sekarang masih diguna pakai dan boleh dinikmati oleh setiap generasi yang datang kemudian. Bahkan, peribahasa, termasuk perumpamaan tentunya adalah salah satu unsur bahasa yang telah membawa kepada kemajuan di bidang kesusasteraan suatu bangsa. Peribahasa adalah salah satu unsur bahasa terpenting yang dapat melahirkan kesan positif dan membuka jalan cerita pada sesebuah hasil karya.

Lebih dari itu, selain dapat meningkatkan daya tarik, peribahasa atau perumpamaan yang diguna pakai dalam sesebuah tulisan atau karya ilmiah boleh menguatkan maksud dan tujuan daripada huraian tulisan atau percakapannya.

Setiap bahasa mempunyai peribahasanya masing-masing. Setiap bahasa memiliki bidalan, pepatah, perumpamaan dan perbilangannya. Namun banyak sedikitnya dan tinggi rendah isinya mengikut kadar kemajuan bahasa tersebut dan kemajuan bangsa yang bercakap dengan bahasanya itu.

Bagi bangsa Melayu, tarikh pembentukan perumpamaan yang mereka kenali pada hari ini tidak diketahui secara tepat. "Walau bagaimanapun kita terpaksa akui

bahawa ia tumbuh bersama masyarakat Melayu tradisional. Peribahasa/perumpamaan hanya tumbuh di kalangan masyarakat daerah, bukannya masyarakat bandar".<sup>55</sup>

Dalam prakata karya kamusnya, Abdullah Hussain telah mengungkapkan suatu ungkapan yang senada dengan pendapat di atas, seraya mengatakan: "*Peribahasa merupakan salah satu cabang sastera lama yang tak lapuk di hujan dan tak lekang di panas*". Selanjutnya, beliau memberikan pandangan, bahawa bentuk-bentuk peribahasa yang dimiliki oleh setiap bahasa suatu bangsa tersebut mencerminkan watak atau karakter bangsanya. Di mana lebih tua sesuatu bangsa itu, lebih banyak dan lebih klasik pulalah peribahasanya<sup>56</sup>.

Kemudian di dalam prakatanya tersebut, beliau juga menjelaskan pandangannya tentang bagaimana peribahasa boleh muncul atau ada di tengah-tengah masyarakat. Yang jelas menurutnya, tidak ada seorang pun dari suatu bangsa yang boleh membuat ketentuan tentang masa munculnya peribahasa itu di tengah-tengah masyarakat bangsanya. Bukan hanya kita sahaja yang tidak dapat menentukan garis sejak bilakah peribahasa itu mula-mula digunakan, malah bangsa-bangsa lain pun juga tidak ada yang sanggup untuk memastikannya<sup>57</sup>.

Demikian pula dalam masyarakat Arab, tarikh kemunculan peribahasa perumpamaan tidak diketahui, tetapi yang pasti ia sudah muncul di zaman Jahiliah lagi. Bersesuaian dengan faktor kelahirannya dari pengalaman hidup suatu bangsa yang terdiri pelbagai peristiwa penting yang meninggalkan kesan mendalam dalam jiwa

---

<sup>55</sup> Idris bin Abdullah (2006), *Perumpamaan Dalam al-Qur'ān: Satu Tinjauan*, (dalam Anuar Puteh et al. (eds.), Bangi, Selangor: Prosiding Seminar serantau Dakwah dan Kesenian: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepemimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM), h. 61.

<sup>56</sup> 'Abdullah Hussain (1989), *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, c.6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. vii.

<sup>57</sup> *Ibid.*

bangsa tersebut, lantas mereka mengungkapkannya dalam bentuk perumpamaan atau *al-Mathāl*.<sup>58</sup>

Orang yang datang selepas itu, dapat menilai kehidupan sesuatu bangsa di masa silam melalui salah satunya ialah ungkapan-ungkapan perumpamaan peninggalan orang yang terdahulu, sama ada maju atau mundur. Ini kerana peristiwa-peristiwa besar yang pernah berlaku dalam sesuatu masyarakat digambarkan dalam *al-Mathal* tersebut<sup>59</sup>.

Di samping itu, satu perkara yang sudah pasti adalah peribahasa itu sama tuanya dengan suatu bangsa dan peribahasa digunakan apabila bangsa manusia mulai mengenal peradaban, ketika organisasi kehidupan perlu pentadbiran, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu diadakan, untuk menjadi pendinding tata tertib pergaulan dan perhubungan hidup sesama manusia. Pada ketika itu, segala *tamthīl* yang dapat diambil dari alam dijadikan perbandingan, segala renungan yang lahir dari peristiwa kehidupan diucapkan kembali secara berulang-ulang, sehingga berkesanlah *tamthīl* dan renungan itu sebagai hukum hidup dan sebagai undang-undang yang berlaku di masyarakat<sup>60</sup>.

Contohnya adalah adat perpatih di Minangkabau dan Negeri Sembilan, - adat bersendi syarak, syarak bersendi adat yang sampai sekarang masih utuh diguna pakai<sup>61</sup>.

Tidak menutup kemungkinan, bahawa akan terjadi kesamaan peribahasa antara satu bangsa dengan bangsa yang lain, antara negeri dengan negeri lain dan antara

---

<sup>58</sup> Idris bin Abdullah (2006), *op.cit.*

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Abdullah Hussain (1998), *op.cit*

<sup>61</sup> *Ibid.*

daerah dengan daerah lain. Apatah lagi dalam satu rumpun Melayu (Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand) akan banyak ditemui kesamaan peribahasa atau perumpamaan yang digunakan oleh masing-masing negara serumpun tersebut.

Sebagai contoh: *Pukul anjing tengok-tengok tuannya* terdapat juga dalam peribahasa bangsa China yang terjemahannya dalam bahasa Inggeris berbunyi: *In beating a dog, first find out who the owner is.*

Peribahasa atau perumpamaan yang muncul dan menjadi terkenal di tengah-tengah masyarakat tentunya dipengaruhi oleh banyak faktor. Menurut pandangan Abdullah Hussain, ada tiga sumber utama yang menjadi latar belakang munculnya peribahasa atau perumpamaan tersebut, iaitu:

1. Sumber pertama ialah rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya;
2. Sumber kedua, orang arif bijaksana yang mengeluarkan ungkapan hasil daripada renungannya;
3. Sumber ketiga adalah kitab suci.

Untuk membuktikan ketiga-tiga sumber di atas sebagai faktor yang memunculkan suatu peribahasa, maka penulis akan mengemukakan beberapa contohnya. Bagi sumber yang pertama dapat disimpulkan, bahawa pengalaman hidup rakyat biasa mempunyai peranan penting dalam melahirkan sebuah peribahasa. Contohnya adalah pengalaman hidup yang dialami oleh seorang petani<sup>62</sup>. Suatu ketika, petani itu sedang menyiangi (menjaga) sawahnya dan bertemu dengan dua ekor ikan

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

keli dalam satu lubang di tepi permatang sawahnya itu. Oleh kerana kejadian itu barangkali jarang dijumpai, maka ia menjadi sesuatu peristiwa yang berkesan dalam ingatannya. Lalu, sebagai satu kebetulan di kampungnya heboh atau ramai memperkatakan hal seorang perempuan yang mempunyai dua orang kekasih. Sehingga si petani itu teringat dengan dua ekor ikan keli, maka keluarlah perkataan *keli dua selubang* dari mulutnya. Perkataan itu kemudian didengar oleh orang dan dianggap kiasan itu tepat dengan kejadian pada seorang perempuan yang mempunyai dua orang kekasih itu. Ucapan itu kemudian mendapat sambutan hingga akhirnya berlarutan menjadi suatu kebiasaan dan lama-kelamaan menjadi sebuah perumpamaan yang khusus ditujukan kepada tiap-tiap kejadian yang serupa itu.<sup>63</sup>

Kedua, peribahasa itu keluar dari hasil renungan seorang yang dipandang arif dan bijaksana<sup>64</sup>. Dengan ketajaman pendengaran dan penglihatannya serta dibekali keluasan ilmunya, seorang yang bijak mampu menghasilkan kata-kata yang sarat dengan hikmah dan pelajaran melalui seni bahasa yang elok, indah dan berkesan.

Sebagai contoh, mereka menjadikan alam sekitar sebagai objek untuk dijadikan bahan renungan dan iktibar, seperti gunung yang besar lagi kukuh misalnya. Kemudian, hasil renungannya itu diucapkan dengan bentuk kias dan sindiran. Ketika mereka melihat orang yang tergopoh-gopoh melakukan suatu pekerjaan, sehingga pekerjaan itu menjadi rosak dan hasilnya tidak sempurna. Maka untuk memberikan

---

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> Orang yang arif bijaksana adalah orang yang tahu dikias dengan banding, tahu di lahir dengan batin, tahu akan apa yang tersurat dan apa yang tersirat, *kilat beliung sudah di kaki, kilat pisau sudah di tangan, kilat cermin sudah ke muka*; mereka lebih dulu dapat menangkap tujuan seseorang itu, malah sebelum diucapkan olehnya, orang bijak sudah tahu lebih dulu. Pada tiap-tiap negeri atau bangsa, golongan orang-orang yang arif bijaksana ini sangat sedikit jumlahnya, akan tetapi memiliki pengaruh yang amat besar. Mereka suka melihat sesuatu itu dengan mata hatinya yang kritis, *menghela lembu dengan talinya, menghela manusia dengan akalunya*, mereka merenungkan dalam persemadiannya dengan cara-cara yang baik untuk dapat dijadikan pegangan dalam hidup orang ramai supaya kehidupan mereka selamat dan sempurna.

pelajaran atas kejadian itu, mereka kemudian mengeluarkan kalimat *biar lambat asal selamat, tak lari gunung dikejar*<sup>65</sup>.

Kalau penulis perhatikan, kiasan atau sindiran yang dilontarkan oleh orang arif dan bijaksana di atas sungguh tepat dan selari dengan perbuatan seseorang yang selalu tergesa-gesa dalam mengerjakan suatu pekerjaan. Orang itu pun mulai memikirkan dalam-dalam kiasan yang mengandungi nasihat itu. Sememangnya gunung itu tidak akan pernah lari, apabila kabut yang menghalanginya pergi, maka nampaklah gunung itu. Bagi sesiapa sahaja yang mahu mengambil pelajaran dari kiasan tadi, maka sejak itu ia pasti mulai berfikir dan berhati-hati dalam melakukan suatu pekerjaan sehingga hasilnya pun sempurna dan memuaskan.

Di era moden ini, penulis sering menyaksikan orang yang suka memandu kenderaannya dengan laju, khususnya pemandu kereta dan motosikal yang sering kali menyebabkan kemalangan di jalan raya. Penulis pun pernah mendengar peringatan atau nasihat yang disampaikan oleh seorang penyiar radio. Ia mengingatkan para pemandu supaya tidak membawa kenderaannya dengan laju, kerana tempat yang dituju katanya tidak akan pernah lari.

Seruan seorang penyiar radio tersebut akan lebih menarik perhatian para pendengarnya dan bahkan akan menimbulkan kesan positif, kalau sekiranya dilengkapi dengan seni bahasa sindiran atau kiasan orang arif bijaksana di atas, *biar lambat asal selamat, tak lari gunung dikejar*.

---

<sup>65</sup> Abdullah Husssain (1998), op.cit.

Adapun sumber ketiga yang berkenaan dengan munculnya peribahasa adalah kitab suci. Setiap kitab suci suatu agama sama ada Islam, Kristian, Yahudi, Hindu dan lain-lain yang berisi nilai, ajaran, hukum-hakam, peringatan, ancaman, perintah dan larangan mengandungi unsur peribahasa.

*Al-Qur'ān* yang merupakan kitab suci umat Islam kaya dengan peribahasa perumpamaan yang sangat tinggi. Demikian pula *ḥadīth-ḥadīth* yang datang daripada nabi SAW. yang merupakan sumber hukum kedua selepas *al-Qur'ān* mengandungi unsur peribahasa perumpamaan. Oleh sebab itu, ramai di antara para sarjana dan para ulama yang cuba mengumpulkan dan menganalisis perumpamaan yang terkandung dalam ayat-ayat suci *al-Qur'ān* dan Sunnah Nabi SAW.

Apa yang dikemukakan oleh Abdullah Hussain di atas tidak jauh berbeza dengan persepsi Za'ba. Hanya sahaja, Za'ba cuba merumuskan secara terperinci tentang proses kemunculan peribahasa hingga kemudian mendapat tempat di tengah-tengah masyarakat. Menurutnya, peribahasa itu seolah-olah mutiara yang keluar dari kalangan orang bijaksana yang mempunyai kepandaian dalam pengolahan bahasa itu. Di dalamnya terisi hal ehwal kesusahan dan kesenangan atau jenis kehidupan yang telah dirasakan oleh bangsa itu. Tiap-tiap peribahasa yang telah terbit pada sesuatu bangsa itu tidaklah serta merta tumbuh dan berkembang secara cepat, tetapi terlebih dahulu diuji kebenarannya, dirasakan atau dilihat sendiri dalam beberapa lama.

Secara terperinci, Za'ba cuba menyenaraikan empat tahap yang mendorong kemunculan peribahasa tersebut, iaitu:

1. Mulanya sebutan itu keluar dari mulut seorang yang bijak dan pantas fikirannya, iaitu perkataan yang ringkas dan membetuli sepenuhnya mengenai maksud serta mengandungi di dalamnya kebenaran yang telah dirasakannya sendiri atau telah diperhatikannya berlaku pada diri orang-orang lain.
2. Kemudian apabila orang ramai berkenan mendengarnya, maka dipakailah pula oleh mereka itu secara berulang-ulang dan berterusan dari seorang ke seorang.
3. Dengan demikian maka masyhurlah perkataan itu dan akhirnya melekat dalam bahasa itu hingga suatu masa ia menjadi suatu kekayaan dan perhiasan kepada bahasa itu.
4. Maka ketika itu ia dinamakan sebagai peribahasa, bidalan, pepatah, perumpamaan dan semuanya itu menunjukkan maksud yang satu.<sup>66</sup>

### **2.3. Gaya Bahasa Perbandingan**

Sebelum masuk kepada perbincangan tentang kepelbagaian perumpamaan, penulis akan memulakan perbincangan tentang gaya bahasa perbandingan sebagai salah satu unsur bahasa dalam sastera. Hal ini penting untuk menjadi perhatian dan perbahasan, kerana ia mempunyai hubung kait dengan perumpamaan dan kepelbagaian.

Dari segi bahasa, kata perbandingan dengan kata perumpamaan memiliki makna yang sama. Hal ini dapat kita lihat dari kebanyakan kamus besar bahasa Melayu sama ada kamus besar bahasa Indonesia atau pun Malaysia. Kedua kata tersebut tidak memiliki perbezaan yang ketara dari sudut bahasa.

---

<sup>66</sup> Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1961), op.cit.



Namun, dari segi istilah tata bahasa, kedua kata tersebut nampak ada perbezaan. Khususnya perbezaan dari sudut penerapan atau penggunaannya. Oleh itu, wujud satu pandangan yang membahagikan unsur perbandingan<sup>67</sup> kepada lima jenis, iaitu: Metafora, simile, hiperbola, personifikasi dan perlambangan.

Kelima-lima unsur bahasa perbandingan ini digunakan oleh pengarang untuk menggambarkan keadaan kewujudan sesuatu yang hendak diceritakan dengan lebih jelas dan terang. Di samping itu, ia juga dapat menarik minat pembaca terhadap karya-karya kesusasteraan. Dengan kata lain unsur bahasa perbandingan ini dapat melembutkan makna percakapan dan mengindahkannya.

### ***1. Metafora***

Menurut Rahman Shaari, *metafora* adalah bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Sesuatu objek atau abstrak diberikan sifat objek yang lain dengan menganggap objek yang kedua itu mempunyai aspek-aspek persamaan dengan objek yang pertama. *Metafora* adalah perbandingan langsung yang tidak menggunakan kata: *Seperti, bak, bagai, bagaikan* dan sebagainya<sup>68</sup>.

Contoh:

*"Di langit awan masih redup dan ada tanda-tanda hujan akan menimpa bumi, kulai tak lama lagi".*

---

<sup>67</sup> Unsur perbandingan adalah salah satu unsur bahasa dalam sastera yang mempunyai kaitan dengan keindahan bahasa atau berbahasa. Selain unsur perbandingan terdapat unsur-unsur bahasa dalam sastera yang lain, iaitu seperti: Diksi, ambiguiti, bahasa ekonomis, bahasa konotatif, penegasan, dialog dan monolog.

<sup>68</sup> Kamuruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdullah Aziz (1998), *Pengajian Melayu 4: Kesusasteraan dan Pengajaran*, Selangor *Dār al-Ihsan*, Kumpulan Budiman SDN BHD. c. 1. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa Sdn.Bhd., h. 74

## 2. *Simile* (Perumpamaan)

*Simile* berasal dari bahasa asing yang maksudnya *seperti*. Iaitu ungkapan yang mengandungi perbandingan secara eksplisit dan dijelaskan melalui penggunaan kata: *Seperti, ibarat, laksana, bak, sebagai, umpama, laksana, penaka* dan *serupa*<sup>69</sup>.

Dari definisi di atas, *simile* maksudnya adalah perumpamaan itu sendiri. Ini kerana dalam ungkapan yang menyatakan suatu perbandingan, ia dilakukan melalui kata-kata perbandingan secara langsung dan jelas, iaitu *seperti, sebagai, laksana* dan sebagainya. Oleh itu, Keris Mas menyatakan *simile* itu adalah perumpamaan<sup>70</sup>.

Rahman Shaari (1987: 70-80) juga menjelaskan *simile* merupakan sebagai bahasa perbandingan peringkat mudah, iaitu antara satu objek atau konsep dengan objek atau konsep lain secara langsung<sup>71</sup>. *Simile* atau perumpamaan dikatakan sebagai bahasa perbandingan peringkat paling mudah adalah disebabkan adanya salah satu daripada kata-kata perbandingan tersebut, yang ditulis atau diucapkan secara langsung.

## 3. Hiperbola

Hiperbola adalah jenis gaya bahasa yang mengandungi pernyataan yang berlebih jumlahnya, ukuran atau sifatnya, atau situasi untuk memperhebatkan, serta meningkatkan kesan dan pergaulannya.

## 4. Personifikasi

Sebagaimana definisi yang disampaikan oleh Safian Hussain, personifikasi adalah salah satu unsur dalam kesusasteraan yang menggunakan kiasan untuk

---

<sup>69</sup> *Ibid.* h. 75

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> *Ibid.*

memberikan sifat-sifat manusia sama ada dari segi perasaan, perwatakan, mahupun tindak-tanduk lainnya kepada objek mati atau kepada binatang atau kepada benda-benda rekaan sebagai mempunyai peribadi, kecergasan fikiran, dan emosi seseorang manusia.<sup>72</sup>

Henry Guntur Tarigan menyatakan personifikasi adalah suatu benda yang mati diberi sifat manusia. Jadi, beliau mendefinisikannya sebagai majaz yang melekatkan sifat-sifat insani kepada barang yang tidak bernyawa dan idea yang abstrak<sup>73</sup>. Dalam bukunya, Memahami Gaya Bahasa, Rahman Shaari juga mengertikan personifikasi sebagai pemberian sifat manusia kepada objek atau abstrak<sup>74</sup>.

Dari beberapa pengertian personifikasi di atas dapat disimpulkan bahawa personifikasi merupakan gaya bahasa perbandingan yang menyifatkan suatu objek atau benda-benda abstrak dengan kata-kata, sifat-sifat dan kebiasaan tingkah laku manusia. Misalnya, "burung-burung itu sedang menyanyi-nyanyi di atas ranting pokok". Biasanya kata *bernyanyi* dipakai untuk manusia ketika dia mendendangkan sebuah lagu. Sedangkan bagi seekor burung sendiri digunakan kata *berkicau* ketika dia mengeluarkan suaranya. Tetapi, dalam kalimat di atas kata *bernyanyi* digunakan juga untuk burung yang sedang berkicau di atas ranting pohon. Maka kalimat ini adalah kalimat yang mengandung gaya bahasa perbandingan personifikasi dan tujuannya adalah untuk memberikan kesan dan menjadikan kalimat atau ungkapan itu lebih indah dan menarik.

Dari segi penggunaannya, gaya bahasa perbandingan personifikasi ini jelas berbeza dengan gaya bahasa perbandingan perumpamaan. Meskipun keduanya sama-

---

<sup>72</sup> *Ibid.* h. 77

<sup>73</sup> *Ibid.*

<sup>74</sup> *Ibid.*

sama terdapat unsur benda yang diperbandingkan, tetapi dalam penerapan dan beberapa maksudnya mempunyai perbezaan yang tersendiri. Di antara perbezaan yang paling kentara adalah dari segi bentuk kiasan atau objek perbandingannya. Di mana gaya bahasa personifikasi, objek kiasannya adalah benda-benda selain manusia yang kemudian diberikan ciri-ciri yang bersifat manusiawi. Adapun perumpamaan, objek kiasannya lebih luas, mencakupi benda-benda hidup dan benda-benda mati atau benda yang bernyawa, seperti manusia dan haiwan; dan benda yang tak bernyawa, seperti: benda-benda mati yang wujud di alam.

## **5. Perlambangan**

Gaya bahasa perbandingan yang kelima adalah disebut dengan perlambangan, iaitu penggunaan suatu benda atau hal untuk menunjukkan atau menyarankan benda atau hal yang lain. Biasanya perlambangan ini digunakan pada perkataan, frasa atau bentuk-bentuk lain yang mempunyai perkaitan makna yang kompleks dan sesuatu yang mempunyai nilai-nilai yang berlainan dari apa yang digambarkan dengan suatu simbol.

Demikianlah huraian mengenai unsur bahasa perbandingan dalam kesusasteraan. Kelima unsur perbandingan di atas biasanya digunakan oleh seorang pengarang atau penulis dengan maksud untuk menggambarkan keadaan kewujudan sesuatu yang hendak diceritakan dengan lebih jelas dan terang. Dalam hal ini, perumpamaan yang menjadi objek kajian karya tulis ini adalah salah satu daripada kelima unsur bahasa perbandingan di atas, iaitu sebuah gaya bahasa perbandingan yang disebut dengan *simile*.

Ditinjau dari pembahagian unsur bahasa perbandingan menjadi lima bahagian, sebagaimana dijelaskan di atas, melukiskan adanya perbezaan antara perumpamaan dengan keempat jenis perbandingan tersebut, iaitu metafora, hiperbola, personifikasi dan perbilangan. Perbezaan itu terletak pada penerapan atau penggunaan masing-masing unsur bahasa perbandingan tersebut. Adapun dari segi fungsi dan tujuannya, kelima unsur tersebut (metafora, simile, hiperbola, personifikasi dan perbilangan) adalah sama, iaitu untuk menciptakan gaya bahasa yang lebih berkesan, menarik dan indah, sehingga diminati oleh sesiapa sahaja yang membaca atau mendengarnya.

Tidak terkecuali, gaya bahasa perumpamaan atau simile adalah gaya bahasa yang boleh menarik minat pembaca atau pendengar. Apatah lagi kalau gaya bahasa perumpamaan yang digunakannya selari dengan suatu peristiwa yang dialami atau suatu objek yang dibandingkan; mengandungi nilai-nilai erti kehidupan, hikmah dan pelajaran. Tidak ragu lagi, gaya bahasa perumpamaan seperti ini terdapat dalam perumpamaan-perumpamaan yang dikemukakan oleh al-Khaliq, Allah SWT. melalui firman-firman-Nya dalam kitab suci *al-Qurān*, dan perumpamaan-perumpamaan yang datang dari nabi dan rasul-Nya melalui sabda-sabdanya dalam kitab-kitab *ḥadīth* yang mulia.

#### **2.4. Kepelbagaian Perumpamaan**

Semua bentuk perumpamaan asalnya daripada bahasa kiasan, iaitu suatu barang dikiaskan kepada lain barang oleh sebab hendak memisalkan dan menerangkan maksudnya. Kemudian oleh sebab perbandingan itu elok isinya dan luas tujuannya

maka kiasan tersebut terbeku dan menjadi bidalan orang ramai. Maka jadilah ia sebagai suatu perumpamaan<sup>75</sup>.

Perbandingan pada bahasa kiasan terkadang dinyatakan secara terang-terangan dan terkadang tidak. Apa yang dimaksudkan dengan perbandingan yang dinyatakan secara terang-terangan adalah perbandingan yang dilakukan secara eksplisit dan dijelaskan melalui penggunaan kata-kata yang menggambarkan perbandingan sebagai berikut: *seperti, ibarat, laksana, bagaikan, bak, sebagai, umpama, penaka, dan serupa*<sup>76</sup>. Iaitu yang disebut dengan istilah *simile* seperti diperbincangkan di atas.

Sedangkan kiasan yang dinyatakan secara tidak terang-terangan adalah kiasan yang tidak disertai dengan kata-kata yang menunjukkan perbandingan sebagaimana di atas, iaitu seperti, umpama, laksana ibarat, bak dan lain-lain, tetapi ungkapan tersebut mengandungi maksud perbandingan atau perumpamaan. Kiasan yang dinyatakan secara tidak terang-terangan ini adalah dinamakan *metafora*.

Jadi, berdasarkan kenyataan di atas, perumpamaan dibahagikan menjadi dua bahagian utama, iaitu:

1. *Simile* (Perumpamaan yang disebutkan salah satu kata perbandingannya).

Perumpamaan *simile* ini, dalam perumpamaan yang terdapat dalam *al-Qurān* digolongkan kepada jenis perumpamaan *muṣarraḥah*, iaitu perumpamaan yang secara jelas dan terang disertai dengan kata-kata mengandungi makna perbandingan, seperti kata: *مثل، ك*. Kata-kata tersebut dalam bahasa Melayu maknanya sama dengan kata: seperti, umpama, bagaikan, laksana, ibarat, misal, bak dan lain-lain. Contohnya adalah sebagai berikut:

---

<sup>75</sup> Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1961), *op.cit.*, h. 178

<sup>76</sup> Kamuruddin Hj. Husin dan Siti Hj. Abdullah Aziz (1998), *op.cit.*, h. 75

- i. Seperti katak di bawah tempurung<sup>77</sup>
  - ii. Bagai air di daun keladi<sup>78</sup>
  - iii. Ibarat bunga: Sedap dipakai layu dibuang<sup>79</sup>
2. *Metafora*, iaitu perumpamaan yang tidak disertai dengan salah satu kata bandingannya. Contoh:
- i. Sambil menyelam sambil meminum air<sup>80</sup>
  - ii. Sepandai-pandai tupai melompat, tak banyak sekali jatuh ke tanah<sup>81</sup>
  - iii. Tiada rotan akar pun jadi<sup>82</sup>

Kalau penulis perhatikan, contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa peribahasa-peribahasa seperti pepatah, bidalan, perbilangan dan sebagainya adalah ungkapan yang boleh disebut sebagai kiasan, perbandingan dan perumpamaan. Iaitu perumpamaan atau perbandingan metafora. Seperti ungkapan: "Tiada rotan akar pun jadi", dalam kebanyakan kamus peribahasa, ungkapan tersebut dikenal sebagai peribahasa pepatah. Tetapi dalam masa yang sama ia juga boleh disebut sebagai peribahasa perumpamaan, iaitu metafora, kerana maksud yang disampaikan dalam peribahasa-peribahasa tersebut mengandungi makna perumpamaan atau kiasan.

---

<sup>77</sup> Perumpamaan ini bermakna: orang yang amat cetek pengetahuannya. Lihat: Lai Choy B.A. (Hons), *Kamus Peribahasa Daya*, Selangor: Penerbitan Minda (M) SDN. BH., h. 588

<sup>78</sup> Maksudnya: Tiada lekat pengajaran pada seseorang yang degil atau tiada tetap hatinya (pendiriannya). Lihat: *Ibid.*, h. 42

<sup>79</sup> Maksudnya: Seseorang isteri atau pasangan yang diceraikan setelah kecantikan atau keistimewanya hilang. Lihat: *Ibid.*, h. 267

<sup>80</sup> Perumpamaan ini bermaksud: membuat dua tiga pekerjaan dalam sekali gus. Lihat: *Ibid.*, h. 535

<sup>81</sup> Ini adalah peribahasa pepatah yang maknanya: orang pandai sekali pun pasti ada silapnya. Lihat: *Ibid.*, h. 566

<sup>82</sup> Peribahasa ini bermaksud: apabila tidak yang lebih baik, yang kurang baik baik pun berguna. Lihat: *Ibid.*, 646

## BAB II

### BIOGRAFI HAMKA DAN SUMBANGANNYA

HAMKA adalah tokoh Islam yang sudah sangat masyhur di dunia Melayu. Seorang pekerja di teratak rumah Buya HAMKA yang bernama Hanif Rasyid pernah mengatakan, "HAMKA itu ibarat kelapa condong", lahir jauh di hujung Maninjau ini, tapi masyhurnya jauh di Malaysia sana.<sup>83</sup>

Walaupun beliau seorang yang sudah masyhur atau dikenal oleh ramai kalangan masyarakat, akan tetapi dalam kajian ini pengkaji cuba untuk mengetengahkan kembali riwayat hidup beliau, sehingga semangat berjuang, sifat-sifat dan keperibadian yang dimilikinya sentiasa menjadi nilai dan pelajaran yang bermanfaat bagi setiap generasi ke generasi. Dalam bab ini, ada dua perbincangan utama yang akan penulis bincangkan, iaitu riwayat hidup HAMKA dan karya tafsirnya *al-Azhar*.

#### 2.1. RIWAYAT HIDUP HAMKA

Riwayat hidup HAMKA yang akan penulis bincangkan pada bahagian ini meliputi empat sisi utama, iaitu nama penuh dan keturunannya, rehlah ilmu, aktiviti HAMKA dan pemikirannya. Sedangkan perbincangan mengenai karyanya, iaitu tafsir *al-Azhar* akan dijelaskan secara khusus pada sub kedua bab ini. Perbincangan tentang riwayat hidup HAMKA adalah bahagian objektif kajian ini. Tujuan utama perbincangan ini ialah untuk memperkenalkan HAMKA sehingga pembaca, terutama penulis dapat

---

<sup>83</sup> Temu bual antara pak Hanif Rasyid dengan salah seorang pelawat rumah Buya HAMKA di Maninjau, Padang Sumatera Barat pada tanggal 12-15 Januari 2010. Lihat: [http://apayangfishabaca.blogspot.com/2010\\_06\\_01\\_archive.html](http://apayangfishabaca.blogspot.com/2010_06_01_archive.html)



mengambil hikmah dan pelajaran dari perjalanan dan pengamalan tokoh ulama nusantara ini.

### 2.1.1. Nama Penuh Dan Keturunannya

Nama sebenar HAMKA adalah Haji Abdul Malik Karim bin Amrullah<sup>84</sup>. Beliau dilahirkan pada tarikh 16 Februari 1908, di Desa Kampung Molek, Maninjau<sup>85</sup>, Sumatera Barat.<sup>86</sup> Nama Abdul Malik ini diambilnya dari nama anak guru ayahnya, Syeikh Ahmad Khatib di Mekah, yang bernama Abdul Malik, yang pada zaman pemerintahan Syarif Husain di Mekah, pernah menjadi Duta Besar Kerajaan Hasyimiyah di Mesir.<sup>87</sup>

### 2.2.2. REHLAH ILMU

HAMKA adalah seorang anak Minangkabau yang tidak mendapatkan kesempatan untuk menikmati pendidikan formal ke peringkat yang lebih tinggi. Pendidikan dasarnya ditempuh di Sekolah Rendah Maninjau, Sumatera Barat. Itu pun, tidak sampai tamat belajar, sampai darjah dua sahaja sudah berhenti<sup>88</sup>. Tapi, walaupun begitu HAMKA telah memperlihatkan kepada dunia, bahawa dirinya adalah seorang yang telah berjaya dalam menimba ilmu pengetahuan. Ini adalah salah satu keunikan

---

<sup>84</sup> Selain dikenal dengan julukan HAMKA, beliau juga diberikan gelaran Buya, sehingga kemudian akrab dengan panggilan Buya HAMKA. Buya adalah panggilan bagi orang Minangkabau yang berasal dari kata *abi*, *abuya* dalam bahasa Arab memiliki erti: ayah ku, atau seorang yang dihormati.

<sup>85</sup> Negeri Maninjau disebut juga di dalam susunan kata adat "*Lubuk Danau Nan Sepuluh*", Sepuluh Kota di dalamnya. Dan disebut seluruhnya "Negeri Danau" dan penduduknya yang merantau ke daerah lain disebut "orang Danau". Penyebutan ini dinisbahkan kepada letak geografi Kota Maninjau itu sendiri, iaitu bahawa di tepi-tepi danau tersebut, tepatnya di sebelah Selatan terdapat Negeri Empat kota iaitu Bayur, Maninjau, Sungai Batang dan Tanjung Sani. Sementara itu, dari sebelah Utara terdapat Negeri Enam Kota iaitu Kota Baru, Kota Gadang, Kota Malintang, Kota Tinggi, Kota Kecil dan Paninjauan. *Lihat*: Prof. Dr. HAMKA (2007), *Ayah ku, Syah Alam Selangor Dar al-Ihsan: Pustaka Dini*, h. 95

<sup>86</sup> Pamusuk Eneste, (1990), *Buku Pintar Sastera Indonesia*, c.3. Jakarta: Penerbit Buku Kompas, h. 89

<sup>87</sup> Prof. Dr. HAMKA (1950,) *Ayah ku*, c. 1. Syah Alam Selangor Dar al-Ihsan: Pustaka Dini, h. 94

<sup>88</sup> *Ibid*

atau keistimewaan yang ada pada sosok HAMKA. Meski ia tidak berhasil menempuh pendidikan secara formal, tapi beliau menjadi seorang ulama yang pandai, berpengaruh dan dikagumi ramai orang, khususnya masyarakat Muslim yang ada di tanah rantau ini.

### **2.2.2.1. Menimba Ilmu Agama di Sumatera Thawalib**

Sebagaimana telah disebutkan di atas, HAMKA mendapat pendidikan sekolah rendah di Sekolah Dasar Maninjau hingga darjah dua sahaja. Ketika usianya mencapai 10 tahun, ayahnya telah mendirikan sebuah lembaga pendidikan yang bernama Sumatera Thawalib<sup>89</sup> di Padang Panjang. Di lembaga pendidikan inilah HAMKA memperoleh kesempatan untuk belajar ilmu-ilmu agama dan mendalami bahasa Arab<sup>90</sup>. Semenjak usia kanak-kanak, telinga HAMKA sudah diakrabkan dengan pelbagai perbincangan mengenai dunia keilmuan<sup>91</sup>. Kenyataan ini menurut Hery Sucipto dan Najmuddin Ramly dalam bukunya yang bertajuk: *Tajdid Muhammadiyah: Dari Ahmad Dahlan hingga A. Syafi'i Ma'arif*, adalah kerana faktor darah dari pihak orang tua, iaitu ayahnya yang merupakan tokoh pembaharu Islam dan perjuangan nasional kemerdekaan. Di mana pelbagai diskusi yang dilakukan oleh si ayah bersama-sama dengan rakan-rakannya yang mengasaskan gerakan *Islam Kaum Muda Minangkabau* itu ternyata tanpa disedari kecintaan HAMKA terhadap ilmu pengetahuan telah tertanam kuat di hatinya<sup>92</sup>. Dengan kata lain, faktor lingkungan sama ada di lingkungan keluarga atau di masyarakat telah memberikan pengaruh dan peranan yang cukup besar bagi pembentukan keperibadian HAMKA, termasuk dalam hal kecintaannya terhadap ilmu.

---

<sup>89</sup> Sumatera Thawalib adalah sebuah perkumpulan murid-murid yang didirikan pada bulan Februari tahun 1918 di Padang Panjang yang diketuai oleh Hasyim al-Husni.

<sup>90</sup> Majalah Ta'dib, Mac 6 2008, "HAMKA Dalam Sebuah Biografi"

<sup>91</sup> Hery Sucipto Nadjmuddin Ramly (2005), *Tajdid Muhammadiyah: Dari Ahmad Dahlan hingga A. Syafi'i Ma'arif*, c.1. Jakarta: Grafindo Khazanah Ilmu, h.140

<sup>92</sup> *Ibid.*

Jadi, selain menimba ilmu di Sumatera Thawalib, HAMKA juga pernah belajar dan mengikuti ceramah atau pengajaran ilmu-ilmu agama yang diadakan di surau dan masjid<sup>93</sup>. Ceramah agama yang diikutinya ini disampaikan oleh ulama yang sudah punya nama, seperti Syeikh Ibrahim Musa, Syeikh Ahmad Rasyid, Sultan Mansur, R.M. Surjopranoto, Ki Bagus Hadikusumo dan KH. Fakhruddin.<sup>94</sup>

#### **2.2.2.2. Menimba Ilmu di Negeri Makkah**

Setelah dua tahun mengabdikan diri di kampung halamannya, pada bulan Februari 1927 HAMKA mendapatkan kesempatan untuk pergi ke Makkah dengan tujuan untuk menunaikan kewajiban ibadah haji yang pertama kali. Artinya, bahwa HAMKA sudah dapat pergi haji ke Baitullah ketika ia berumur sekitar 19 tahun, yaitu di saat umurnya yang boleh dikata masih belia, beliau sudah mendapat panggilan Allah SWT. untuk menunaikan rukun Islam yang kelima. Selain untuk menunaikan ibadah haji, kepergiannya ke tanah suci itu juga dimanfaatkan untuk menimba ilmu kepada tokoh-tokoh agama Islam yang mengajar di *Bait al-Harām*, Makkah<sup>95</sup>. Iaitu belajar dengan cara ber-*talaqqi*<sup>96</sup>. Sambil belajar, HAMKA juga mendapatkan pekerjaan sambilan di sebuah perusahaan percetakan. Sehingga dengan demikian, pekerjaan yang dilakukannya itu boleh membantu bagi memenuhi keperluan sara hidupnya selama berada di sana.

Di samping menunaikan ibadah haji, menimba ilmu dan bekerja untuk memenuhi keperluan sara hidupnya selama berada di Makkah, HAMKA bersama-sama

---

<sup>93</sup> Majalah ta'dib, Mac 6 2008, *op.cit.*

<sup>94</sup> *Ibid.*

<sup>95</sup> Hery Sucipto dan Nadjamuddin Ramly (2005), *op.cit.*, h.141

<sup>96</sup> Ber-*talaqqi* adalah kegiatan belajar mengajar secara langsung antara guru dengan murid-muridnya, dengan membentuk seperti lingkaran sambil duduk, di mana seorang guru berada tepat di antara murid-muridnya.

dengan calon jemaah haji lainnya mendirikan sebuah pertubuhan yang dinamakan *Persatuan Hindia Timur*. Tujuan pertubuhan ini adalah untuk memberikan pelajaran agama, terutama materi-materi yang berkaitan dengan tatacara ibadah haji, kepada calon jemaah haji yang berasal dari Indonesia.

Konon khabarnya, HAMKA menghabiskan masanya di Makkah selama hampir setengah tahun. Ia kembali ke tanah air sekitar bulan Jun 1927 dan langsung menuju ke Medan. Di sana ia kemudiannya pergi ke daerah perkebunan yang ada di sekitar wilayah pantai timur Sumatera (Deli) untuk menjadi guru agama. Pekerjaan ini dijalannya selama lima bulan. Pada akhir tahun 1927, beliau kembali ke kampung halamannya, Padang Panjang<sup>97</sup>. Bekal ilmu yang diperolehnya dari tanah suci Makkah telah menambah semangat dan keyakinan bagi HAMKA untuk berjuang dan berdakwah secara aktif dan luas di tengah-tengah masyarakat yang sedang memerlukan pencerahan di segala bidang kehidupan, sosial, ekonomi, politik dan keagamaan.

### **2.2.2.3. Belajar Sendiri (Otodidak)**

Untuk menambah ilmu pengetahuannya, HAMKA tidak hanya belajar melalui guru-gurunya sahaja, tetapi lebih daripada itu beliau juga mampu melakukan pembelajaran secara *otodidak* atau *self-study* (belajar sendiri). HAMKA adalah otodidak dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti ilmu filsafat, sastera, sejarah, sosiologi dan politik, sama ada Islam mahupun Barat<sup>98</sup>. Sosok seperti HAMKA memang sukar dijumpai sehingga wajar kalau banyak kalangan yang merindukan dan berharap munculnya peribadi-peribadi seperti HAMKA. Masalah ini menjadi bahan

---

<sup>97</sup> Hery Sucipto dan Nadjmuddin (2005), *op.cit.*, h.142

<sup>98</sup> Majalah Ta'dib mac 6 2008, *op.cit.*

perhatian dan pemikiran para akademis di Universiti HAMKA (UHAMKA), Jakarta<sup>99</sup>. Rektor UHAMKA dan beberapa pengamat turut memikirkan tentang masalah bagaimana caranya melahirkan HAMKA-HAMKA baru, khususnya di lingkungan pelajar-pelajar UHAMKA sendiri<sup>100</sup>.

Dalam pandangan penulis, ada dua faktor penting yang menjadi motivasi utama kenapa HAMKA boleh mengamalkan cara belajar otodidak. **Pertama** adalah faktor kemahuan (*iradah*). Seperti yang telah dijelaskan dalam perbahasan di atas, HAMKA adalah seorang yang memiliki kecintaan yang sangat kuat terhadap ilmu pengetahuan. Sehingga dengan adanya rasa cinta ini, maka lahirlah keinginan yang sangat kuat pula untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tersebut. Sehingga belajar secara otodidak ini beliau tempuh. **Kedua** adalah faktor keahlian atau kemampuan (*al-Qudrah*). Sejak kecil, iaitu ketika di Sumatera Thawalib, HAMKA telah diarahkan oleh ayahnya untuk belajar ilmu-ilmu agama dan bahasa asing khususnya bahasa Arab. Dari arahan ayahnya ini, HAMKA kemudian menjadi seorang yang mahir dalam bahasa Arab. Dengan kemahiran bahasa Arabnya yang tinggi inilah, HAMKA boleh melakukan belajar secara otodidak. Dengan begitu, beliau boleh menyelidiki karya-karya ulama dan pujangga besar di Timur Tengah, seperti Zaki Mubāarak, Jurzi Jaidan, 'Abbās al-'Aqqād, Mustafā al-Manfaluti dan Hussain Haikal<sup>101</sup>.

---

<sup>99</sup> UHAMKA (Universiti HAMKA) adalah sebuah perguruan tinggi Islam swasta di bawah naungan Muhammadiyah yang menyandang nama ulama terkenal HAMKA.

<sup>100</sup> Pada sebuah rangkaian acara peringatan sempena 100 tahun Buya HAMKA yang dikemas dalam acara *Roundtable Discussion "Makna Buya HAMKA bagi Umat dan Bangsa serta Implikasinya Terhadap UHAMKA,"* di Kampus UHAMKA, 21 Februari 2008, salah seorang pembicara yang bernama Dr. Mochtar Naim menyatakan: "*bahawa tidak mungkin akan muncul HAMKA-HAMKA yang baru selama paradigma budaya yang kita anut ini masih seperti ini. Sulit caranya untuk melahirkan jurnalis, penulis, ahli politik, sasterawan seperti HAMKA.*" Demikian juga budayawan Emha Ainun Nadjib yang mengatakan, bahawa untuk menjadi seperti HAMKA memang tidak mudah. Banyak syarat-syarat yang harus dipenuhi, seperti memiliki motivasi yang kuat dalam mencari ilmu, teguh dalam pendirian, dan berakhlak mulia. Lihat: Artikel Majalah Ta'dib, Mac 6 2008, "*HAMKA Dalam Sebuah Biografi*".

<sup>101</sup> Majalah Ta'dib Mac 6 2008, *op.cit.*

Melalui bahasa Arab yang dikuasainya, HAMKA juga boleh melakukan penelitian dan penyelidikan terhadap karya-karya sarjana Perancis, Inggeris dan Jerman, seperti Albert Camus, William James, Sigmund Freud, Arnold Toynbee, Jean Paul Satre, Karl Marx, dan Pierre Loti<sup>102</sup>. Untuk mengasah bakatnya menjadi seorang yang ahli ceramah, HAMKA juga rajin membaca dan saling bertukar fikiran dengan tokoh-tokoh terkenal di Jakarta seperti HOS Tjokroaminoto, Raden Mas Surjopranoto, Haji Fachrudin, AR. Sutan Mansur dan Ki Bagus Hadikusumo<sup>103</sup>.

Bagi menutup perbincangan ini, seorang pengurus PKBH<sup>104</sup> (Pusat Kajian Buya HAMKA), Dra. Hj. Aliyah HAMKA, MM. mengatakan: "*Buya HAMKA merupakan contoh konkrit dari semangat belajar sepanjang hayat, yang menghantarkannya menjadi ulama dan sasterawan yang diiktiraf oleh ramai kalangan, sama ada di dalam atau di luar negeri*"<sup>105</sup>.

### 2.1.3. AKTIVITI-AKTIVITINYA

HAMKA berasal dari sebuah keluarga yang mempunyai latar belakang agama yang kuat. Ayahnya bernama Syeikh Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenal dengan sebutan Haji Rasul<sup>106</sup>. Sedangkan ibunya bernama Syafi'ah<sup>107</sup>. Ayah HAMKA adalah

---

<sup>102</sup> *Ibid.*

<sup>103</sup> *Ibid.*

<sup>104</sup> PKBH (Pusat Kajian Buya HAMKA) adalah diasaskan oleh Universiti Muhammadiyah Prof. Dr. HAMKA (UHAMKA) pada tarikh 12 Mei 2006, yang dirasmikan oleh Ketua Umum Pimpinan Pusat Pertubuhan Muhammadiyah, Prof. Dr. HM. Din Syamsuddin, MA. di UHAMKA Jakarta.

<sup>105</sup> Majalah ta'dib, Mac 6 2008, *op.cit.*, h.7

<sup>106</sup> Ayah HAMKA lahir pada hari Ahad 17 Safar 1296 H. atau bertepatan dengan tarikh 10 Februari 1879 M. di sebuah kampung kecil bernama Kepala Kebun, Lorong Betung Panjang, Negeri Sungai Batang Maninjau dalam Luhak Agam. Lihat: Prof. Dr. HAMKA (1950), *Ayahku, Syah Alam Selangor: Pustaka Dini*, h. 79. Beliau merupakan seorang tokoh ulama dan pengasas Gerakan *Islah (tajdid)* di Minangkabau, selepas ketibaannya dari Makkah pada tahun 1906. Beliau adalah di antara empat tokoh pembaharu yang mengibarkan panji-panji kebangkitan di Indonesia, khususnya di Minangkabau Sumatera Barat. Masing-masing daripada keempat tokoh tersebut adalah Syeikh Taher Djalaluddin, Syeikh Muhammad Djamil Djambek, Dr. Haji Abdul Karim Amrullah dan Haji Abdullah Ahmad. Lihat: Prof. Dr. M. Yunan Yusuf (2003), *Corak Pemikiran Kalam HAMKA Tafsir al-Azhar: Sebuah Telaah Atas Pemikiran HAMKA dalam Teologi Islam*, Jakarta: Penamadani, h. 33

seorang tokoh Islam yang berpengaruh pada zamannya. Ia adalah salah seorang ulama dari kalangan pembaharu Islam yang aktif melakukan gerakan dakwah Islam amar ma'ruf nahi munkar di Indonesia, terutama di Padang Panjang Sumatera Barat. Ayah HAMKA adalah seorang tokoh pembaharu yang terbabit langsung dalam pelbagai kegiatan-kegiatan sosial, pendidikan, agama dan politik. Bahkan ia terbabit dalam misi pergerakan kemerdekaan Indonesia dari kaum penjajah. Pendek kata, ayah HAMKA memang seorang yang aktif dan terlibat langsung dalam pelbagai kegiatan yang mendorong kepada kemajuan dan kejayaan umat, bangsa, agama dan negara<sup>108</sup>. Watak pergerakan seorang ayah ini kemudian menurun pula kepada anaknya, HAMKA, sehingga dalam perjalanan hidupnya, HAMKA banyak terbabit dalam organisasi-organisasi penting yang ada pada waktu itu.

### **2.1.3.1. Organisasi Dakwah Muhammadiyah**

Muhammadiyah<sup>109</sup> adalah organisasi keagamaan yang menjadi kenderaan HAMKA dalam perjuangannya memajukan masyarakat Islam, khususnya di tempat kelahirannya, Maninjau Sumatera Barat. Diakui, kondisi masyarakat Islam pada zamannya masih sangat menyedihkan, termasuk keadaan masyarakat di tempat kelahirannya tersebut. Di mana cara-cara beragama mereka masih ada yang

---

<sup>107</sup> Syafi'ah adalah adik kandung daripada Raihanah binti Haji Zakariya. Raihanah sendiri adalah isteri pertama syeikh Abdul Karim Amrullah (ayah HAMKA) yang meninggal dunia setelah lima bulan melahirkan seorang anak laki-laki pertamanya. Tetapi, bayi laki-laki itu pun meninggal dunia sehari sesudah dilahirkan. Lihat: Prof. Dr. HAMKA (1950), Ayah ku, *Syah Alam Selangor: Pustaka Dini*, h. 92

<sup>108</sup> Untuk mengetahui dan mengenal lebih jauh tentang sosok ayah HAMKA, pembaca boleh merujuk salah satu tulisan karya HAMKA yang bertajuk "Ayahku", iaitu sebuah karya yang menceritakan tentang riwayat hidup ayah HAMKA.

<sup>109</sup> Pertubuhan Muhammadiyah diasaskan oleh KH. Ahmad Dahlan pada tanggal 18 November 1912 di Yogyakarta, iaitu sebuah gerakan dakwah Islam yang bercorak pembaharuan atau Islam Modern. Lihat: Drs. Suwarno, M.Si. (2010), *Relasi Muhammadiyah, Islam dan Negara*, c.1. Yogyakarta: *Pustaka Pelajar*, h. 13. Saat ini Muhammadiyah dikenal sebagai salah satu organisasi Islam terbesar di Indonesia bahkan di dunia yang memiliki pelbagai amal usaha yang nilai dan manfaatnya dapat dirasakan oleh ramai lapisan masyarakat, iaitu meliputi: bidang keagamaan dengan pelbagai aktiviti dakwahnya dan bangunan masjid-masjidnya; bidang pendidikan dengan pondok-pondok pesantren, sekolah-sekolah, dan perguruan tingginya; bidang sosial dengan rumah-rumah panti asuhannya; bidang kesihatan dengan klinik-klinik dan hospital-hospitalnya; bidang ekonomi dengan lembaga-lembaga kewangan dan zakatnya; dan lain-lain.

bertentangan dengan ajaran Islam yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW, terutama masalah kerosakan akidah yang dapat dilihat dengan banyaknya amalan-amalan seperti bid'ah, takhayul, khurafat dan lain-lain.

Sementara itu, bangsa Indonesia hidup di bawah kaum penjajah Belanda dan Jepun yang tentunya menimbulkan penderitaan yang sangat besar. Umat Islam pun mendapat banyak ancaman dan cabaran, di antaranya gerakan misionaris kristian yang dilakukan kaum penjajah.

Dalam kondisi masyarakat seperti itu, maka HAMKA tertarik untuk bergabung dengan Muhammadiyah, iaitu sebuah organisasi Islam yang bertujuan memurnikan agama Islam dengan salah satu misi gerakannya untuk melenyapkan amalan-amalan seperti tahayul, bid'ah-bid'ah dan khurafat. Pendek kata, ia berupaya mengembalikan agama Islam ke dalam bentuk kemurniannya, yakni sebagaimana diajarkan dan dilaksanakan oleh Nabi Muḥammad SAW. dan keempat khalifahnyanya (Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān dan 'Alī). Dan pada dasarnya, umat Muslim harus dibimbing hanya dengan *al-Qur'ān* dan *Hadīth*.<sup>110</sup>

HAMKA memilih Muhammadiyah sebagai organisasi pergerakan dakwahnya sudah sangat tepat, kerana selain diikat dengan pemikiran dan pemahaman yang sama, organisasi Islam terbesar itu sudah tersebar luas di Sumatera iaitu, terutama di Padang Panjang. Kehadiran Muhammadiyah di Sumatera Barat ini, tidak lain juga kerana atas jasa ayahnya, Dr. Abdul Karim Amrullah atau Haji Rasul.<sup>111</sup>

---

<sup>110</sup> Dr. Alfian (2010), *Politik Kaum Modernis: Perlawanan Muhammadiyah Terhadap Kolonialisme* Jakarta, *Belanda*, Al-Wasath Publishing House, c.1, h. 2.

<sup>111</sup> Dr. Abdul Karim Amrullah sendiri sebetulnya bukan termasuk tokoh-tokoh penting pendiri Muhammadiyah. Meskipun beliau adalah seorang yang sudah dikenal sebagai tokoh pembaharu tiga serangkai. Malah ada beberapa hal yang beliau sendiri tidak bersetuju dengan Muhammadiyah, kerana berlawanan dengan fahamannya. Tetapi dalam garis besar, iaitu prinsip agama mengamalkan organisasi,



Dalam perbincangan tentang rehat ilmunya, penulis telah menyebutkan bahawa ketika usia 16 tahun, HAMKA sudah melakukan perjalanan ke Jawa, iaitu ke Yogyakarta. Perjalanan ini tidak lain untuk menimba ilmu dari pelbagai tokoh pergerakan Islam di sana, seperti Ki Bagus Hadikusumo, Haji Oemar Tjokroaminoto, RM Soerjopranoto dan KH. Fakhruddin. Bersama tokoh-tokoh itulah, HAMKA mengikuti kuliah-kuliah mereka yang diadakan di Gedung Abdi Dharmo di Pekalongan, Yogyakarta<sup>112</sup>. Hasilnya, semangat pergerakannya bertambah kuat dan mantap setelah beliau bergaul dan mendengar kuliah-kuliah yang disampaikan oleh tokoh-tokoh pergerakan di atas. Apatah lagi setelah ia duduk di rumah iparnya, iaitu A.R Mansur. Di mana pada waktu itu, A.R. Mansur ini adalah menjabat sebagai ketua cabang Persyarikatan Muhammadiyah di Pekalongan. Dari sinilah HAMKA memperoleh pengalaman baru dalam mentadbir sebuah organisasi..

Dalam sebuah artikel yang bertajuk: *HAMKA Dalam Sebuah Biografi*, yang dimuat dalam majalah ta'dib terbitan Universiti HAMKA (UHAKMA) Jakarta, menerangkan bahawa HAMKA telah mengikuti pendirian Muhammadiyah sejak tahun 1925 untuk melawan *khurafat*, *bid'ah*, *tarekat* dan kebatinan sesat di Padang Panjang.

---

tidaklah dapat dibantah lagi. Hati ayah HAMKA mulai tertambat kepada Muhammadiyah. Lawatan beliau ke Jawa yang kedua kalinya pada tahun 1925 juga telah membawa kesan positif yang menjadikan beliau semakin tertarik kepada Muhammadiyah. Hal itu, kerana selama lawatannya, beliau berjumpa dengan pemimpin-pemimpin Muhammadiyah yang berpengaruh, seperti, St. Mansur dan H. Fakhruddin. Selepas beliau mendengar keterangan dan melihat langsung fahaman dan metodologi dakwah yang diamalkan oleh tokoh-tokoh Muhammadiyah tersebut, terbayanglah rupanya di ruang matanya nasib tanah Minangkabau khususnya dan Sumatera umumnya, telah rosak dan binasa. Mereka memerlukan sentuhan dakwah yang boleh membimbing mereka kepada cara-cara Islam yang sebenar. Maka dengan adanya pengalaman dan pelajaran baru yang diperolehinya dari Jawa, Haji Rasul memutuskan dirinya untuk segera pulang ke Minangkabau. Sesampainya di sana, seperti biasa beliau pun disambut oleh ramai orang untuk mendengarkan berita pengalaman perjalanannya dan pandangan-pandangan barunya. Dalam kesempatan itulah, Haji Rasul langsung memperkenalkan pertubuhan Islam Muhammadiyah dengan panjang lebar, riang dan gembira kepada mereka. Rupanya sangatlah tertarik hati penduduk Sungai Batang akan keterangan dan informasi-informasi segar yang beliau bawa. Maka sepatutlah pengurus kumpulan "Sendi Aman" untuk menukar kumpulan dengan Muhammadiyah, di akhir tahun 1925. Sebagaimana penjelasannya, penukaran kumpulan itu dimaksudkan supaya ada hubungan antara penduduk Sungai Batang dengan persyarikatan Muhammadiyah yang berpusat di Jawa, tepatnya di Kauman Yogyakarta. Lihat: Prof. Dr. HAMKA (1950), *Ayahku, Syah Alam Selangor, Pustaka Dini*, h. 205.

<sup>112</sup> Hery Sucipto dan Nadjmuddin Ramly (2005), *op.cit.* h. 140

Keterangan ini adalah sangat masuk akal, kerana setelah beberapa lama tinggal bersama iparnya di Pekalongan, pada tahun 1925 HAMKA pulang kampung ke Sumatera Barat. HAMKA kembali ke rumah ayahnya yang berada di Gatangan, Padang Panjang. Setibanya di sana, HAMKA kemudian mendirikan Majlis Tabligh Muhammadiyah. Sejak itulah sejarah peranan dan sumbangan HAMKA dalam organisasi Muhammadiyah yang didirikan oleh KH. Ahmad Dahlan dimulai<sup>113</sup>.

Pada tahun 1928 beliau dijemput menjadi peserta kongres Muhammadiyah di Solo<sup>114</sup>. Jemputan untuk menghadiri kongres Muhammadiyah ini tentunya memiliki nilai yang sangat berharga bagi HAMKA. Setelah pulang dari kongres Muhammadiyah Solo, karier HAMKA di persyarikatan Muhammadiyah semakin gemilang. Secara berangsur-angsur beliau memangku jabatan penting di Muhammadiyah, mulai dari ketua bahagian Taman Pustaka, Ketua Majlis Tabligh, hingga akhirnya beliau menjadi ketua Cabang Muhammadiyah di Padang Panjang<sup>115</sup>.

Jawatan ketua Cabang yang diamanahkan kepadanya itu berlangsung pada tahun 1946, iaitu melalui konferensi Muhammadiyah di Padang Panjang. Dalam konferensi ini, HAMKA terpilih menjadi ketua Pimpinan Cabang Muhammadiyah Padang Panjang. Posisinya sebagai Ketua Cabang Muhammadiyah ini menjadikan HAMKA mempunyai banyak kesempatan untuk berkeliling Sumatera Barat, merangsang cabang-cabang Muhammadiyah yang lain untuk mempertingkatkan penyiaran Islam serta menggalang perpaduan bangsa<sup>116</sup>. Tetapi, jauh sebelum HAMKA terpilih sebagai Ketua Pimpinan Cabang Muhammadiyah ini, sememangnya beliau juga telah banyak

---

<sup>113</sup> *Ibid.*, h. 141

<sup>114</sup> *Ibid.* h. 142

<sup>115</sup> *Ibid.*

<sup>116</sup> Prof. Dr. M. Yunan Yusuf (2003), *op.cit.* h.50

mengunjungi beberapa wilayah di Indonesia untuk memperluas dakwah Islamnya<sup>117</sup>. Pada tahun 1942 bersamaan dengan jatuhnya koloni Hindia Belanda ke dalam pangkuan kekuasaan penjajah Jepun, HAMKA terpilih lagi menjadi Pimpinan Muhammadiyah Sumatera Timur. Ketika itu, kondisi ekonomi negara dalam keadaan sulit, tetapi HAMKA masih tetap tegar dan sabar dalam pendiriannya untuk memikul jabatan tersebut selama tiga tahun. Pada tahun 1945, HAMKA memutuskan untuk melepaskan jabatan itu kerana ia harus kembali ke Sumatera Barat. Setibanya di sana lagi-lagi HAMKA terpilih untuk memimpin Muhammadiyah, iaitu sebagai ketua Majlis Pimpinan Muhammadiyah Daerah Sumatera Barat. Amanah kepemimpinan ini beliau jalani hingga tahun 1945.

### **2.1.3.2. Barisan Pertahanan Nasional Indonesia**

Pertubuhan ini dikenali dengan nama Front Pertahanan Nasional (FPN)<sup>118</sup>. Disebabkan masyarakat Sumatera Barat sudah mengenal dan mengakui ketokohan dan kemampuan HAMKA, maka dengan persetujuan teman-temannya beliau dipercayai untuk menjadi ketua pertubuhan FPN tersebut.

---

<sup>117</sup> Pada tahun 1930 HAMKA mendapat tugas khusus dari pengurus pusat persyarikatan Muhammadiyah untuk mendirikan cabang Muhammadiyah di Bengkalis. Sesudah berjaya mendirikan cabang di Bengkalis, pada tahun 1931 Pengurus Pusat Muhammadiyah mengutus HAMKA untuk pergi ke Makasar. Tugas yang harus dipikulnya adalah menjadi juru dakwah dalam rangka mempersiapkan dan menggerakkan semangat rakyat untuk menyambut Muktamar Muhammadiyah ke 21 yang diselenggarakan pada Mei 1932. Di sana HAMKA tinggal selama 2 tahun. Dan pada tahun 1934 ia kembali ke Padang Panjang untuk kemudian diangkat menjadi Majlis Konsul Muhammadiyah Sumatera Tengah. *Lihat: Hery Sucipto Nadjmuddin Ramly (2005), op.cit., h.142*

<sup>118</sup> Latar belakang pendirian pertubuhan ini adalah bahawa ketika agresi Belanda pertama meletus pada tahun 1947, Wali kota Padang, Bagindo Aziz Chan, wafat ditembak oleh tentera Belanda. Kejadian ini tentunya menimbulkan kemarahan rakyat Minangkabau, sehingga bangkitlah perlawanan bersenjata di Minangkabau untuk menghalau penjajah. Maka untuk keperluan membangkitkan semangat rakyat Sumatera Barat dalam perjuangan bersenjata tersebut, dibentuklah sebuah badan atau barisan yang kemudian dikenal dengan nama Front Pertahanan Nasional (FPN).

Kegiatan sebagai ketua FPN itu tidaklah menghalangi HAMKA untuk meneruskan aktiviti yang lain. Dalam waktu yang sama beliau juga masih tetap aktif dalam organisasi Muhammadiyah, berceramah dan juga menulis. Malah, di tengah-tengah kesibukannya ini, HAMKA menerbitkan sebuah majalah pertamanya di Padang Panjang. Majalah ini diberi nama *Menara*<sup>119</sup>. Mengenai aktiviti dalam dunia penulisan ini, penulis akan menyajikannya secara khusus dalam perbincangan selanjutnya.

### **2.1.3.3. Bidang Penulisan dan Penerbitan**

Selain dikenal sebagai seorang ulama, HAMKA juga dikenal sebagai seorang sasterawan dan penulis yang produktif. Bahkan hingga kini buku-bukunya banyak dicetak ulang dan masih laris manis dijual di pasaran. Terutama karyanya yang menjadi tajuk perbincangan kajian ilmiah ini, iaitu tafsir *al-Azhar*. Karya-karya tulisan beliau meliputi: novel, artikel dan buku. Berdasarkan pengakuan puteranya, iaitu Rusdi HAMKA, dia mengatakan bahawa sepanjang hidupnya ayahnya telah menulis 130 judul buku dan novel serta ratusan artikel lepas yang dibuat di pelbagai media massa<sup>120</sup>. Semua karya tulis HAMKA ini telah menjadi rujukan dan kajian ramai sarjana dan beberapa cendekiawan.

Bagi menguatkan lagi pengetahuan dan kedekatan kita kepada sosok HAMKA sebagai seorang penulis, maka dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan bagaimana perjalanan aktiviti HAMKA dalam dunia penulisan, kewartawanan dan sekali gus penerbitan.

---

<sup>119</sup> Prof. Dr. M. Yunan Yusuf (2003), *op.cit.*

<sup>120</sup> Artikel Majalah Ta'dib, *op.cit.*

### **2.1.3.3.1 HAMKA Sebagai Wartawan dan Editor**

HAMKA pernah bercerita, bahawa pada mulanya beliau tidak tahu apakah dirinya dilahirkan untuk menjadi seorang penulis. Malah kalau dikatakan bahawa beliau dilahirkan untuk menjadi seorang ulama itu mungkin lebih tepat, kerana sejak kecil HAMKA berada dalam satu lingkungan yang banyak memberikan pengajaran hukum agama. Beliau sering mengikuti perdebatan tentang persoalan-persoalan keagamaan yang diadakan di surau-surau. Sejak tahun 1920, HAMKA menjadi seorang jurnalis di beberapa surat khabar seperti Pelita Andalas, Seruan Islam, Bintang Islam dan Seruan Muhammadiyah. Pada tahun 1928, beliau menjadi editor di majalah Kemajuan Masyarakat. Kemudian pada tahun 1932, beliau menjadi editor dan berjaya menerbitkan majalah al-Mahdi di Makasar. HAMKA juga pernah menjadi editor majalah Pedoman Masyarakat, Panji Masyarakat dan Gema Islam<sup>121</sup>. Pekerjaannya sebagai wartawan ini telah memberikan banyak kesempatan bagi HAMKA untuk mengasah kemahirannya dalam bidang penulisan. Pelbagai artikel keagamaan serta cerita pendek sudah mulai ditulisnya dengan bahasa dan logika yang sedemikian jernih<sup>122</sup>.

### **2.1.3.3.2. HAMKA Menulis Karya Ilmiah**

Bermula dari seorang wartawan dan pegawai di beberapa surat khabar, majalah dan juga penerbit, akhirnya HAMKA mencuba untuk mengungkapkan buah mindanya dalam karya-karya tulisan ilmiahnya. Secara perlahan-lahan tapi pasti, kemampuan intelektual dan bakat menulisnya semakin meningkat dan terasah, terutama setelah ia memimpin majalah "Pedoman Masyarakat" dan "Pedoman Islam" sekitar tahun 1938-

---

<sup>121</sup> Artikel Majalah ta'dib, *op.cit.* h.6

<sup>122</sup> Hery Sucipto dan Nadjamuddin Ramly (2005), *op.cit.* h. 143

1941<sup>123</sup>. Tapi, sebelum memimpin kedua-dua majalah di atas, HAMKA sudah memiliki banyak tulisan atau artikel yang juga dimuat di kedua majalah tersebut. Bahkan menurut pengakuan HAMKA sendiri, bahawa kegiatan menulis buku sudah dimulainya sejak tahun 1925<sup>124</sup>.

Di tengah-tengah kesibukannya sebagai penceramah dan juga pengajar di beberapa lembaga pendidikan, kegiatan menulis ini masih terus ditekuni. Sehingga kemudian beliau berjaya menerbitkan pelbagai karya roman<sup>125</sup>, iaitu seperti *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (1938), *Tenggelamnya Kapal van Der Wick* (1939), *Merantau ke Deli* (1940), *Di Dalam Lembah Kehidupan* (1940), dan kumpulan cerita-cerita pendek (Cerpen). Sekitar tahun 1930, mulailah HAMKA mengarang dalam sebuah surat khabar "Pembela Islam" Bandung. Di sini, beliau mulai berkenalan dengan tokoh-tokoh penting dan berpengaruh, misalnya M. Natsir dan A. Hasan. Ketika beliau berpindah dan mengajar di Makasar, maka di sana pula HAMKA menerbitkan satu lagi majalah yang diberi nama "Al-Mahdi"<sup>126</sup>. Tahun 1935, HAMKA kembali ke Sumatera Barat. Tetapi, pada tahun 1936 beliau meninggalkan lagi bandar kelahirannya dan pergi ke Medan untuk menjalankan tugas dakwah. Untuk menyokong kegiatan dakwahnya di Medan, HAMKA pun tidak tinggal diam. Beliau bersama-sama dengan M. Yunan Nasution

---

<sup>123</sup> *Ibid.*

<sup>124</sup> Prof. Dr. HAMKA (2009), *Kenang-kenangan Hidup*, Shah Alam Selangor Darul Ehsan: Pustaka Dini, h.211

<sup>125</sup> Karya roman adalah karangan cerita prosa yang melukiskan perbuatan pelaku-pelakunya mengikut watak dan isi jiwa masing-masing. Buku roman HAMKA yang pertama adalah bernama "Si Sabariyah", yang ditulis dengan bahasa Minangkabau pada tahun 1928<sup>125</sup>. Waktu itu pula beliau memimpin sebuah majalah yang bernama "Kemahuan Zaman" yang terbit hanya beberapa kali sahaja. Dalam tahun 1929, HAMKA juga mengeluarkan buku-buku yang ada hubung kaitnya dengan masalah keagamaan, iaitu seperti: "Agama dan Perempuan", "Pembela Islam", "Adat Minangkabau dan Agama Islam", "Kepentingan Tabligh", "Ayat-ayat Mi'raj" dan lain-lain. Lihat: Prof. Dr. HAMKA (1970), *Tasawuf Moden*, Shah Alam Selangor Darul Ehsan: Pustaka Dini, , h.14.

<sup>126</sup> Prof. Dr. HAMKA (1970), *Tasawuf Moden*, Shah Alam Selangor Darul Ehsan: Pustaka Dini, h.14.

menerbitkan majalah yang bernama "Pedoman Masyarakat"<sup>127</sup>. Majalah ini dipimpinnya sendiri setelah setahun dikeluarkan, yaitu mulai tahun 1936 sampai 1943<sup>128</sup>.

Di antara karyanya dalam bidang agama, HAMKA telah berjaya menghasilkan satu karya yang sangat penting dan populer, yaitu sebuah buku yang bertajuk *Tasawuf Modern*, yang terbit pada tahun 1938. Buku ini merupakan cerminan sikap dan pandangan beliau tentang kehidupan dunia.<sup>129</sup>

Setelah pecahnya revolusi, HAMKA pindah lagi ke Sumatera Barat. Di sana pula beliau menerbitkan buku-buku berbaur politik dan beberapa karya roman.<sup>130</sup> Dan pada tahun 1950, beliau pindah ke Jakarta. Di bandar raya ini pula HAMKA tidak pernah berhenti menulis. Beliau mengeluarkan lagi buku-bukunya yang baru, seperti: "Ayahku," "Kenang-kenangan Hidup," "Perkembangan Tasawuf dari Abad ke Abad," "Urat Tunggang Pancasila"<sup>131</sup>, ". Dalam perjalanan hidupnya, HAMKA telah mendapat kesempatan untuk mengunjungi beberapa negara, seperti Makkah, Mesir dan Amerika. Dari pengalaman perjalanannya ke luar negara ini HAMKA juga mendapat inspirasi

---

<sup>127</sup> Menurut M. Yunan Nasution, majalah "Pedoman Masyarakat" ini merupakan majalah yang telah memberikan sumbangan yang tidak sedikit bagi mengembangkan kemahiran HAMKA dalam penulisan dan kepujanggaannya di masa hadapan. Pernyataan M. Yunan Nasution ini adalah benar. Kerana pada zaman itulah HAMKA banyak menerbitkan karangan-karangannya sama ada dalam bidang agama, falsafah atau pun karya-karya roman. Lihat: Prof. Dr. M. Yunan Yusuf (2003), *op.cit.*, h. 48

<sup>128</sup> Prof. Dr. HAMKA (1970), *op.cit.*, h.14..

<sup>129</sup> Lewat karyanya ini, HAMKA memberikan kritikan terhadap aliran-aliran tasawuf yang cenderung memandang negatif terhadap kehidupan dunia. Di mana tasawuf sering dijadikan sebagai satu cara untuk mengasingkan diri daripada kehidupan dunia yang difahaminya sebagai penyebab masalah dan penuh dengan kotoran dosa. Oleh itu, dalam bukunya ini HAMKA berusaha untuk merubah persepsi seperti disebutkan di atas. Beliau menyerukan gagasan pemikirannya yang disebut dengan 'tasawuf positif' yang tidak bersikap skeptis. Pada pandangan beliau, bahawa untuk menjadi seorang Muslim sejati bukannya menjauhkan diri dari dunia, tapi justeru ia mesti terjun langsung ke dalamnya. Ertinya, bahawa selama hidupnya di dunia ini, seorang Muslim harus bisa memberikan sumbangan yang berharga dan bermanfaat bagi dirinya dan orang lain, sehingga apa yang disumbangkannya itu akan mendapatkan balasan atau ganjaran dari Tuhannya sama ada di dunia atau pun di akhirat.

<sup>130</sup> Contoh buku-buku politiknya, misalnya: "Revolusi Fikiran," "Revolusi Agama," "Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi," "Negara Islam," "Sesudah Naskah Renville," "Muhammadiyah Melalui Tiga Zaman," "Islam dan Demokrasi,". Adapun beberapa karya-karya romannya, seperti: "Dari Lembah Cita-cita," "Dilamun Ombak Masyarakat," dan "Menunggu Beduk Berbunyi,". Lihat: Prof. Dr. HAMKA (1970), *Tasawuf Modern*, Syah Alam Selangor, Pustaka Dini, h.15

<sup>131</sup> Prof. Dr. HAMKA (1970), *op.cit.* h.15

yang dapat dituangkan dalam bentuk tulisan. Maka kemudian muncullah buku-bukunya yang bertajuk: "Di Tepi Sungai Nil," "Mandi Cahaya di Tanah Suci," dan karyanya "Empat Bulan di Amerika,"<sup>132</sup>.

Pada tahun 1964, tepat pada tarikh 27 Januari bertepatan dengan tarikh 12 Ramadhan 1383 H., HAMKA ditangkap oleh penguasa orde lama, lalu dimasukkan ke dalam penjara. Selama berada dalam penjara tersebut, fikiran dan tangan HAMKA tidak pernah berhenti untuk menulis. Di sinilah beliau mulai menyusun karyanya yang sangat penting dan besar, iaitu tafsir *al-Azhar*, sebuah karya tafsir yang hingga saat ini masih dirasakan manfaatnya oleh masyarakat Islam, tidak hanya di Indonesia tetapi juga oleh masyarakat Muslim yang ada di kepulauan Nusantara.

Dari karya-karya ilmiah HAMKA di atas bolehlah dibahagikan menjadi dua bahagian, iaitu karya ilmiah sastera dan non sastera. Dalam bidang sastera atau karya roman jumlahnya tidak sedikit, di antaranya yang sangat terkenal adalah "Merantau ke Deli", "Di Bawah Lindungan Ka'bah", "Tenggelamnya Kapal van Der Wijck", "Margaretta Gauthier" dan "Kenang-kenangan Hidup"<sup>133</sup>.

Sementara dalam bidang non sastera, di antara karya-karyanya yang tersebar adalah seperti "Falsafah Hidup," "Lembaga Hidup," "Lembaga Budi," "Tasawuf Moden," "Tasawuf, Perkembangan dan Pemurniannya," "Sejarah Umat Islam," "Antara Fakta dan Khayal," "Tuan Rao", "Dari Lembah Cita-cita," "Tafsir *al-Azhar*" dan sebagainya<sup>134</sup>.

---

<sup>132</sup> *Ibid.*

<sup>133</sup> Majalah ta'dib Mac 6 2005, "HAMKA Dalam Sebuah Biografi". *op.cit.*

<sup>134</sup> *Ibid.*



Dari huraian tentang aktiviti HAMKA dalam bidang penulisan ini memberikan suatu kesimpulan, HAMKA adalah seorang wartawan, editor, pengarang, pujangga dan ahli filsafat Islam. Gelaran ini diakui oleh setiap kalangan masyarakat, terutama kalangan tokoh akademik di negara-negara serantau.

#### **2.1.3.4. Politik Praktis**

Kegiatan politik praktis HAMKA sebetulnya sudah dimulai sejak tahun 1925, iaitu ketika beliau menjadi anggota parti politik "Syarikat Islam" (SI)<sup>135</sup>. Ertinya, pada umur sekitar 17 tahun, HAMKA sudah terbabit langsung dalam kegiatan politik praktis, iaitu di saat umurnya yang masih muda belia<sup>136</sup>.

Pada tahun 1945, beliau ikut berkongsi dalam membantu menentang usaha kembalinya penjajah Belanda ke Indonesia melalui pidato-pidatonya. Sebelumnya, iaitu ketika berada di Medan, beliau pernah ikut menyertai kegiatan perang di dalam hutan. Pada tahun 1947, HAMKA diangkat menjadi ketua Barisan Pertahanan Nasional, Indonesia atau Fron Pertahanan Nasional sebagaimana telah kita bincangkan dalam bahagian yang lepas di atas. Pada Pilihan Raya Umum tahun 1955, HAMKA memperoleh jabatan penting dan berat dalam parti politik Islam Masyumi (Majlis Syuro Muslimin Indonesia). Pada waktu itu, beliau dilantik sebagai anggota Konstituante

---

<sup>135</sup> Majalah ta'dib Mac 6 2008, "HAMKA Dalam Sebuah Biografi". *op.cit.* h. 6

<sup>136</sup> Dilihat dari zamannya, HAMKA adalah salah seorang yang pernah merasakan situasi hidup pada dua keadaan zaman, iaitu sebelum dan selepas kemerdekaan Negara Indonesia pada tahun 1945. HAMKA lahir pada tahun 1908, iaitu jauh sebelum bangsa Indonesia merdeka. Dan wafat pada tahun 1981 setelah Indonesia merdeka. Ertinya, selama 37 tahun ia hidup di zaman kaum penjajah (Belanda dan Jepun) dan 36 tahun ia hidup di bawah kekuasaan orde lama, Soekarno. Sebagai seorang pergerakan yang telah banyak dibekali dan dipengaruhi oleh tokoh-tokoh pergerakan Islam di Jawa, kita pun boleh membaca destinasi yang menjadi tujuan HAMKA dalam berpolitik. Sebelum kemerdekaan Indonesia, HAMKA berjuang untuk membebaskan rakyat Indonesia dari tekanan kaum penjajah. Mengusir penjajah dari bumi pertiwi Indonesia. Dan setelah Indonesia merdeka, matlamat politik HAMKA adalah berusaha untuk mengisi kemerdekaan tersebut dengan cara membabitkan langsung dalam dunia politik praktis. Perjuangan politiknya adalah didasarkan kepada prinsip-prinsip Islam yang utuh. Mengangkat tinggi nilai-nilai syariat Islam serta membela kepentingan umatnya dari tekanan kerajaan orde lama yang berada di bawah naungan presiden Soekarno.

Masyumi, di mana beliau menjadi pembicara utama dalam Pilihan Raya Umum 1955 tersebut. Walaupun dirinya terlibat langsung dalam kegiatan politik, tetapi ia tidak terseret dengan segala bentuk kepentingan "syahwat politik". HAMKA mampu membawa dirinya sebagai juru dakwah yang memperjuangkan nilai-nilai Islam. Misalnya, ketika posisinya sebagai anggota Konstituante Masyumi, HAMKA boleh memperjuangkan kepentingan Islam secara gigih. Bahkan sesuai dengan garis kebijaksanaan parti Masyumi tersebut, HAMKA maju ke barisan hadapan untuk mencadangkan gagasan mulia mendirikan negara Indonesia dengan berdasarkan *al-Qurān* dan *al-Sunnah*<sup>137</sup>.

Namun, misi politik yang diperjuangkannya tidaklah semudah membalikkan telapak tangan. Hingga saat ini, perjuangan untuk mendirikan sebuah negara yang berdasarkan syariat Islam sulit untuk diwujudkan. Sebab cabaran dari pihak-pihak atau golongan sekularis yang memang tidak setuju dengan Islam, khususnya golongan Partai Komunis Indonesia (PKI) sungguh sangat hebat. Walaupun begitu, HAMKA telah menunjukkan sikap kegigihannya dalam berjuang menegakkan dan membela nilai-nilai Islam di peringkat nasional. Akibatnya, HAMKA rela untuk menjadi mangsa politik. Beliau ditangkap dan di masukan ke dalam penjara oleh pihak kerajaan orde lama atas perintah Soekarno. Di antara penyebab utama penangkapan HAMKA ini adalah hasutan dan tuduhan Parti Komunis. Waktu itu, bagi penguasa, HAMKA dituduh sebagai orang yang paling berbahaya<sup>138</sup>. HAMKA difitnah mengadakan mesyuarat

---

<sup>137</sup> Prof. Dr. M. Yunan Yusuf (2003), *op.cit.* h. 51

<sup>138</sup> Pada bulan Julai tahun 1959, HAMKA menerbitkan majalah tengah bulanan yang diberi nama Panji Masyarakat. HAMKA duduk sebagai pimpinan redaksinya. Sesuai dengan kondisi politik Indonesia yang semakin tidak menentu itu, khususnya ketika Presiden mengeluarkan keputusan darurat yang dikenal dengan Dekrit 5 Julai 1959, di mana di antara isinya adalah bahawa Indonesia mengamalkan sistem demokrasi yang dikenal dengan sistem Demokrasi Terpimpin, iaitu sebuah gagasan politik untuk mengekalkan kekuasaan Presiden Soekarno. Dalam keadaan seperti itu, Panji Masyarakat memuat tulisan Dr. Mohammad Hatta, yang pada waktu menjabat sebagai Timbalan Presiden. Tajuk tulisannya adalah "Demokrasi Kita", iaitu sebuah tulisan yang isinya mengkritik keras sistem demokrasi terpimpin yang diamalkan oleh kawan karibnya, Soekarno. Oleh sebab itu, HAMKA dituduh sebagai orang yang paling berbahaya, yang boleh mengancam posisi sang penguasa orde lama. Sehingga akhirnya, majalah yang

gelap untuk menyusun rencana membunuh Presiden Soekarno<sup>139</sup>. Di samping itu, ada juga yang berpendapat bahawa penahanan HAMKA dalam penjara kerana tuduhan yang mengatakan bahawa HAMKA adalah tokoh nasional yang pro-Malaysia<sup>140</sup>. Beliau berada di dalam tahanan sejak 27 Januari 1964 dan keluar pada tahun 1966.

### **2.1.3.5. Pegawai Kerajaan**

Setelah penulis melakukan pengamatan dari pelbagai bahan rujukan yang dijumpai, ada dua aktiviti penting yang diperoleh HAMKA selama beliau bekerja dengan kerajaan, iaitu posisinya sebagai pensyarah di beberapa Perguruan Tinggi Negeri dan Swasta dan posisinya sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (MUI).

#### **2.1.3.5.1 Bekerja Sebagai Pensyarah**

Menjelang pengakuan kedaulatan, iaitu selepas tercapainya Persetujuan Roem Royen pada tahun 1949, HAMKA memutuskan pindah dari Sumatera Barat ke Jakarta. Di samping aktiviti dalam berdakwah dan menulis, HAMKA memulai untuk merintis karier sebagai pegawai kerajaan golongan F di Kementerian Agama yang waktu itu dipegang oleh KH. Abdul Wahid Hasyim<sup>141</sup>. Pada waktu itu, Menteri Agama menugaskan kepada HAMKA untuk memberi kuliah di beberapa perguruan tinggi Islam, sama ada perguruan tinggi yang ada di Jawa mahupun di luar Jawa<sup>142</sup>. Alasan

---

diterbitkan oleh HAMKA pun berumur pendek, iaitu hanya setahun sahaja, kerana dibubarkan oleh rezim (penyokong) Soekarno, tepatnya pada 17 Ogos 1960. Lihat: Prof. Dr. M. Yunan Yusuf (2003), *op.cit.* h. 152

<sup>139</sup> Ibid., h. 52

<sup>140</sup> Majalah ta'dib Mac 6 2005, "HAMKA Dalam Sebuah Biografi". *op.cit.*

<sup>141</sup> Hery Sucipto dan Nadjamuddin Ramly (2005), *op.cit.* h. 144

<sup>142</sup> Di antara perguruan tinggi yang sempat menjadi tempat mengajarnya adalah antara lain: Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN) di Yogyakarta, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, yang sekarang sudah ditukar namanya menjadi Universiti Islam Negeri (UIN), Fakulti Hukum dan Falsafah Muhammadiyah di Padang Panjang, Universiti Muslim Indonesia (UMI) di

pemberian tugas ini, tentunya tidak hanya didasarkan atas kemampuan intelektualnya yang bagus, tetapi juga faktor pengalamannya yang cukup luas dan impresif. Oleh sebab itu, KH. Abdul Wahid Hasyim memberikan kepercayaan kepada HAMKA, bahawa HAMKA akan mampu melaksanakan amanah negara tersebut.

#### **2.1.3.5.2. Majelis Ulama Indonesia (MUI)**

Sejak tersiarnya bakal berdirinya Majelis Ulama itu, muncullah berita di tengah-tengah masyarakat tentang kritikan dan persetujuan terhadap rencana diasaskannya Majelis tersebut. Sedangkan Menteri agama RI., Mukti Ali meminta HAMKA agar bersedia untuk menjadi jawatan pengerusi Majelis Ulama Indonesia tersebut. Setelah tawaran itu dipertimbangkan baik-baik, akhirnya HAMKA menerimanya dan terpilih sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia yang pertama. Niat beliau menerima jawatan tersebut tidak lain adalah untuk menghidupkan kembali umat Islam, menghadapi bahaya yang mengelilinginya.<sup>143</sup>

Tepatnya, pada tanggal 26 Julai 1975 bertepatan dengan tanggal 17 Rajab 1395 telah diadakan Mesyuarat Nasional ke I Majelis Ulama seluruh Indonesia di Taman Mini Indonesia Indah, Jakarta<sup>144</sup>. Hasil daripada Mesyuarat Nasional ini adalah bahawa pada tanggal 27 Julai 1975 telah dirasmikan Pimpinan Pusat Majelis Ulama Indonesia oleh Menteri Agama Indonesia, Prof. Madya. Mukti Ali. Waktu itu HAMKA terpilih sebagai

---

Makasar, dan Universiti Islam Sumatera Utara (UISU) di Medan. Lihat: Hery Sucipto dan Nadjamuddin Ramly (2005), *op.cit.*, h. 144

<sup>143</sup> H. Rusdi Hamka (1981), *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya*, Selangor Darul Ehsan: Pustaka Dini, h. 221.

<sup>144</sup> Umar Hasyim (1983), *Mencari Ulama Pewaris Para Nabi: Selayang Pandang Sejarah Para Ulama*, c. 2. Surabaya: PT. Bina Ilmu, h. 320

Ketua Umumnya<sup>145</sup>. Dengan kata lain, HAMKA adalah Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang pertama<sup>146</sup>.

Ketika HAMKA diberikan kepercayaan untuk menduduki jawatan sebagai Ketua Umum MUI, ramai pihak yang sempat meragui keberanian dan kemampuan beliau dalam membawa MUI kepada matlamat yang sebenarnya. Mereka berpandangan atau berprasangka, HAMKA tidak akan mampu menghadapi intervensi (campur tangan) kebijakan pemerintah Orde Baru<sup>147</sup> kepada umat Islam yang saat itu sudah sangat melampau.

Namun, apa yang mereka fikirkan selama ini meleset. Untuk menepis keraguan itu, HAMKA memilih masjid Al-Azhar sebagai pusat kegiatan MUI daripada di pejabat MUI yang biasanya berpusat di Masjid Istiqlal. Dan pada dekad 80-an, MUI yang berada dalam kepimpinan HAMKA berani melawan arus. Pada saat itu, HAMKA mengeluarkan fatwa yang menghebohkan masyarakat awam, iaitu bahawa umat Islam diharamkan untuk mengikuti peringatan agama lain<sup>148</sup>. Haram hukumnya apabila umat Islam mengikuti perayaan Krismas bersama. Padahal, saat itu pemerintah sedang menyerukan isu toleransi kepada rakyat Indonesia. Pelbagai lembaga saat itu ikut mengadakan perayaan Krismas. Apabila ada orang Islam yang tidak bersedia ikut

---

<sup>145</sup> *Ibid.* h. 322

<sup>146</sup> Majelis Ulama Islam Indonesia sebenarnya telah ada sejak tahun 1962, iaitu masa pemerintahan orde lama Soekarno. MUI yang lahir pada zaman orde lama ini dibentuk oleh Menteri Penghubung Alim Ulama, K.H. Fatah Yasin, dan beliau pulalah yang sekali gus sebagai ketuanya. Namun sebagaimana biasanya, pertubuhan-pertubuhan Islam yang ada saat itu merupakan "alat revolusi" yang dianjurkan oleh Sukarno. Apatah lagi pertubuhan yang "semi kerajaan" seperti MUI yang dibentuk oleh Menteri Penghubung Alim Ulama, K.H. Fatah Yasin, ia boleh dijadikan alat oleh penguasa untuk menyokong program dan agenda politiknya, seperti demokrasi terpimpin. Tetapi, sampai menjelang Gerakan 30 September Parti Komunis Indonesia (PKI) meletus, dan sesudahnya, sampai pada masa-masa munculnya Orde Baru dan hingga masa-masa mendekati tahun 1975, Majelis Ulama yang dahulu dibentuk oleh K.H. Fatah Yasin tidak pernah terdengar lagi beritanya. Secara perlahan-lahan, Majelis Ulama yang diasaskan pada zaman Orde Lama itu menjadi "mati". Lihat: Umar Hasyim (1983), *Mencari Ulama Pewaris Para Nabi: Selayang Pandang Sejarah Para Ulama*, c. 2. Surabaya, PT. Bina Ilmu, h. 318.

<sup>147</sup> Iaitu suatu era di mana waktu itu kerajaan Indonesia berada di bawah rezim kekuasaan Soeharto hingga menjelang jatuhnya pada tahun 1998.

<sup>148</sup> *Ibid.*, h. 157

merayakannya, maka mereka dipandang sebagai orang yang berbahaya, fundamentalis, dan membangkang kepada Pancasila<sup>149</sup>.

Risikonya, HAMKA mendapat kecaman dari pelbagai pihak yang tidak setuju dengan fatwa yang dikeluarkannya tersebut. MUI ditekan dengan sangat hebat oleh pelbagai pendapat di media massa yang menyatakan bahawa keputusan fatwanya tersebut akan mengancam persatuan negara. Dalam keadaan seperti itu, posisi HAMKA pun menjadi sulit antara mencabut kembali dan meneruskan fatwanya itu. Akhirnya, HAMKA memutuskan untuk meletakkan jawatannya sebagai Ketua Umum MUI. Beliau mundur dari MUI pada 21 Mei 1981<sup>150</sup>.

#### **2.1.4. PEMIKIRANNYA**

Dalam perbahasan ini, pengkaji tidak bermaksud untuk membincangkan semua pemikirannya, kerana aspek ini bahasannya juga sangat luas. Oleh itu, dalam bahagian ini penulis hanya ingin mencuba untuk menerokai pemikiran HAMKA dari beberapa aspek penting sahaja, khususnya pemikirannya dalam aspek akidah, aspek fikah, tasawuf, dan politik.

##### **2.1.4.1. Aspek Akidah**

Umat Islam akan sentiasa merindukan sosok ulama yang istiqamah (teguh pendirian) terhadap ajaran dan prinsip-prinsip Islam. Sosok ulama yang kuat dalam memegang prinsip akidah Islamnya. Bersikap tegas dalam persoalan-persoalan yang berkaitan dengan masalah akidah. Lebih dari itu, berusaha untuk menyedarkan

---

<sup>149</sup> *Ibid.*

<sup>150</sup> *Ibid.*

masyarakat daripada pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan kemurnian akidahnya. Sebut sahaja bahawa kita telah mempunyai tokoh-tokoh seperti: A. Hasan (Persatuan Islam), KH. Ahmad Dahlan (Muhammadiyah), Ahmad Surkati (al-Irsyād), dan belakangan muncul seorang tokoh seperti HAMKA. Mereka semua adalah di antara tokoh-tokoh yang berani mengambil risiko kerana semata-mata membela dan mempertahankan akidah Islamnya.

HAMKA adalah ulama yang berani menyatakan diri untuk menolak apa sahaja yang bercanggah dengan nilai dasar agama, meskipun hal itu boleh menimbulkan akibat yang sangat pahit untuk dirasakan. Salah satu faktor keteguhan HAMKA dalam berakidah adalah kerana faktor *tarbiyah* atau bimbingan ayahnya sendiri. HAMKA sendiri mengetahui secara pasti akan keteguhan ayahnya dalam berakidah, sehingga hal itu menjadi bekal dan pelajaran yang sentiasa ditanamkan dalam dirinya sepanjang hidupnya<sup>151</sup>.

Drs. H. Husein Umar memberikan satu pandangan terhadap HAMKA, menurutnya: "Jika melibatkan persoalan akidah, HAMKA tidak pernah mahu berkompromi. Dia sangat tegas dan konsisten. Ketika orang lain ragu-ragu untuk menentukan sikap, dengan cepat HAMKA dapat menentukan sikap tegasnya. Malah dia juga sentiasa bersedia untuk menghadapi segala risikonya."<sup>152</sup>

---

<sup>151</sup> Ayahnya, Haji Rasul adalah salah seorang ulama yang berani membantah tentera Jepun yang memerintahkan orang-orang untuk melakukan *seikere* (membungkuk ke arah matahari). Sebagai seorang ulama dan tokoh pergerakan Islam tentunya sangat wajar kalau beliau bersikap seperti itu, kerana perintah itu sama ertinya menyembah matahari. Hal ini pernah ditanyakan sendiri oleh HAMKA kepada ayahnya, apa yang menjadi alasan utama ayahnya membantah perintah tersebut. Dan kemudian ayahnya menjawab: "Ayah hanya takut tidak bisa menjawab pertanyaan Munkar Nakir". Keteguhan sikap Haji Karim Amrullah itulah yang kemudian oleh HAMKA dibawa sepanjang usia. Lihat: Hery Sucipto dan Nadjamuddin Ramly (2005), *op.cit.*, h. 138.

<sup>152</sup> Anzaruddin Ahmad (2010), "Resepi Kejayaan Dakwah Buya HAMKA: Bertoleransi dalam Fikah dan Bertegas dalam Akidah," Prosiding Seminar Serantau Seabad Buya HAMKA, c.1. Selangor: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ),, h. 13.

Bagi melukiskan perhatian dan pembelaannya terhadap akidah Islam, pengkaji akan menyebutkan beberapa isu akidah yang telah dialami HAMKA, di antaranya adalah:

1. Larangan memperingati hari besar Krismas bagi umat Islam. Seperti yang telah disebutkan di atas, HAMKA yang waktu itu adalah sebagai ketua umum Majelis Ulama Indonesia pernah mengeluarkan fatwa tentang larangan hari besar Krismas bagi umat Islam. Fatwa ini menimbulkan pertentangan keras dari pelbagai pihak, termasuk pemerintah Indonesia.
2. Teguran HAMKA terhadap Gabenor H. Ali Sadikin (Pemerintah Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta di sekitar tahun 1970). Gabenor ini mencadangkan agar setiap jenazah termasuk orang muslim yang meninggal dunia dibakar sahaja disebabkan kawasan perkuburan awam di kawasan bandar Jakarta tersebut yang semakin terbatas. Cadangan ini ditentang oleh HAMKA, seraya menegaskan bahawa Islam tidak pernah membenarkan jenazah umat Islam diperlakukan dengan upacara pembakaran.
3. Dalam Musyawarah Nasional (Munas) II Alim 'Ulama MUI, HAMKA merupakan individu pertama yang memfatwakan bahawa gerakan Ahmadiyah (seumpama Qadiyani di Malaysia) itu sesat lagi menyesatkan. Buya HAMKA juga dengan tegas menolak cadangan untuk memasukkan aliran kebatinan ke dalam GBHN (Garis-garis Besar Haluan Negara).<sup>153</sup>
4. Buya HAMKA juga menolak fahaman yang mengatakan bahawa semua agama itu adalah sama. Saat ini, khususnya di Indonesia fahaman ini cuba dihidupkan kembali

---

<sup>153</sup> Anzaruddin Ahmad (2010), *op.cit.* h. 10.



oleh orang-orang yang menamakan dirinya sebagai Islam Liberal atau Jaringan Islam Liberal (JIL). Para penyokong fahaman ini menganggap bahawa inti sari dari semua agama adalah mengajarkan perdamaian, keadilan, persamaan, demokrasi, dan hak asasi manusia (HAM). Jauh hari, Buya HAMKA telah menolak gagasan toleransi yang berfahaman sekularisme ini kerana model toleransi yang dibina dari kedua-dua fahaman ini sama sekali tidak menitikberatkan kepentingan akidah. Beliau hanya menyokong model toleransi yang masih menghargai keyakinan dan kepercayaan masing-masing yang intinya ialah tidak mengorbankan akidah agama.<sup>154</sup>

5. Pada zaman pemerintahan Soekarno, Buya HAMKA berani mengeluarkan fatwa haram menikah bagi seorang lelaki yang telah mempunyai empat isteri. Waktu itu Presiden pertama Republik Indonesia itu, iaitu Soekarno telah menikah melebihi batas yang ditentukan oleh Syari'at Islam. Sudah tentu, fatwa beliau telah menimbulkan kemarahan Presiden Soekarno.<sup>155</sup>

#### **2.1.4.2. Aspek Politik**

Dalam bahagian ini, penulis ingin mengetengahkan pandangan atau pemikiran HAMKA tentang idea-idea penting dan mendasar yang masih ramai dibincangkan sampai saat ini, iaitu seperti masalah hubungan antara agama dan negara menurut Islam, teori pemisahan antara agama dan negara, dan prinsip utama dalam pemerintahan.

Dalam sebuah seminar di Sekolah Tinggi Theologi Kristen (seumpama kolej Universiti) pada sekitar tahun 1970, HAMKA telah menulis dan membentangkan kertas

---

<sup>154</sup> *Ibid.* h. 11.

<sup>155</sup> *Ibid.*

kerjanya yang bertajuk: "Cita-cita Kenegaraan dalam Ajaran Islam."<sup>156</sup> Dalam seminar ini, HAMKA diminta oleh DR. B. Sijabat bagi pihak Sekolah Tinggi untuk menghuraikan pandangan Islam tentang hubungan antara agama dan Negara.<sup>157</sup>

Dalam kertas kerjanya tersebut, HAMKA terlebih dahulu menghuraikan kedudukan iman sebagai asas beragama. Ketiadaan iman bererti ketiadaan agama. Erti iman bagi seorang Muslim bukanlah setakat *i'tikad* (keyakinan) batin atau kepercayaan jiwa sahaja, tetapi iman itu meliputi kepada aktiviti hidup, amal dan usaha, cipta dan karya. Dengan iman dipandulah hidup peribadi seseorang, hidup berumah tangga dan juga hidup bermasyarakat.<sup>158</sup>

Berkaitan dengan fahaman yang menyatakan bahawa kehidupan tidak perlu dicampuradukkan dengan agama, HAMKA secara tegas menolak ungkapan tersebut, seraya mengatakan, sebagai orang yang beriman kita tidak boleh menerima pemikiran semacam itu, kerana ungkapan seperti itu berasal daripada luar agama.<sup>159</sup>

Bagi seorang Muslim, iman kepada Allah maknanya percaya bahawa Dia adalah Tuhan yang mengatur seluruh yang ada, merangkumi perkara dunia mahupun akhirat. Di mana sebagai makhluk yang diciptakan, mestilah ia tunduk kepada perintah-Nya dan sentiasa berusaha menyesuaikan diri dengan kehendak dan peraturan-peraturan atau syariat yang telah disampaikan dengan perantaraan wahyu yang dibawa oleh para rasul-

---

<sup>156</sup> Kertas kerja HAMKA ini telah dirangkum dalam buku *Studi Islam* yang pertama terbit tahun 1982 dengan tajuk *Hubungan antara Agama dan Negara Menurut Pandangan Islam*. Buku ini mengandungi lima tulisan HAMKA yang pada mulanya disiarkan secara terpisah-pisah yang berasal daripada polemik, ceramah dan artikel dalam majalah panji Masyarakat.

<sup>157</sup> Musa Sharaf dan Idris Zakaria (2010), *Teori Politik Islam HAMKA*, Prosiding Seminar Serantau Seabad Buya HAMKA, c.1. Selangor:Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ), h. 47.

<sup>158</sup> *Ibid.*

<sup>159</sup> *Ibid.*

Nya.<sup>160</sup> Oleh kerana itu, HAMKA menegaskan, bahawa pengertian agama menurut pandangan Islam tidak boleh dipisahkan di antara lima perkara, iaitu:

1. Akidah atau iman.
2. Amal dan kegiatan hidup.
3. Undang-undang (hukum-hakam).
4. Kekuasaan.
5. Kerajaan (pemerintahan).

Berdasarkan pemikiran di atas, HAMKA memberikan sebuah kesimpulan, bahawa Islam tidak dapat menerima teori pengasingan agama dengan negara. Ini adalah kerana negara mengikut pandangan Islam merupakan alat atau jentera untuk melaksanakan hukum kebenaran dan keadilan yang mutlak daripada Allah SWT. Adapun munculnya teori tentang pengasingan antara agama dan negara adalah berasal daripada orang-orang yang pandangan hidupnya memang anti agama, iaitu daripada kaum Marxis pengikut ajaran Karl Marx, pengikut Jane Paul Sarte yang menganut fahaman *Exsistensialisme* dan berasal daripada kebanyakan orang Yahudi yang murtad.<sup>161</sup>

Berbicara mengenai prinsip-prinsip utama hidup bernegara, HAMKA juga menjelaskan, bahawa prinsip keadilan merupakan di antara prinsip utama yang harus ditegakkan. Segala perundangan yang dilaksanakan harus mengikut hukum-hakam yang telah diturunkan oleh Allah SWT. Untuk menguatkan pernyataannya ini, HAMKA mengemukakan dalil-dalil nas *al-Qurān*, iaitu surah *al-Mā'idah* ayat 42, 44, 45, 46, dan 47.

---

<sup>160</sup> *Ibid.*

<sup>161</sup> *Ibid.*

Di akhir tulisan kertas kerjanya, HAMKA menyampaikan harapan dan cita-citanya agar negara Indonesia yang majoriti Muslim ini benar-benar dapat mengisi kehidupan bangsa dan negaranya dengan mengangkat tinggi syariat Islam. Dengan demikian, bukan berarti Indonesia harus menukar dasar negara "Pancasila" menjadi "Negara Islam", tetapi apa yang penting adalah supaya negara ini betul-betul melaksanakan perundangan- sesuai dengan hukum-hakam yang diturunkan Allah SWT.

Politik HAMKA adalah politik yang membela kepentingan Islam, bangsa dan Negara. Pada saat Islam dalam keadaan bahaya, Buya HAMKA berani angkat suara di hadapan masyarakat awam atau penguasa pemerintah, meskipun risiko yang harus ditanggung cukup besar, seperti hukuman penjara yang dialaminya.<sup>162</sup>

Dari huraian di atas menunjukkan, HAMKA memiliki pandangan politik yang jelas, iaitu pandangan politik yang berteraskan kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai syariat Islam. Buya HAMKA mencita-citakan dan memperjuangkan syariat Islam dapat dilaksanakan secara menyeluruh di negara yang penduduknya majoriti Islam, iaitu Indonesia.

#### **2.1.4.3. Aspek Tasawuf**

Konsep pemikiran tasawuf HAMKA boleh diketahui dari beberapa karyanya, seperti tafsir *al-Azhar* dan bukunya *Tasawuf Moden*. Akan tetapi, bukunya yang bertajuk *Tasawuf Moden* merupakan cerminan secara khusus tentang pemikiran tasawuf HAMKA. Contohnya adalah pandangan terhadap harta-benda sebagai salah satu kehidupan duniawi. Baginya, harta benda bukanlah sesuatu yang harus dijauhi, tetapi justeru harus diperolehnya dengan cara yang baik dan dibelanjakannya dengan cara

---

<sup>162</sup> HAMKA (2009), *Dari Hati Ke Hati*, c.1. Shah Alam Selangor Darul Ehsan: Pustaka Dini, , h. 239.

yang baik pula. Orang yang fakir lagi miskin bermaksud hendak mencapai suatu maksud, adalah laksana seorang anggota tentera yang pergi ke medan perang, atau laksana pemburu ke hutan tebal, tetapi kedua-duanya tidak membawa senjata. Tentu sahaja pekerjaan itu terhenti di tengah jalan, walaupun musuh sudah tampak atau binatang buruan itu melintas di mukanya.<sup>163</sup> Berkenaan dengan harta-benda ini, HAMKA menempatkannya pada suatu kedudukan yang penting, sebab dengannya dapat memberikan pertolongan atas takwa kepada Allah SWT., seraya menyebutkan hadis Nabi SAW. Yang maksudnya: "*Yang sebaik-baik pertolongan atas takwa kepada Allah SWT., ialah harta benda.*"<sup>164</sup>

Menurutnya, bahawa dunia itu harus direbut, tetapi bukan untuk kepentingan sendiri, melainkan untuk kepentingan kebenaran Illahi, untuk kepentingan Sabilillah. Oleh sebab itu, maka segala perbuatan dunia yang matlamatnya untuk kepuasan dan kepentingan diri sendiri (egoistis), untuk memadatkan poket sendiri memanglah semua itu laksana kotoran busuk yang dicari anjing.<sup>165</sup>

Buya HAMKA dikenal oleh masyarakat sebagai seorang ulama yang memiliki sikap toleransi yang cukup tinggi, kata-katanya menyejukkan dan menenteramkan jiwa. Bahkan, kalangan non-Muslim pun ramai yang tertarik dengan ceramah yang disampaikan HAMKA. Menurut Drs. H. Husein Umar, sikap teloransi HAMKA itu juga tercermin dalam semua karya sastera dan agamanya. Tidak ada satu pun dari 118 buku yang dihasilkan oleh HAMKA menyentuh secara langsung persoalan *furu'iyah* (cabang-cabang fiqh). Hal ini dilakukan bagi menghindari sebarang perdebatan yang tidak perlu. Sementara itu, Prof. Madya. Azyumardi Azra mengatakan, sikap tersebut

---

<sup>163</sup> HAMKA (2007), *Tasawuf Moden*, c.1. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan: Pustaka Dini, h. 66

<sup>164</sup> *Ibid*, h. 67

<sup>165</sup> HAMKA (2009), *Membahas Kemusykilan Agama*, c.1. Selangor Darul Ehsan: Pustaka Dini, , h.58.

terserlah pada peribadi HAMKA disebabkan kesan dari bacaan-bacaan HAMKA yang luas, terutama buku-buku tasawuf, yang kemudian dihuraikannya dalam buku Tasawuf Moden. Masih dalam pandangannya, HAMKA adalah penganjur neo-sufisme. Dia mengamalkan kehidupan tasawuf, tetapi tidak meninggalkan keduniaan. Beliau adalah seorang ahli fikah sekali gus ahli sufi.<sup>166</sup>

#### **2.1.4.4. Aspek Pendidikan**

Di antara aspek kehidupan manusia yang paling penting adalah kegiatan pembelajaran dan pengajaran, atau dikenali dengan pendidikan (*education*). Bidang ini memiliki peranan yang sangat besar dalam membentuk keperibadian dan kemajuan suatu bangsa. Ia merupakan keperluan yang tidak boleh diremehkan.

Sebagai seorang ulama dan seorang yang pernah aktif di dunia pendidikan, tentunya HAMKA mempunyai pemikiran tentang pendidikan. Pemikiran HAMKA tentang pendidikan boleh ditemui dari buku-buku yang telah ditulisnya. H. Syamsul Nizar mengatakan, karya-karya HAMKA secara khusus telah turut memperkayakan khazanah intelektual bangsa di bidang pendidikan dengan membicarakan komponen-komponen pendidikan Islam, terutama dalam karyanya seperti *Falsafah Hidup*, *Lembaga Hidup*, dan *Lembaga Budi*.<sup>167</sup>

Syamsul Nizar menjelaskan, melalui karya-karya tersebut, HAMKA cuba untuk menetengahkan pemikirannya tentang pendidikan Islam yang meliputi tujuan pendidikan, kewajipan orang tua sebagai pendidik pertama dan utama dalam

---

<sup>166</sup> Anzaruddin Ahmad (2010), *op.cit.* h. 13.

<sup>167</sup> Syamsul Rizal, (2010), *Percik Mutiara Pemikiran HAMKA (1908-1981), Tentang Pendidikan Islam*, Prosiding Seminar Serantau Seabad Buya HAMKA, c.1. Selangor: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) , h. 104.

menanamkan nilai akhlak pada seorang anak, kewajiban guru yang meliputi metode pendidikan yang digunakan dan kriteria guru yang ideal, memberikan peluang kepada anak didik untuk berfikir secara kritis dan merdeka, serta integrasi (memadukan) materi pendidikan. Di samping itu, ia juga memaparkan bentuk dan fungsi hukuman dalam pendidikan, serta bentuk lembaga pendidikan yang ideal bagi terciptanya proses belajar mengajar yang interaktif.<sup>168</sup>

Dari kajian yang telah dilakukan oleh Syamsul Nizar di atas sudah memberikan suatu gambaran, bahawa HAMKA mempunyai konsep pemikiran tentang pendidikan. Mengenai sistem pendidikan, HAMKA pernah mengatakan, "kemajuan suatu bangsa sangat tergantung kepada sistem pendidikan dan pengajaran yang ditawarkannya". Di sini, HAMKA mengambil berat tentang kualiti sistem pendidikan yang memiliki pengaruh dan peranan cukup besar terhadap kemajuan sebuah bangsa. Sistem pendidikan yang baik dan berkualiti akan membawa kemajuan dan kecemerlangan bagi suatu bangsa. Sebaliknya, sistem pendidikan yang rendah dan tidak bermutu akan sangat menghambat suatu bangsa dalam mencapai kemajuan.

Bagaimana dengan kurikulum pendidikan Islam menurut HAMKA? Dari beberapa karyanya, secara eksplisit HAMKA tidak menjelaskan secara terperinci dan konkrit tentang bentuk kurikulum yang ditawarkannya, hanya sahaja secara implisit ia mencuba menawarkan bahawa kurikulum pendidikan –paling tidak- hendaknya mencakup dua aspek, iaitu: Pertama, ilmu-ilmu agama yang meliputi *al-Qur'ān*, *al-Sunnah*, syariah, teologi, metafizika Islam (tasawuf); ilmu-ilmu linguistik seperti bahasa Arab, tata bahasa, lesksikografi dan kesusasteraan. Kedua, ilmu-ilmu rasional,

---

<sup>168</sup> *Ibid.*

intelektual dan falsafah yang meliputi ilmu-ilmu kemanusiaan (sosial), alam, terapan dan teknologi.

Dari pandangannya tersebut dapatlah disimpulkan, bahawa HAMKA memandang penting semua cabang ilmu, sama ada ilmu agama ataupun ilmu-ilmu pengetahuan lain yang bersifat umum. Sedangkan realitinya, sesetengah umat Islam sendiri ada yang masih terkesan sangat eksklusif, dogmatis dan tradisional dalam menjalankan proses pendidikannya. Di mana pendidikan yang ditawarkan hanya berorientasi pada ilmu-ilmu keagamaan sahaja dan menyetepikan ilmu-ilmu umum dengan alasan sebagai warisan "kaum kafir" (penjajah). Sikap seperti ini menurut HAMKA adalah ekspresi dan apresiasi umat yang keliru dalam memahami universalnya ajaran Islam. Sebab, untuk menjadi orang yang mulia dan memiliki darjat yang tinggi, bukan semata-mata harus menjadi seorang ulama (agama). Menjadi seorang pakar yang mengkaji ilmu-ilmu umum pun umat Islam boleh meraih cita-cita tersebut.

Selain sistem pendidikan dan kurikulumnya, HAMKA pun pernah merakamkan pemikirannya tentang metode pendidikan Islam. Ada empat metode pendidikan Islam yang dibahagikan oleh HAMKA, iaitu: metode diskusi, metode darmawisata (study tour), metode eksperimen, dan metode resitasi atau *assignment* (pemberian tugas).

Dari semua huraian di atas dapatlah disimpulkan, bahawa HAMKA mempunyai pemikiran yang berhubung kait dengan pendidikan. Pemikirannya di bidang pendidikan ini boleh diterokai lebih dalam lagi dengan mengkaji karya-karyanya, terutama karyanya yang berjudul, *Falsafah Hidup*, *Lembaga Hidup* dan *Lembaga Budi*, sebagaimana telah dijelaskan di atas. Sehingga dengan demikian dapat diketemukan



tentang pemikiran HAMKA tentang pendidikan ini secara utuh dan boleh dijadikan sebagai rujukan atau acuan oleh lembaga-lembaga pendidikan yang ada saat ini.

## **2.2. TAFSIR AL-AZHĀR**

### **2.2.1. Sejarah Ringkas Penulisan Tafsir *al-Azhār***

Inspirasi utama penulisan tafsir *al-Azhar* terjadi di dua tempat, iaitu di Masjid Agong Al-Azhar, Jakarta dan selama HAMKA berada dalam Penjara. Kedua-dua tempat ini mempunyai nilai yang sangat penting dan berkesan bagi HAMKA dalam melahirkan karya hebatnya, Tafsir *al-Azhar*.

#### **2.2.1.1. Peranan Masjid Al-Azhar**

Sejarah penulisan tafsir *al-Azhar* tidak dapat dipisahkan dengan wujudnya sebuah masjid di Jakarta yang bernama Masjid Kebayoran Baru, atau kemudian dikenal dengan "Masjid Agong Al-Azhar<sup>169</sup>". Beberapa bulan setelah pembinaan masjid *al-Azhar* ini selesai, maka diadakanlah kuliah tafsir *Al-Qur'ān* yang pertama kali oleh Buya HAMKA. Surah yang pertama kali beliau tafsirkan adalah surah *Al-Kahfī* juzuk 15. Kuliah tafsir ini diadakan tiap-tiap selepas solat subuh dengan masanya sekitar 45 minit. Setelah itu, jemaah pun pulang dan pergi ke tempat pekerjaannya masing-masing.

---

<sup>169</sup> Masjid Agung Kebayoran Jakarta lebih dikenal dengan nama "Masjid al-Azhar" atau "Masjid Agung Al-Azhar" yang dibina pada tahun 1959. Nama Al-Azhar ini diberikan oleh Syeikh Mahmūd Syaltūt, Rektor Universiti Al-Azhar, ketika lawatannya ke Indonesia pada bulan Desember 1960. Diharapkan dengan pemberian nama Al-Azhar ini, Masjid Agung Kebayoran Jakarta menjadi pusat ibadah, kajian ilmu dan pusat aktiviti agama Islam sebagaimana Al-Azhar di Khahirah, Mesir. Lihat: HAMKA (1970), *Tafsir Al-Azhar, Juzu 1*, Jakarta: PT. Pembimbing Masa, h. 44.

Pengajian tafsir yang diasuh oleh HAMKA di Masjid Al-Azhar Kebayoran Baru Jakarta ini didengar di mana-mana wilayah seluruh Indonesia. Terutama, setelah majalah "Gema Islam"<sup>170</sup> diterbitkan dan diedarkan ke tengah masyarakat Islam di seluruh Indonesia oleh Masjid Al-Azhar. Sehingga dari masa ke masa ke masa, jemaah pengajian di Masjid Agong itu kian bertambah besar dan ramai. Setiap perbahasan pengajian tafsir ini kemudian berhasil didokumentasikan oleh Majalah Gema Islam. iaitu suatu tindakan yang cerdas dalam mengekalkan hasil-hasil kajian tafsir HAMKA<sup>171</sup>.

Memperhatikan kenyataan di atas, pengkaji melihat bahawa Masjid Al-Azhar memiliki peranan yang sangat penting bagi wujudnya karya Tafsir *al-Azhar*. Masjid Al-Azhar layaknya seperti pelita yang membakar semangat yang kuat pada diri HAMKA untuk melakukan pelbagai aktiviti dakwah Islam, termasuk azamnya bagi memulakan penulisan Tafsir *al-Azhār*.

#### **2.2.1.2. Hikmah Dalam Penjara**

Pada tanggal 12 hari bulan Ramadhan 1383 H., bertepatan dengan tanggal 27 Januari 1964, HAMKA mengisi kuliah mingguan di Masjid Agong Al-Azhar kepada

---

<sup>170</sup> Majalah "Gema Islam" diterbitkan pada bulan Januari 1962 oleh "Perpustakaan Islam" *Al-Azhar* yang sudah berdiri sejak pertengahan tahun 1960. Majalah ini menulis dan memuat pelbagai kegiatan dan kajian Islam yang diadakan di Masjid Al-Azhar tersebut.

<sup>171</sup> Dalam hal ini, bahagian tata usaha majalah Gema Islam, iaitu Hj. Yusuf Ahmad mencadangkan agar kuliah tafsir yang disampaikan oleh HAMKA pada setiap waktu subuh itu dimuat dalam majalah Gema Islam. HAMKA pun bersetuju, dan beliau pun terus sahaja memberikan nama tafsirnya itu dengan Tafsir *Al-Azhar*. Tidak lain, alasannya adalah kerana tafsirnya itu muncul di dalam Masjid Agong Al-Azhar, yang namanya diberikan oleh Syeikh Mahmūd Syalṭūt, sekaligus sebagai tanda penghargaan dan rasa terima kasihnya kepada pihak Universiti Al-Azhar, Khahirah Mesir yang telah memberikan gelar kehormatan kepada HAMKA. Sebetulnya, sejak tahun 1958, HAMKA sudah berusaha untuk menghuraikan kajian tafsirnya ini pada setiap waktu subuh, tetapi sampai bulan Januari 1964, HAMKA belum sempat menyelesaikan pengajian tafsirnya tersebut. Tetapi, hasil kuliah tafsir HAMKA yang diadakan di Masjid Al-Azhar itu telah cukup banyak. Lebih dari itu, isi daripada hasil kajian tafsirnya pun cukup berkualiti, bermutu, bermanfaat dan sesuai dengan isu semasa. Lihat: HAMKA (1970), *Ibid.*, h. 44.

kaum ibu yang jumlahnya sekitar 100 orang, yang majoritinya adalah kaum terpelajar. Waktu itu, beliau membawakan tafsiran berkaitan dengan surah *Al-Baqarah* ayat 255, atau ayat *al-Kursi* yang sudah dihafal oleh ramai orang. Pukul 11.00 pagi selesailah pengajian itu, HAMKA pun langsung pulang ke rumahnya untuk berehat. Kira-kira setengah jam sahaja beliau berehat, tiba-tiba datanglah empat orang polis untuk menangkapnya, lalu beliau pun dimasukkan ke dalam penjara kerana tuduhan yang sangat tidak berasas<sup>172</sup>.

Nasib hidup di penjara yang dialami HAMKA pernah dialami pula oleh tokoh-tokoh ulama Islam terdahulu, seperti Ibn Taimiyah, Ibn Qayyim dan lain-lain. Sehingga ketika HAMKA dipenjarakan oleh kerajaan Indonesia, hati beliau tetap tegar, kerana di samping keyakinannya kepada Allah SWT. Yang Maha Adil dan Bijaksana, beliau juga sudah menghayati dan mempelajari pengalaman hidup yang di derita oleh kedua tokoh ulama Islam yang tersohor tersebut<sup>173</sup>.

Meski pun berada dalam penjara, HAMKA tidak berkecil hati atau patah semangat. Kewajiban menunaikan ibadah tetap dilaksanakan, demikian pula kegiatan untuk membaca dan menulis tidak ditinggalkan. Di dalam penjara, HAMKA memiliki banyak kesempatan untuk melakukan solat malam (tahajud), membaca *al-Qur'ān* sampai khatam lebih dari seratus kali, dan bermunajat hampir setiap malam. Selain itu, beliau juga boleh menikmati bacaan buku-buku penting, seperti: Ilmu Tasawuf, tauhid, filsafat agama, *hadīth-hadīth* Rasulullah, sejarah pejuang-pejuang Islam dan kehidupan ahli-ahli tasawuf serta perjalanan hidup para ulama dan lain sebagainya. Buku-buku

---

<sup>172</sup> HAMKA (1970), *Tafsir Al-Azhar, Juzu 1*, Jakarta, PT. Pembimbing Masa, h. 45

<sup>173</sup> Di dalam kata pendahuluan kitab tafsirnya, HAMKA menukilkan nasihat Ibn Taimiyah kepada muridnya, Ibn Qayyim Al-Jauziyyah, yang sama-sama pernah dipenjarakan. Seraya berkata: "Apakah lagi yang menjadi dengki musuh-musuh terhadap aku? Penjara itu bagi ku adalah untuk berkhawatir, dan pembuangan itu adalah untuk menambah pengalaman! Orang yang di penjara ialah orang yang dipenjarakan oleh hawa-nafsunya dan orang yang terbelenggu itulah orang yang telah dibelenggu oleh Syaithan." Lihat: HAMKA (1970), *Ibid.*, h. 51.

tersebut dapat dibaca dengan baik oleh HAMKA, dihayati sehingga masuk ke dalam jiwanya<sup>174</sup>. Hal yang paling berkesan adalah HAMKA telah berjaya melanjutkan penulisan tafsir *al-Qur'ānnya*, yang telah dimulakannya di Masjid Agong Al-Azhar.

Kegiatan menyusun tafsir *al-Azhar*. banyak dilakukan pada waktu pagi, kerana pada waktu petang digunakannya untuk membaca dan menelaah buku-buku. Sementara di antara waktu Maghrib dan Isyak, beliau lebih banyak melakukan tilawah *al-Qurān*. Sedangkan tengah malamnya, masa beliau dimanfaatkan untuk melakukan solat malam tahajud dan bermunajat kepada Allah SWT.<sup>175</sup> Itulah kegiatan harian HAMKA selama dua tahun empat bulan berada di dalam penjara.

Setelah sekian lama berada dalam penjara, HAMKA akhirnya dibebaskan oleh pemerintahan orde baru, dan beliau pun dinyatakan tidak bersalah oleh pihak Kejaksaan Mahkamah Agung dan Angkatan Kepolisian Indonesia. Bagi HAMKA, berita pembebasan dirinya dari penjara adalah kenikmatan yang tidak terhingga yang diberikan oleh Allah SWT. kepadanya. Oleh itu, sebagai tanda syukur atas nikmat ini, HAMKA terus melakukan sujud syukur dan memohon ampun kepada Allah SWT. Dari ungkapan rasa syukurnya, beliau sempat mengungkapkan satu perumpamaan yang cukup indah. "Wahai Tuhan ku, ampuni aku atas kelemahan ku. Laksana lautan nikmat yang Engkau timpakan kepada diri ku, sedang persediaan diri ini amat kecil untuk menampungnya."<sup>176</sup>

---

<sup>174</sup> HAMKA (1970), *op.cit.* h. 52.

<sup>175</sup> *Ibid.*

<sup>176</sup> *Ibid.* h. 53

### **2.2.2. Faktor Pendorong Penulisan Tafsir**

Dalam kata pendahulunya, HAMKA menjelaskan tentang dua faktor penting yang mendorong dirinya untuk melanjutkan penulisan tafsir *al-Qur'ān*, yaitu tafsir *al-Azhar*. Kedua-dua faktor ini tidak ada hubungannya dengan suatu kepentingan bagi membela mazhab atau aliran tertentu, sebagaimana dilakukan oleh beberapa pentafsir *al-Qur'ān* yang lain. Tetapi, penulisan Tafsir *al-Azhar*. ini didorong oleh keperluan masyarakat Islam, khususnya di Indonesia kepada tafsir *Al-Qur'ān*. Mengenai hal ini, pengkaji melihatnya sebagai sesuatu yang memang rasional, kerana HAMKA memiliki kemampuan untuk melakukan analisis tersebut sehingga boleh mengetahui apa yang sedang diperlukan oleh masyarakat Muslim pada saat itu. Di samping itu, HAMKA juga adalah seorang tokoh ulama yang sudah banyak terlibat dan bahkan aktif di pelbagai organisasi kemasyarakatan.

#### **2.2.2.1. Bangkitnya minat angkatan muda untuk mengetahui isi kandungan *Al-Qur'ān*.**

Bangkitnya minat angkatan muda, sama ada di tanah air Indonesia atau di negeri-negeri yang berbahasa Melayu terhadap isi kandungan *al-Qur'ān* adalah sangat tinggi. Sementara pengetahuan dan kemahiran mereka terhadap bahasa Arab sangat rendah. Bahkan tidak sedikit di antara mereka yang sama sekali tidak mengerti dengan bahasa *al-Qur'ān* itu. Dalam kondisi seperti itu, sebagai juru dakwah, HAMKA merasa prihatin dan bertanggungjawab untuk mengatasi masalah tersebut. Oleh itu, beliau memandang perlu untuk meneruskan penulisan Tafsir *al-Qur'ān*, sehingga boleh

memenuhi keperluan yang sedang dihadapi oleh masyarakat Islam Melayu, khususnya kalangan anak muda belia.

#### **2.2.2.2. Minat Para Penjuru Dakwah Islam**

Keinginan untuk mengetahui makna dan kandungan ayat *al-Qur'ān* tidak hanya muncul dari angkatan muda sahaja, tetapi juga dari kalangan penjuru dakwah Islam. Kadang-kadang, di antara para pendakwah itu ramai yang memiliki kemahiran bahasa Arab, tetapi dalam bidang ilmu pengetahuannya kurang luas. Sehingga dalam menyampaikan dakwah Islamnya mengalami kendala, kerana kurang percaya kepada sendiri. Apatah lagi, keadaan zaman pun sudah mengalami perubahan, di mana suatu bangsa sudah mencapai suatu kemajuan.

Oleh sebab itu, HAMKA berusaha untuk menghadirkan sebuah kitab tafsir *al-Qur'ān* yang selari dengan keadaan semasa<sup>177</sup>. Sebuah tafsir yang dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat, tua dan muda, laki-laki dan kaum wanita.

#### **2.2.3. Kesimpulan: Penilaian terhadap HAMKA dan kitab tafsir *al-Azhar***

Berdasarkan riwayat hidup HAMKA seperti yang telah dibincangkan di atas didapati, bahawa HAMKA adalah seorang ulama, pemikir, juru dakwah, pensyarah, pejuang, pemimpin dan penulis yang produktif. Oleh itu, tidaklah hairan sekiranya

---

<sup>177</sup> Mengenai isi kandungan Tafsir *Al-Azhar* dan fakta-faktanya, Penulis menjumpai sebuah buku di Perpustakaan Kuala Lumpur Cawangan Taman Tun. Tajuk bukunya adalah "Fakta-fakta Tafsir *Al-Azhar*, Juzuk 1-30" yang ditulis oleh Hj. Mohd Zaid Kadri. Buku ini adalah sejenis buku indeks yang menghimpun tajuk-tajuk penting atau fakta-fakta penting yang terkandung dalam tafsir *Al-Azhar*, karya HAMKA. Kitab ini disusun mengikut urutan abjad dari A hingga Z. Ia sangat berguna bagi membantu pembaca dalam mencari tajuk-tajuk atau informasi-informasi penting dari Tafsir *Al-Azhar*. Buku ini dicetak pada tahun 1997 oleh Jiwa Bakat Sdn. Bhd. dan diterbitkan oleh Badan Cemerlang Sdn.Bhd.

HAMKA memperoleh banyak sanjungan dan pujian daripada lapisan masyarakat, sama ada di Indonesia atau pun di dunia Melayu.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia, Datuk A Aziz Deraman menyatakan HAMKA mempunyai lapan keistimewaan yang jarang terdapat pada ulama lain. Baginya, lapan keistimewaan yang ada pada HAMKA adalah bahawa ia sebagai seorang ulama, pujangga, ahli falsafah, ahli sejarah, sasterawan, budayawan, ahli politik dan penulis yang prolifik yang hanya mendapat pendidikan formal setakat sekolah rendah darjah dua.<sup>178</sup>

Pandangannya terhadap kitab tafsir *al-Azhar*, Datuk A Aziz Deraman membahagikannya kepada dua tafsir besar, iaitu Tafsir HAMKA yang menggunakan pendekatan budaya sendiri sehingga mudah difahami apabila menjelaskan makna ayat *al-Qur'ān*. Sementara keduanya adalah tafsir *al-Azhar* yang ditulis dalam penjara iaitu mentafsir kesemua 30 juzuk *al-Qur'ān* diadun dengan pengalaman sosial-politiknya pada abad ke-20.<sup>179</sup>

Dr. Wan Sabri Wan Yusoff, seorang pensyarah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mengatakan: "HAKMA adalah seorang tokoh yang terhasil dari sejarah yang melatari zamannya. Beliau seorang yang nekad dan teguh pendirian dalam melakukan pentafsiran *al-Qur'ān* walaupun terpaksa menghadapi kecaman dan kritikan. Pentafsiran *al-Qur'ān* sering diwarnai kecenderungan pentafsir dan ia adalah legitimasi teks tual bagi pendapatnya."<sup>180</sup>

---

<sup>178</sup> Berita Harian, Selasa, 22 Mei 2001

<sup>179</sup> *Ibid*

<sup>180</sup> *Ibid.*

Berkenaan dengan karya tafsir HAMKA, *al-Azhar*, Dr. Wan Sabri juga pernah memberi pandangan, bahawa karya agung HAMKA adalah satu wahana pembaharuan Islam di Indonesia. Karya beliau ini boleh dikategorikan sebagai genre tafsir moden yang cuba mengutarakan permasalahan sosial dan keagamaan setempat. Namun tafsir ini sungguh istimewa dalam konteks alam Melayu kerana ia menggunakan contoh-contoh dan isu tempatan bagi penjelasan ayat *al-Qur'ān*. Dengan demikian, tafsir ini mencerminkan secara langsung keadaan sosial, kehidupan politik dan aliran pemikiran semasa pada waktu berkenaan. Menurutnya, sekurang-kurangnya ada dua aliran semasa yang berkemungkinan saling berkait antara satu dengan yang lain, iaitu pergerakan pembaharuan dan perjuangan kemerdekaan Indonesia daripada belenggu penjajah.<sup>181</sup>

Dalam kajiannya, Prof. Madya Dr. Siddiq Fadhil dari Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati HAMKA sebagai sosok yang mencintai seluruh bumi Melayu tanpa membezakan antara yang bernama Indonesia atau Melayu. Sesuatu yang membanggakan, jiwa raga beliau lebih dekat kepada Melayu daripada Indonesia sendiri. Ini kerana latar belakang dirinya yang berasal daripada orang Minang yang menganggap Melayu adalah juga sebahagian dari negara mereka khususnya Negeri Sembilan.<sup>182</sup>

Tidak kurang menarik, Dr. Mustafa Daud memberikan pandangan terhadap HAMKA, terutama berkenaan dengan pemikiran kesusasteraan dalam karya kreatif HAMKA yang membahagikan topik kepada sembilan bahagian, iaitu risalah dakwah, plot, istilah *al-Qur'ān*, susunan ayat, galakan berfikir, keindahan alam, keindahan ibadat, luahan perasaan dan juga perlambangan. Kesemuanya mempunyai kekuatan

---

<sup>181</sup> *Ibid.*

<sup>182</sup> *Ibid.*



tersendiri dalam usaha HAMKA menyampaikan risalah dakwah Islam yang dibahagikannya pula kepada tiga perkara utama. Iaitu akidah, syarak dan akhlak.<sup>183</sup>

Sementara dalam novelnya, HAMKA mengutamakan gaya plot imbas kembali terutama novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Kerana Fitnah*. Di antara kekuatan karya kesusasteraan HAMKA pada segi estetika menurut kajian Dr. Mustafa adalah keberkesanan luahan perasaan sama ada kegembiraan atau kesedihan. Masih dalam pandangannya, tulisan HAMKA begitu berkesan dalam pelukisan kegembiraan atau kesedihan. Bagaimana pun HAMKA lebih berjaya dalam menggambarkan kesedihan yang menimbulkan rasa simpati dan keharuan. Sebab itulah novel HAMKA lebih dikenal dengan novel air mata."<sup>184</sup>

HAMKA pula dikenali sebagai peribadi yang berani, tegas dan kuat dalam memegang prinsip akidahnya. Drs. H. Husein Umar memberikan satu pandangan terhadap HAMKA, menurutnya: "Jika melibatkan persoalan akidah, HAMKA tidak pernah mahu berkompromi. Dia sangat tegas dan konsisten. Ketika orang lain ragu-ragu untuk menentukan sikap, dengan cepat HAMKA dapat menentukan sikap tegasnya. Malah dia juga sentiasa bersedia untuk menghadapi segala risikonya."<sup>185</sup>

Demikianlah di antara beberapa pandangan dan sanjungan dari para ulama, tokoh, sarjana dan akademis terhadap HAMKA dan karyanya. Tentu masih ramai lagi pandangan tokoh-tokoh lain yang tidak dapat pengkaji utarakan semuanya dalam kajian ini. Tidak sangkal, HAMKA dan karyanya pula tidak luput dari kritikan yang

---

<sup>183</sup> *Ibid.*

<sup>184</sup> *Ibid.*

<sup>185</sup> Anzaruddin Ahmad (2010), *op.cit.*, c.1, h. 13.

dilontarkan oleh orang-orang yang sememangnya tidak sependapat dengan HAMKA<sup>186</sup>. Hal ini adalah suatu hal yang wajar, sebab manusia pada hakikatnya tidak ada yang sempurna. Apalagi, HAMKA sendiri hidup di sebuah masyarakat atau negara yang berbilang kaum yang tentunya sarat dengan segala kepentingan. Namun pada umumnya, pandangan atau penilaian masyarakat terhadap HAMKA dan karyanya adalah baik dan positif. Ramai orang yang merasa bangga dan kagum dengan keperibadian HAMKA dan karya-karyanya.

---

<sup>186</sup> Prof. Andries Teeuw pernah mengkritik HAMKA, dengan mengatakan, bahawa HAMKA tidak dapat dianggap sebagai pengarang besar, walau dengan ukuran sesuatu apapun; dari segi psikologi, roman-romannya lemah, terlalu bersifat moralis dan plotnya sering bersifat sentimental, jika tidak dikatakan melodrama. Lihat: Sides Sudyarto DS ( t.t ), HAMKA, Realisme Religi, Penyunting: Nasir Tamara, Buntaran Sanusi, Vincent Djauhari, HAMKA di Mata Hati Umat, Penerbit Sinar Harapan, Jakarta, h. 137. Bahkan HAMKA pernah dituduh oleh Abdoellah Said Patmadji yang mengatakan, bahawa HAMKA telah melakukan plagiat dari saduran Mustafa Lutfi al-Manfaluti ke dalam bahasa Arab yang disebutnya *Alphonse Care*, iaitu dari romannya yang berjudul *Magdalaine*. Lihat: S.I. Poeradisastera (t.t) , *Dalam Karya Sastera pun Berdakwah dan Berkhutbah*, (Penyunting: Nasir Tamara, Buntaran Sanusi, Vincent Djauhari, *HAMKA di Mata Hati Umat*), Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, h. 134.

## BAB III

### PENGENALAN SURAH-SURAH JUZUK 27 DAN GAYA BAHASA HAMKA DALAM HURAIAN TAFSIRNYA

#### 3.1. PENGENALAN SURAH-SURAH JUZUK 27

Surah-surah yang terdapat dalam juzuk ke-27 terdiri dari 7 surah, iaitu:

1. Surah *al-Dhāriyāt*
2. Surah *al-Ṭūr*
3. Surah *al-Najm*
4. Surah *al-Qamar*
5. Surah *al-Wāqī‘ah*
6. Surah *al-Raḥmān*
7. Surah *al-Ḥadīd*

Sebahagian besar surah-surah yang terdapat dalam juzuk 27 di atas tergolong surah *al-Makiyyah*, iaitu surah-surah yang diturunkan di Makkah, kecuali surah *al-Raḥmān* dan surah *al-Ḥadīd*, kedua-duanya tergolong surah *al-Madaniyyah*, kerana diturunkan di Madinah. Namun, berkaitan dengan surah *al-Raḥmān*, ada pendapat yang mengatakan, bahawa ia diturunkan di Makkah dan ada pula yang berpendapat ia diturunkan di Madinah. Dalam bahagian ini, secara singkat penulis akan menjelaskan perkara-perkara penting yang berkenaan dengan surah-surah tersebut secara satu persatu, maksud atau erti nama surahnya, sebab penamaannya dan bilangan ayatnya.

Di samping itu, pengkaji akan membincangkan pula mengenai bentuk huraian tafsir *al-Azhar* terhadap surah-surah di atas. Sehingga dengan demikian surah-surah

tersebut boleh dikenal dengan lebih baik lagi, khususnya bagi penulis. Kedua, dengan mengemukakan perbahasan ini kita juga dapat mengetahui bagaimana bentuk huraian tafsir Prof. HAMKA terhadap ayat-ayat dari ketujuh surah tersebut.

### 3.1.1. Surah *al-Dhāriyāt*:

#### 3.1.1.1. Penamaan surah, turunnya, urutannya, dan bilangan ayat:

Lafaz *al-Dhāriyāt* (الذاريات) adalah bentuk *jama'*. Bentuk *mufradnya* ialah *dhāriyah* (ذارية), ertinya adalah angin, iaitu angin yang menghembuskan debu.<sup>187</sup> Dalam tafsir Pimpinan al-Raḥmān Kepada Pengertian *al-Qur'ān*, *al-Dhāriyāt* ialah angin yang bergerak dan menaburkan.<sup>188</sup> Sementara HAMKA sendiri mengertikan: angin yang berhembus. Surah ini dinamakan *al-Dhāriyāt* kerana di permulaan surah ini Allah SWT. memulakannya dengan sumpah kepada *al-Dhāriyāt* (angin-angin yang berhembus).

Sebagaimana disebutkan oleh para ulama tafsir, bahawa ketika Allah SWT. bersumpah kepada suatu benda ciptaan-Nya, maka hal itu membuktikan bahawa benda tersebut memiliki keistimewaan atau kelebihan yang luar biasa. Hal ini harus dijadikan renungan atau perhatian umat manusia sebagai makhluk-Nya yang paling mulia, sehingga ia betul-betul mengakui akan kebesaran dan kekuasaan Tuhannya, Allah SWT.<sup>189</sup>

---

<sup>187</sup> Aḥmad al-Āyid *et al* (t.t), *op.cit.*, h. 481.

<sup>188</sup> Syeikh Abdullah Basmeih (1972), *Mushaf Malaysia Rasm Uthmānī; Tafsir Pimpinan al-Raḥmān Kepada Pengertian Al-Qur'ān*, Kuala Lumpur: Darul Fikr, h. 1401.

<sup>189</sup> Al-Sha'bi mengatakan, bagi kita sebagai manusia tidak dibenarkan untuk bersumpah kepada makhluk ciptaan Allah yang lain. Manusia dibenarkan hanya bersumpah atas nama Allah sahaja dengan sentiasa memuliakan-Nya. Kerana sumpah bagi kita adalah kata-kata kemuliaan tertinggi. Maka tidak ada sesuatu yang lebih tinggi dan mulia daripada nama Allah. Sedangkan bagi Allah sendiri, kalau ada makhluk-Nya yang diambil jadi sumpah, tidak lain maksudnya adalah untuk menarik perhatian kita, supaya makhluk atau benda yang diambil Tuhan sebagai sumpah itu kita perhatikan, sebab dengan memperhatikannya kita akan bertambah insaf akan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. untuk berbuat apa sahaja yang Dia

Surah *al-Dhāriyāt* diturunkan di Makkah.<sup>190</sup> Dalam mushaf *al-Qur'ān*, surah *al-Dhāriyāt* ini termasuk urutan yang ke-51, selepas surah *al-Qāf*. Adapun bilangan ayatnya terdiri-dari 60 ayat.

### 3.1.1.2. Bentuk huraian Tafsir HAMKA:

Huraian tafsir HAMKA pada ayat-ayat yang terkandung dalam surah *al-Dhāriyāt* ini dibahagi kepada lapan (8) bahagian. Pada setiap bahagiannya, pentafsir terkadang memberikan tajuk-tajuk tertentu sesuai dengan maksud dan bunyi ayatnya. Di bawah ini penulis akan menyenaraikannya sebagaimana berikut:

1. Bahagian pertama dari ayat 1-11
2. Bahagian kedua dari 12-19 (Balasan di hari pembalasan)
3. Bahagian ketiga dari ayat 20-23 (Renungan untuk mencari keyakinan)
4. Bahagian keempat dari ayat 24-30 (Tentang Nabi Ibrāhīm)
5. Bahagian kelima dari ayat 31-37
6. Bahagian keenam dari ayat 38-46 (Tentang Nabi Mūsā a.s.)
7. Bahagian ketujuh dari ayat 47-55 (Tentang bumi dan langit)
8. Bahagian kelapan dari ayat 56-60 (Tentang manusia dan jin)

Pada bahagian pertama dan bahagian kelima, HAMKA tidak memberikan tajuk tertentu sebagaimana pada bahagian-bahagian yang lainnya.

### 3.1.2. Surah *al-Ṭūr*:

#### 3.1.2.1. Penamaan surah, turunnya, urutan dan bilangan ayat:

---

kehendaki daripada MakhluKNya ini. Lihat: Prof. Dr. HAMKA (2007), *Tafsir al-Azhar*, c. 7. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, h. 6974.

<sup>190</sup> Ibn al-Ḍurais, al-Nuḥās, Ibn Murdawaih, dan Bayhaqī meriwayatkan dalam *al-Dalā'il* dari Ibn 'Abbās, bahawa surah *al-Dhāriyāt* diturunkan di Makkah. Demikian juga riwayat Murdawaih dari Ibn al-Zubayr. Lihat: Al-Shawkānī (1995), *Fath al-Qadīr*, c.1. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 101.

Surah ini bernama *al-Ṭūr*, ertinya: sebuah nama bukit atau gunung di mana Allah SWT. berfirman atau bercakap secara langsung kepada Nabi Mūsā a.s.<sup>191</sup> Demikian pula yang telah dikatakan oleh al-Jawhari, Mujāhid dan Al-Suddī. Bahkan Mujāhid dan Al-Suddī cuba memperincikan lagi, bahawa yang dimaksudkan dengan gunung *al-Ṭūr* itu adalah gunung Tūr Sinā.<sup>192</sup> Ia diambil daripada peringatan Allah SWT yang berupa sumpah yang terletak di ayat 1 sampai 49 daripada surah tersebut. Surah *al-Ṭūr* adalah surah yang ke-52, sedangkan bilangan ayatnya terdiri dari 49 ayat.

#### 3.1.2.2. Bentuk Huraian Tafsir:

Dalam surah ini, pentafsir membahagikan huraian tafsir ayatnya kepada 5 bahagian, iaitu:

1. Bahagian pertama, dari ayat 1-14
2. Bahagian kedua, dari ayat 15-20
3. Bahagian ketiga, dari ayat 21-28 (Apa yang diamalkan itulah yang diperoleh)
4. Bahagian keempat, dari 29-38 (Mari cuba terangkan)
5. Bahagian kelima, dari ayat 39-49 (Mari teruskan penerangan)

#### 3.1.3. Surah *al-Najm*:

##### 3.1.3.1. Penamaan surah, turunnya, urutannya dan bilangan ayatnya:

Erti *al-Najm*, ertinya adalah bintang, bentuk jama'nya adalah *Nujūm* (نجوم), iaitu salah satu benda langit yang memancarkan cahayanya sendiri.<sup>193</sup> Kata *Najm* (نجم) diulang dalam *al-Qurān* sebanyak empat kali, iaitu dalam surah *al-Naḥl* (16) ayat 16,

<sup>191</sup> Abū 'Abdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī Al-Qurṭūbī (1993), *Jāmi' al-Aḥkām al-Qur'ān*, j. 9. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 40.

<sup>192</sup> Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad Al-Shawkānī (1995), *Fath al-Qadīr*, c.1. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 116.

<sup>193</sup> Aḥmad al-'Āyid *et al* (t.t), *op.cit.*, h. 1176.

*al-Najm* (53) ayat 1; *al-Rahmān* (55) ayat 6; *al-Ṭāriq* (86) ayat 3.<sup>194</sup> Manakala kata *Nujūm* (نجوم) diulang sebanyak sembilan kali.<sup>195</sup>

Dalam kitab *al-Tafsīr al-Kabīr* atau *Mafātīḥ al-Ghayb*, Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī menyebutkan tiga pengertian tentang makna atau maksud *al-Najm*, iaitu: Pertama: bintang langit yang berfungsi untuk menentukan arah. Dikatakan pula bintang-bintang untuk melempar Syaitan. Kedua: Planet bumi, iaitu di antara tumbuh-tumbuhan. Ketiga: Bintang-bintang *al-Qur'ān*.

Namun, dari ketiga-tiga aspek pengertian di atas Imām al-Rāzī memilih makna yang pertama, iaitu bintang-bintang yang ada di langit (*al-Tharāya*) dengan alasan, bahawa makna yang pertama lebih jelas.<sup>196</sup> Menurut pendapat jumbuh, semua ayat ini diturunkan di Makkah, tetapi menurut sebuah riwayat yang datang dari Ibn ‘Abbās dan Ikrimah, bahawa ia surah Makiyyah kecuali ayat 32 ia diturunkan di Madinah, iaitu ayat yang berbunyi:

الَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ (النجم: 32)

*Maksudnya: (Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan).*

(Q.S. al-Najm [53] : 32).

Dalam surah *al-Najm*, Allah SWT. memulakan firmanNya dengan bersumpah kepada salah satu benda langit ciptaanNya, iaitu *al-Najm* (bintang). Oleh itu, surah ini diberi nama *al-Najm*. Surah *al-Najm* adalah surah yang berada dalam urutan ke 53 setelah surah *al-Ṭūr*, ia terdiri dari 62 ayat.

<sup>194</sup> Zulkifly Mohd Yusoff (2009), *Kamus Qur'ān: Panduan Mudah Mencari Ayat dan Kata dalam al-Qur'ān*, Kuala Lumpur: PTS Islamika, h. 727.

<sup>195</sup> Pengulangan lafaz *al-Nujūm* ini terdapat dalam surah *al-An'ām* (6) ayat 97; *al-'Arāf* (7) ayat 54; *al-Nahl* (16) ayat 12; *al-Hajj* (22) ayat 18; *al-Ṭūr* (52) ayat 49; *al-Wāqī'ah* (56) ayat 75; *al-Mursalāt* (77) ayat 8; dan surah *al-Takwīr* (81) ayat 2. Lihat: Zulkifly Mohd Yusoff (2009), *Kamus Qur'ān: Panduan Mudah Mencari Ayat dan Kata dalam Qur'ān*, Kuala Lumpur: PTS Islamika, h. 727.

<sup>196</sup> Imām Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusain bin al-Ḥasan Ibn ‘Alī al-Ṭāmimī al-Bakrī al-Rāzī al-Shāfi‘ī (1990), *Tafsīr al-Kabīr aw Mafātīḥ al-Ghayb*, c.1. Beirut: *Dār al-Kutub al-'Ilm'iyah*, h. 241.

### 3.1.3.2. Bentuk huraian tafsir:

Dalam surah *al-Najm* ini, Prof. Madya. HAMKA menghuraikan isi kandungan tafsirannya kepada tujuh bahagian, iaitu:

1. Bahagian pertama, ayat 1-10 (Tutur Nabi ialah wahyu)
2. Bahagian kedua, ayat 11-18 (Di Sidrah al-Muntahā)
3. Bahagian ketiga, ayat 19-26
4. Bahagian keempat, ayat 27-32 (Dakwaan kamu hanya sangkaan)
5. Bahagian kelima, ayat 33-42 (Orang yang mementingkan diri sendiri)
6. Bahagian keenam, ayat 43-55 (Kekuasaan Allah Maha Luas)
7. Bahagian ketujuh, ayat 56-62 (Peringatan)

### 3.1.4. Surah *al-Qamar*:

#### 3.1.4.1. Penamaan surah, turunnya, urutannya dan bilangan ayatnya:

Kata *Al-Qamar* adalah *ism masdar mufrad* dari asal kata *Qamira* (قَمِير), bentuk jama'nya ialah *Aqmār* (أَقْمَار), ertinya planet yang bergerak yang mengambil cahayanya dari matahari, mengelilingi bumi dan mengeluarkan cahayanya pada waktu malam, atau disebut juga planet bulan.<sup>197</sup> Lafaz *Qamar* ini disebut sebanyak 26 kali dalam *al-Qurān*<sup>198</sup>.

<sup>197</sup> Aḥmad al-Āyid *et al* (t.t), *op.cit.*, h. 1007.

<sup>198</sup> Pengulangan lafaz ini terdapat dalam surah *al-An'ām* (6) ayat 77, 96; *al-A'rāf* (7) ayat 54; *Yūnus* (10) ayat 4; *al-Ra'd* (13) ayat 2; *Ibrāhīm* (14) ayat 33; *al-Naḥl* (16) ayat 12; *al-Anbiyā* (21) ayat 33; *al-Ḥajj* (22) ayat 18; *al-Ankabūt* (29) ayat 61; *Luqmān* (31) ayat 29; *Fātir* (35) ayat 13; *Yāsīn* (36) ayat 39,40; *al-Zumar* (39) ayat 5; *Fuṣṣilat* (41) ayat 37, 37; *al-Qamar* (54) ayat 1; *al-Raḥmān* (55) ayat 5; *Nūḥ* (71) ayat 16; *al-Muddathir* (74) ayat 32; *al-Qiyāmah* (75) ayat 8, 9; *al-Inshiqāq* (84) ayat 18; *al-Shamsh* (91) ayat 2 dan surah *al-Furqān* (25) ayat 61. Lihat: Zulkifly Mohd Yusoff (2009), *Kamus al-Qur'ān: Panduan Mudah Mencari Ayat dan Kata dalam al-Qurān*, Kuala Lumpur, PTS Islamika, h. 564.



Dinamakan dengan *al-Qamar* kerana di dalam surah ini dijumpai ayat yang menyebutkan kata *al-Qamar* atau bulan, iaitu pada ayat yang pertama daripada surah tersebut. Dalam ayat ini, Allah SWT. menerangkan, bahawa di antara tanda-tanda dekatnya hari kiamat adalah bulan telah mulai pecah. Surah *al-Qamar* berada dalam urutan surah yang ke-54. Bilangan ayatnya terdiri dari 55 ayat.

#### 3.1.4.2. Bentuk huraian tafsir:

Dalam surah ini, Prof. Madya. HAMKA membahagikan huraian isi kandungan tafsirannya kepada enam (6) bahagian, sebagaimana berikut:

1. Bahagian pertama, ayat 1-5 (Bulan terbelah)
2. Bahagian kedua, ayat 6-17 (Kaum Nūḥ pernah mendustakan)
3. Bahagian ketiga, ayat 18-32 (Kaum ‘Ad juga pernah mendustakan)
4. Bahagian keempat, ayat 33-40 (Kaum Lūṭ sama mendustakan)
5. Bahagian kelima, ayat 41-46 (Kaum Fir‘aun turut mendustakan)
6. Bahagian keenam, ayat 47-55

#### 3.1.5. Surah *Al-Raḥmān*:

##### 3.1.5.1. Nama, urutan surah dan bilangan ayat:

*Al-Raḥmān* adalah di antara nama-nama Allah SWT. yang berjumlah 99 nama, atau lebih dikenal dengan *Asmā al-Ḥusnā* (nama-nama yang baik). *Al-Raḥmān* ertinya: Yang Maha Pemurah. Dalam ayat pertama daripada surah ini, Allah SWT. memulakan firman-Nya dengan menyebut nama-Nya sendiri, iaitu *al-Raḥmān*, Zat Yang Maha

Pemurah. Di antara keunikan dan keistimewaan surah ini adalah adanya susunan kata ayat yang diulang-ulang sebanyak 31 kali, iaitu ayat yang berbunyi:

فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ تَكْذِبَانَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (Wahai umat manusia dan jin)?*<sup>199</sup>

(Q.S. *al-Rahmān* [55]:13)

Surah *al-Rahmān* berada dalam urutan surah yang ke 55. Bilangan ayat surah ini terdiri-dari 78 ayat.

#### 3.1.5.2. Bentuk huraian tafsir:

Bentuk huraian tafsir HAMKA dalam surah ini terdiri-dari enam bahagian, iaitu:

1. Bahagian pertama, mulai dari ayat 1-13
2. Bahagian kedua, dari ayat 14-28 (Ciptaan manusia, ciptaan Jin)
3. Bahagian ketiga, ayat 29-40 (Jika sanggup melintasi penjuru langit)
4. Bahagian keempat, ayat 41-55
5. Bahagian keenam, ayat 56-67 (Bidadari Syurga)
6. Bahagian ketujuh, ayat 68-78

#### 3.1.6. Surah *Al-Wāqi'ah*:

##### 3.1.6.1. Nama, urutan surah dan bilangan ayat:

Surah ini bernama *al-Wāqi'ah*, yang ertinya adalah suatu peristiwa yang terjadi. Ia adalah di antara nama-nama lain daripada Hari Kiamat, sebagaimana juga kata *al-*

---

<sup>199</sup> Q.S. *al-Rahmān* ayat 13.

*Hāqqah* (Yang Benar), *al-Qāri'ah* (Yang Menakutkan), *al-Gāshiyah* (Yang Menggetarkan), *al-Naba'u al-'Azīm*, dan lain-lain. Sebab hari kiamat adalah suatu peristiwa yang besar, yang dahsyat dan juga mengerikan.

Dalam surah ini, Allah SWT. juga memulakan firmanNya dengan bersumpah kepada hari kiamat, iaitu *al-Wāqi'ah*. Sebagaimana bunyinya:

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ

Maksudnya: "Apabila berlaku hari kiamat itu".

(Q.S. *al-Wāqi'ah* [56]:1)

Urutan dalam mushaf *al-Qur'an*, surah *al-Wāqi'ah* berada dalam urutan nombor yang ke 56, iaitu selepas surah *al-Raḥmān* atau sebelum surah *al-Ḥadīd*. Adapun, bilangan keseluruhan ayatnya terdiri dari 96 ayat, lebih banyak daripada keenam surah yang ada dalam juzuk ke-27.

### 3.1.6.2. Bentuk huraian tafsir:

Dalam mentafsirkan surah ini, HAMKA membahagikan huraian tafsirnya ke dalam tujuh (7) bahagian, iaitu:

1. Bahagian pertama, ayat 1-12 (Peristiwa Yang Besar)
2. Bahagian kedua, ayat 13-26 (Sifat Syurga)
3. Bahagian ketiga, ayat 27-40
4. Bahagian keempat, 41-56 (Sifat Neraka)
5. Bahagian kelima, 57-67 (Renungan tentang ciptaan Tuhan)
6. Bahagian keenam, 68-80 (Siapa yang turunkan air?)

## 7. Bahagian ketujuh, 81-96 (Jangan pandang kecil)

### 3.1.7. Surah *al-Ḥadīd*:

#### 3.1.7.1. Nama, Urutan Surah dan Bilangan Ayatnya:

Surah yang terakhir daripada juzuk 27 ini adalah surah *al-Ḥadīd*, ertinya adalah besi. Surah *al-Ḥadīd* adalah termasuk kelompok surah *al-Madaniyyah*, sebab ia diturunkan di Madinah. Salah satu cirinya, bahawa ia adalah tergolong surah Madaniyyah ialah kandungan ayatnya tidak lagi membincangkan kehebatan dan kedahsyatan hari hari kiamat, sebagaimana disebutkan dalam surah *al-Raḥmān* dan *al-Wāqī'ah*. Melainkan mengajak manusia kepada kesedaran hidup dan kesedaran berkorban bagi menegakkan kebenaran di dunia ini.<sup>200</sup>

Surah *al-Ḥadīd* berada dalam nombor urutan surah yang ke 57. Sedangkan bilangan ayatnya tidak sebanyak ayat di dalam surah yang telah dibincangkan di atas, ia hanya terdiri dari 29 ayat sahaja. Di antara surah-surah yang masuk di dalam juzuk 27, surah *al-Ḥadīd* adalah surah yang paling sedikit bilangan ayatnya. Tetapi, ayat-ayatnya panjang-panjang, oleh itu ia termasuk surah-surah *Madaniyyah*.

#### 3.1.7.2. Bentuk Huraian Tafsir:

Dalam mentafsirkan ayat-ayat surah ini, HAMKA mengklasifikasikan 29 ayat yang ada menjadi enam (6) bahagian.

1. Bahagian pertama, ayat 1-3 (Semuanya melainkan bertasbih kepada Allah)
2. Bahagian kedua, ayat 4-9

---

<sup>200</sup> Prof. Dr. HAMKA (2007), *op.cit.* h. 7156

3. Bahagian ketiga, ayat 10-15 (Anjuran untuk berinfak)
4. Bahagian keempat, ayat 16-20 (Tentang khusu)
5. Bahagian kelima, ayat 21-25 (Berlumbalah mencari ampunan)
6. Bahagian keenam, ayat 26-29

### **3.2. PENGENALAN TERHADAP GAYA BAHASA HAMKA DALAM HURAIAN TAFSIRNYA**

Pada bab I, pengkaji telah membuat pembahasan khusus tentang gaya bahasa yang diguna pakai dan dikenali di dalam lingkungan masyarakat Melayu. Demikian halnya, pengkaji pun telah membincangkan dan menjelaskan jenis-jenis peribahasa Melayu seperti pepatah, bidalan, perumpamaan, metafora dan personifikasi.

Dalam huraian tafsir *al-Azhar*, didapati bahawa penyusun kitab tafsir *al-Azhar* menggunakan gaya bahasa yang cukup beragam. Selama ini, gaya bahasa tafsir HAMKA yang dikenal dan menarik perhatian masyarakat tempatan adalah keindahan syair-syair dan pantun-pantunnya. Padahal, apabila dikaji lebih dalam, keindahan tafsir *al-Azhar* tidak hanya terdapat pada syair-syair atau pantun-pantunnya sahaja, tetapi juga keindahannya dari segi peribahasa-peribahasa yang dikemukakan oleh HAMKA dalam tafsir *al-Azhar*nya tersebut. Termasuk peribahasa perumpamaan yang menurut pengkaji cukup menarik, indah dan penuh berkesan.

Oleh itu, penulis melihat, gaya bahasa HAMKA dalam karya tafsirnya tersebut menjadi salah satu faktor yang membuat huraian tafsirnya lebih menarik dan berbeza dengan gaya bahasa kitab tafsir yang lain, khususnya kitab tafsir karangan ulama di

Nusantara. Jadi, selain gaya bahasa pantun<sup>201</sup>, peribahasa (pepatah), bidalan, perbilang, gurindam, dan syair-syair, huraian tafsir HAMKA juga dilengkapi dengan gaya bahasa perumpamaan, iaitu gaya bahasa yang menjadi perbahasan utama dalam kajian ilmiah ini.

#### 4.2.1. Pantun Melayu

Pantun adalah salah satu bentuk puisi lisan Melayu dan cabang kesusasteraan Melayu yang paling tua. Pantun dikatakan mula dicipta oleh orang Melayu untuk menyampaikan mesej perasaan hati seperti contoh merasa sedih kerana duduk berdagang di perantauan, mengenangkan untung nasib yang malang dan bersuka ria.<sup>202</sup>

Istilah pantun sendiri bagi orang Melayu sering kali digunakan untuk membawa maksud “umpama” atau “ibarat” (Za’ba,1965). Ini dibuktikan melalui ungkapan seperti berikut: “kami sepantun telur itik” atau “tuan sepantun kilat cermin”

Yang dijumpai dalam rangkap-rangkap pantun lama Melayu, membawa maksud “seperti atau umpama”. Istilah pantun juga sering ditukar ganti dengan perumpamaan. Seperti contoh ayat yang dipetik dari Hikayat Hang Tuah (1975:182) yang berbunyi: “akan sekarang adalah seperti pantun orang ‘pagar makan padi’ ”.

---

<sup>201</sup> Pantun adalah puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap (dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan yang selainnya mengandungi maksudnya). Lihat: Hajah Noresah bt. Baharom, B.Sc. M.A. (2005), *Kamus Dewan Edisi ke-empat*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Selangor Dār al-Ihsān: Dawama Sdn. Bhd. h. h. 1137.

<sup>202</sup> Pantun Dan Psikodinamika Kelisanan, Noriah Taslim, <http://resam-melayu.com/2010/01/pantun-melayu.html>.

Dalam huraian-huraian tafsirnya, HAMKA banyak mengemukakan pantun-pantun yang mengandungi makna perumpamaan. Kita perhatikan salah satu pantun yang ditulis oleh HAMKA dalam karya tafsirnya sebagaimana di bawah ini:

"Pulau Pandan jauh di tengah  
Gunung Daik bercabang tiga  
Hancur badan di kandung tanah  
Budi yang baik dikenang juga."

"Pisang emas bawa belayar  
Letak sebuah di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati."<sup>203</sup>

Pantun di atas dikemukakan oleh HAMKA apabila mentafsirkan surah *al-Aḥqāf* ayat 19 yang berbunyi: "*Dan bagi masing-masing mereka ada tingkatan dari sebab apa yang telah mereka amalkan.*"

Dalam menghuraikan tafsiran ayat di atas, HAMKA menjelaskan bahawa bagi tiap-tiap orang ada amal yang menentukan peringkat hidupnya dalam masyarakat. Menurutnya, amalan yang baik tidak akan kelengahan atau luput daripada ganjaran. Bahkan selalu ada penghargaan atas nilai yang telah mereka kerjakan, terutama di sisi Tuhan dan di sisi orang-orang yang berakal dan berbudi.<sup>204</sup> Untuk menguatkan huraian tafsirannya tersebut, maka kemudian HAMKA menurunkan pantun Melayu di atas.

---

<sup>203</sup> HAMKA (2007), *op.cit.*, h. 6659

<sup>204</sup> *Ibid.*

### 3.2.1. Peribahasa (pepatah)

Peribahasa pepatah adalah salah satu bentuk gaya bahasa yang banyak pula diguna pakai oleh HAMKA dalam memperjelaskan huraian tafsirnya. Misalnya: "Masuk di telinga kanan, keluar di telinga kiri."<sup>205</sup> Maksud daripada pepatah ini adalah nasihat atau pelajaran yang tidak dimasukkan ke dalam ingatan.<sup>206</sup> Pepatah ini dikemukakan, ketika HAMKA mentafsirkan surah *al-Qamar* ayat 5 yang berbunyi: "*Hikmah mendalam! Tetapi tidaklah mencukupi peringatan itu.*"

Ayat ini menerangkan tentang sikap orang-orang yang membangkang terhadap seruan dakwah yang dilakukan oleh para Nabi. HAMKA menjelaskan, bahawa seruan dakwah yang disampaikan oleh para Nabi itu mengandungi hikmah yang mendalam, kata-kata yang penuh makna, pujukan yang merayu, dan kadang-kadang berisi juga ancaman yang menakutkan. Tetapi, mereka tidak mempedulikannya. Seruan Nabi yang berisi kebenaran Tuhan tersebut tidak masuk ke dalam jiwa mereka.<sup>207</sup> Untuk menggambarkan sikap dan watak orang-orang kafir tersebut, maka dikemukakanlah pepatah Melayu di atas, sehingga huraianya nampak lebih indah dan berkesan.

Selain pepatah di atas, terdapat juga pepatah-pepatah Melayu lainnya yang dikemukakan HAMKA dalam tafsirnya, *al-Azhar*, seperti:

"Rasian permainan tidur, kecimpung permainan mandi."<sup>208</sup>

"Mata palingan Tuhan, hati palingan Syaitan."<sup>209</sup>

"Mujur sepanjang hari, sedih sekejap mata".<sup>210</sup>

---

<sup>205</sup> *Ibid.* h. 7040

<sup>206</sup> Abdullah Hussain (2005), *op.cit.*, h. 131.

<sup>207</sup> HAMKA (2007), *op.cit.*

<sup>208</sup> *Ibid.* h. 6961.

<sup>209</sup> *Ibid.* h. 7004.



"Tabiat manusia itu ialah hidup yang lebih maju."<sup>211</sup>

Di samping pepatah Melayu, dalam tafsir *al-Azhar* ini dijumpai pepatah yang berasal dari bangsa lain, seperti pepatah yang berasal dari orang Yunani Kuno. Hanya sahaja bilangan pepatah tersebut tidaklah banyak. Dalam juzuk 27, bilangan pepatah yang berasal dari orang Yunani ini hanya didapati 1 buah pepatah sahaja. Selebihnya, HAMKA banyak mencantumkan pepatah-pepatah yang berasal dari masyarakat Melayu. Contoh pepatah orang Yunani Kuno adalah sebagai berikut: "Phanta rei, berubah terus, mengalir terus dan berjalan terus."<sup>212</sup>

Penyertaan pepatah ini menunjukkan, HAMKA adalah salah seorang sasterawan Nusantara yang memiliki perhatian dan minat dalam mengikuti perkembangan bahasa dan sastera bangsa lain. Selama pepatah tersebut mengandungi kebenaran, hikmah dan pelajaran, maka tidak ada salahnya bagi kita untuk mengambil dan menggunakannya dalam perbualan hidup sehari-sehari, sehingga orang lain boleh mengambil manfaat dan pelajaran daripadanya. Di sini, HAMKA telah memberikan sebuah teladan yang cukup berharga.

### 3.2.2. Bidalan

Bidalan ialah pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat. Sebagai cirinya, peribahasa bidalan biasanya menggunakan perkataan-perkataan seperti hendaklah, biar, lebih baik, harus dan usah.<sup>213</sup> Berikut ini adalah salah satu contoh bidalan: "Jangan bijak terpijak, biar bodoh bersuluh." Ungkapan ini mengandungi

---

<sup>210</sup> *Ibid. h. 7017.*

<sup>211</sup> *Ibid. h. 7072.*

<sup>212</sup> *Ibid. h. 7023.*

<sup>213</sup> Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1995), *Peribahasa: Nilai-nilai Murni KBSR*, Kuala Lumpur: Tinggi Press Sdn Bhd. h. xvi.

nasihat yang maksudnya adalah jangan berasa diri bijak atau pandai tetapi dicela orang, biar bodoh asal suka bertanya, pasti akan berjaya. Contoh yang lain misalnya: "Biarlah anjing menggonggong, kafilah tetap berlau." Maksudnya, jangan didengar suatu perkataan buruk atau cacian yang ditujukan kepadanya.

Setelah penulis perhatikan dengan teliti, didapati bahawa peribahasa bidalan ini digunakan pula oleh HAMKA dalam menghuraikan tafsirannya. Contohnya, "Duduk sama rendah dan tegak sama tinggi." Ungkapan ini mengandungi nasihat yang sangat mengangkat nilai-nilai akhlak atau budi pekerti yang luhur. Gaya bahasa ini nampak sudah sangat akrab di telinga kita, di mana maksudnya adalah orang yang sama darjat dan sama status atau kedudukan.<sup>214</sup> Adapun hubungannya dengan ayat adalah, bahawa Nabi Nūḥ a.s. telah menyeru kaumnya untuk mengakui, bahawa Tuhan itu adalah satu, iaitu Allah SWT. Tetapi justeru, Nabi Nūḥ dituduh sebagai orang gila. Orang gila tidak sepatutnya dijadikan sebagai pemimpin mereka. Sikap kaum Nabi Nūḥ a.s. sungguh sudah melampaui batas. Menurut HAMKA sikap mereka sangat tidak sesuai dengan pepatah Melayu yang mengatakan: "Duduk sama rendah dan tegak sama tinggi".<sup>215</sup>

Bagi penulis, ungkapan atau gaya bahasa tersebut boleh dikatakan sebagai pepatah atau boleh juga disebut sebagai bidalan. Alasannya adalah pepatah dan bidalan merupakan peribahasa yang mengandungi nasihat. Yang kedua, dalam ungkapan tersebut boleh dimasukkan kata "hendaklah", sehingga menjadi: "Hendaklah duduk sama rendah dan tegak sama tinggi."

---

<sup>214</sup> Lai Choy B.A. (Hons), (2010), *op.cit.* h. 216

<sup>215</sup> HAMKA (2007), *op.cit.* h. 7045

### 3.2.3. Perbilangan

Dari segi fungsi dan maknanya, perbilangan hampir sama dengan peribahasa-peribahasa yang lain, seperti bidalan, pepatah dan perumpamaan. Di mana isinya adalah simpulan pendapat dan pemikiran yang padat, jujur dan benar tentang nilai-nilai moral dan sosial sebagai hasil daripada kebijaksanaan (intelektualisme), berdasarkan penelitian yang saksama dalam jangka masa yang lama<sup>216</sup>. Tidak setakat itu sahaja, isi perbilangan lebih luas dan dalam sehingga tiap-tiap perbilangan dianggap sebagai perundangan dalam kehidupan sosial atau adat. Asal adat ini ada hubungannya dengan Adat Perpatih di Minangkabau (Sumatera) dan Adat Perpatih di Negeri Sembilan (Malaysia)<sup>217</sup>. Di samping itu, dari segi bentuk pula, perbilangan berbeza pula dengan bentuk pepatah dan bidalan. Bentuk perbilangan tidak sahaja pendek, padat dan kemas tetapi selalu berbilangan, berpasangan. Contohnya: "Bulat air kerana pembuluh. Bulat manusia kerana muafakat." Perbilangan ini menggambarkan wujudnya bentuk berbilang. Bilangan pertama, bulat air (berdiri-sendiri). Bilangan kedua, bulat manusia (berdiri-sendiri). Maksudnya adalah manusia haruslah bersatu dengan jalan muafakat,<sup>218</sup> atau untuk melakukan suatu pekerjaan yang selamat, maka hendaklah berunding dulu<sup>219</sup>.

Gaya bahasa perbilangan ini dijumpai juga dalam tafsir *al-Azhar*, iaitu seperti ungkapan berikut ini: "Awal yang tidak ada permulaan, akhir yang tidak ada kesudahan."<sup>220</sup> Maknanya, bahawa di antara sifat Allah SWT adalah Maha Permulaan dan Maha Penghabisan.<sup>221</sup>

---

<sup>216</sup> Keris Mas (1988), *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 141.

<sup>217</sup> *Ibid.*

<sup>218</sup> *Ibid.*

<sup>219</sup> Abdullah Hussain (1989), *op.cit.*, h.53

<sup>220</sup> *HAMKA (2007), op.cit.*, h. 7161


<sup>221</sup> *Ibid.*

### 3.2.4. Gurindam

Gurindam adalah bentuk puisi yang terdiri daripada dua baris, berisi dengan berbagai-bagai pelajaran<sup>222</sup>. Misalnya: "Hati bolehlah ditahan, tetapi mata tidak dapat didinding. Di dinding pun dengan telapak tangan, namun di sela jari pun dia melihat juga".<sup>223</sup>

Gurindam di atas dijumpai dalam huraian tafsir HAMKA, iaitu pada surah al-Najm ayat 32 yang berbunyi: "*(Iaitu) orang-orang yang menjauh dari dosa-dosa yang besar dan yang keji kecuali yang sepintas lalu.*"

Di antara ciri orang-orang yang teguh hati dalam menempuh jalan yang benar adalah orang-orang yang sentiasa menghindari perbuatan dosa besar dan perkara yang keji. Contoh perbuatan dosa besar dan keji, menurut HAMKA adalah perbuatan zina. Allah SWT. pernah berfirman dalam surah *al-Isrā* ayat 32 yang berbunyi:

 وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

*Maksudnya: "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."*  
(QS. Al-Isrā:32).

Soalannya adalah bagaimanakah hukumnya apabila seorang lelaki melihat seorang perempuan yang cantik secara sepintas lalu, tanpa sengaja. Dalam pandangan HAMKA, bahawa kalau semata-mata seperti itu, maka tidaklah diambil berat, masih boleh dimaafkan. Oleh sebab itulah, Rasulullah SAW. melarang kita mengikuti

<sup>222</sup> Hajah Noesah bt. Baharom, B. Sc. M.A. (2005), *opcit.*, h.491.

<sup>223</sup> HAMKA (2007), *opcit.* h. 7003.

pandangan pertama dengan pandangan kedua.<sup>224</sup> Untuk menambah penjelasan huraian tafsirnya tersebut, maka dikemukakanlah gurindam Melayu di atas.

### 3.2.5. Perumpamaan

Perumpamaan adalah gaya bahasa kiasan. Ia merupakan bentuk peribahasa yang paling mudah untuk dikenali. Ini kerana bentuk peribahasa tersebut disertai dengan salah satu kata yang mengandungi makna perbandingan, iaitu: seperti, umpama, laksana, bagai dan ibarat. Dalam tafsir *al-Azhar*, perumpamaan ini merupakan bentuk peribahasa yang paling banyak digunakan oleh Prof. HAMKA dalam menjelaskan dan menguatkan penjelasan tafsirnya. Inilah permasalahan utama yang menjadi bahan perbincangan atau analisis dalam kajian ini. Di mana tafsir *al-Azhar* juzuk 27 menjadi tumpuannya. Berikut ini adalah di antara contoh-contoh perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam setiap huraian tafsirnya:

"Laksana gunung-ganang di lautan yang maha luas."<sup>225</sup>

"Bagai orang bisu bermimpi."<sup>226</sup>

"Laksana menembak seekor nyamuk."<sup>227</sup>

Itulah di antara contoh-contoh perumpamaan yang ada dalam tafsir *al-Azhar* karangan HAMKA. Penulis yakin, gaya bahasa perumpamaan yang dituliskan oleh HAMKA dalam huraian tafsirnya itu mencapai jumlah yang cukup banyak. Tetapi, dalam kajian ini pengkaji akan mencuba melakukan analisis terhadap perumpamaan-perumpamaan yang disebutkan oleh HAMKA dalam juzuk 27 sahaja. Adapun perbahasannya secara khusus dan dalam akan disampaikan pada bahagian berikutnya.

---

<sup>224</sup> *Ibid.*

<sup>225</sup> HAMKA (2007), *opcit.* h. 7083

<sup>226</sup> *Ibid.* h.7072

<sup>227</sup> *Ibid.* h. 6605

**BAB IV**

**ANALISIS PERUMPAMAAN DAN PENGGUNAANNYA OLEH HAMKA**

**DALAM TAFSIR AL-AZHAR JUZUK 27.**

Dalam bahagian ini, tibalah saatnya perbincangan secara khusus mengenai analisis terhadap perumpamaan-perumpamaan HAMKA yang dikemukakan dalam huraian tafsir *al-Azhar* juzuk 27. Iaitu perbahasan yang menjadi tumpuan utama kajian ilmiah ini.

Terdapat empat perbahasan utama yang ingin pengkaji bincangkan pada bab keempat ini, iaitu: pertama, klasifikasi perumpamaan HAMKA dari sudut sumbernya. Kedua, metode penggunaan perumpamaan oleh HAMKA dan klasifikasinya dari sudut jenisnya. Ketiga, perbahasan tentang penjelasan makna perumpamaan dan keempat perbahasan tentang contoh penggunaan perumpamaan dan hubungannya dengan makna ayat yang ditafsirkan oleh pengarang.

**4.1. KLASIFIKASI PERUMPAMAAN HAMKA DARI SUDUT SUMBERNYA**

Setelah perumpamaan-perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam huraian tafsirnya pada juzuk 27 berhasil dihimpunkan dan difahami, pengkaji berpandangan bahawa perumpamaan-perumpamaan tersebut tidak hanya berasal dari perumpamaan yang sudah dikenali dan diguna pakai oleh masyarakat Melayu, akan tetapi perumpamaan-perumpamaan tersebut juga berasal dari sumber lain, seperti perumpamaan yang bersumber dari *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth*. Walaupun begitu, perumpamaan yang berasal dari pengalaman HAMKA lebih banyak jumlahnya. Sedangkan perumpamaan yang bersumber dari *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth* yang terdapat dalam huraian tafsirnya pada juzuk 27 jumlahnya tidak banyak.

Jadi, berdasarkan sumbernya perumpamaan yang dikemukakan HAMKA dalam huraian tafsirnya juzuk 27 dapat pengkaji bahagikan menjadi 3 bahagian utama, iaitu : Pertama, perumpamaan yang bersumber dari *al-Qur'ān*. Kedua, perumpamaan yang bersumber dari *ḥadīth* Nabi SAW. Dan ketiga, pengalaman hidup HAMKA.<sup>228</sup>

#### 4.1.1. Perumpamaan yang Bersumber dari *al-Qur'ān*

Di dalam *al-Qur'ān* kita menjumpai banyak perumpamaan atau *amthāl*. Perumpamaan dalam *al-Qur'ān* ini memiliki banyak fungsi dan tujuan. Tetapi, dari sekian ramainya fungsi dan tujuan tadi, ia merujuk kepada satu matlamat asas, iaitu menyeru seluruh manusia untuk beriman kepada Allah SWT. Perumpamaan dalam *al-Qur'ān* mempunyai tujuan-tujuan seperti pemberi peringatan, khabar gembira, pelajaran, penyedaran, motivasi, ancaman, janji dan tujuan-tujuan mulia lainnya yang mampu membina dan mendorong manusia kepada agama yang lurus.<sup>229</sup>

Oleh itu, perumpamaan dalam *al-Qur'ān* memiliki keistimewaan tersendiri yang membezakannya daripada perumpamaan-perumpamaan yang muncul di tengah kehidupan masyarakat, termasuk kalangan masyarakat Arab.

Di sini, pengkaji akan mengkaji tentang perumpamaan yang digunakan oleh HAMKA dan bukanlah membincangkan *amthāl* dalam *al-Qur'ān*. Kerana apa yang pengkaji ingin sampaikan adalah bahawa dalam huraian tafsir *al-Azhar*, khususnya juzuk 27, HAMKA telah menguatkan huraian-huraian tafsirnya tersebut dengan metode

---

<sup>228</sup> Yang dimaksudkan dengan perumpamaan yang berasal dari pengalaman hidup HAMKA adalah perumpamaan-perumpamaan yang berasal dari hasil pemikiran, wawasan dan peristiwa-peristiwa yang terjadi di lingkungan persekitaran, khususnya lingkungan masyarakat Melayu.

<sup>229</sup> Muḥammad Bakr Ismā'īl (1999), *op.cit.*, h. 292.

atau gaya bahasa perumpamaan. Di antara perumpamaan yang dikemukakannya itu adalah bersumber kepada *al-Qur'ān*. Contohnya, ketika HAMKA mentafsirkan surah *al-Ḥadīd* ayat 1 yang berbunyi:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُرَ وَلَهُرَ  
أَجْرًا كَرِيمًا

Maksudnya: "Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat-gandakan balasannya? dan (selain itu) ia akan beroleh pahala yang besar."

(Q.S. *al-Ḥadīd* [57]:11)

Ayat ini menjelaskan tentang keutamaan beramal kebajikan yang didasarkan ikhlas kerana mengharap balasan atau reda Allah SWT. Dalam menghuraikan tafsiran ayat di atas, HAMKA mengambil contoh tentang keutamaan berinfaq di jalan Allah SWT., iaitu dengan mengemukakan sebuah perumpamaan yang sangat indah yang bersumber dari surah *al-Baqarah* ayat 261. "Orang yang mengeluarkan hartanya di jalan Allah itu seumpama orang yang menanam biji, satu biji tersebut kemudian menumbuhkan tujuh tangkai dan dari setiap satu tangkai tersebut memberi 100 biji".

Demikian juga, apabila mentafsirkan surah yang sama, iaitu *al-Ḥadīd* ayat 16, HAMKA menguatkan huraian tafsirannya dengan mengemukakan perumpamaan yang berasal dari *al-Qur'ān*. Contohnya, firman Allah SWT:

أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَا نَزَلَ مِنْ  
الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلُ فَطَالَ عَلَيْهِمُ  
الْأَمَدُ فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَاسِقُونَ



Maksudnya: "*Belum sampai kah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (Qur'an) yang diturunkan (kepada mereka)? dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka.*"

(Q.S. *Al-Hadid* [57]:16).

Ayat ini pula mengandungi perumpamaan, iaitu ditunjukkan dengan kata pembandingan yang ada pada ayat:

وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ

Maksudnya: "*Janganlah mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan kitab.*"

Perumpamaan ini merujuk kepada larangan Allah SWT. agar orang-orang yang beriman itu tidak menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan kitab, akan tetapi mereka tidak memahami dan mengamalkan ajaran kitab tersebut.

Dalam menjelaskan ayat ini, HAMKA menukilkan tafsiran Ibn Kathir yang mengatakan, agar umat Nabi Muhammad SAW. tidak seperti orang-orang yang dimisalkan oleh Allah SWT. di dalam *al-Qur'an*, iaitu laksana keldai yang memikul kitab-kitab. (Q.S. *Al-Jumu'ah*:5).

#### **4.1.2. Perumpamaan yang bersumber daripada *al-Hadith***

Sedia maklum, bahawa di dalam teks *hadith* juga banyak ditemui gaya bahasa perumpamaan. Fungsinya tidak jauh daripada fungsi perumpamaan yang ada dalam *al-Qur'an* iaitu sebagai penjelas makna dan pemberi pelajaran yang berharga. Selain daripada *al-Qur'an*, HAMKA pula mengemukakan perumpamaan yang bersumber

kepada *ḥadīth* Nabi SAW. kedalam huraian tafsirannya sehingga huraiannya tersebut lebih menarik, kuat dan beralasan.

Contohnya, firman Allah SWT.:

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْكُمْ وَلَكِنْ لَا تُبْصِرُونَ

Maksudnya: "*Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat.*"

(Q.S. *al-Wāqī'ah* [56]:85)

Ayat ini menjelaskan tentang betapa hampirnya Allah SWT. dengan hambaNya. Menurut HAMKA hampirnya (dekatnya) Tuhan dengan hambaNya adalah lebih dekat dari urat nadi. Perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA ini bersumber kepada *ḥadīth* Nabi SAW. yang menjelaskan bahawa hampirnya Allah SWT. dengan hambaNya lebih hampir dari urat nadi.

#### **4.1.3 Perumpamaan yang Bersumber kepada Pengalaman HAMKA**

Maksud dengan perumpamaan di sini adalah perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA di mana ia bersumber kepada pengalamannya sendiri, iaitu pergaulannya dalam masyarakat, kebijakannya dan keluasan ilmunya. Atau perumpamaan di luar daripada kedua sumber di atas, iaitu *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*. Atau kerana HAMKA berasal dari negeri Melayu dan perumpamaan yang dikemukakannya sudah terkenal dalam masyarakat Melayu, maka perumpamaan tersebut bagi pengkaji disebut sebagai perumpamaan Melayu.

Jenis perumpamaan yang ketiga ini mendominasi perumpamaan-perumpamaan HAMKA dalam huraian-huraian tafsirnya pada juzuk 27. Ertinya, pada juzuk 27 ini,

HAMKA lebih banyak mengemukakan perumpamaan-perumpamaan yang diperoleh dari hasil pengalaman, pemikiran dan peristiwa kehidupan masyarakat di sekitarnya daripada perumpamaan-perumpamaan yang bersumber kepada *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*.

Kenyataan ini sama sekali tidak menjejaskan atau melemahkan tafsirnya, kerana hal itu berhubung kait dengan konteks ayat dan kecenderungan pemikiran sang pengarang dalam memberikan huraian tafsirnya yang mengandungi pesan positif seperti nasihat, hikmah dan pelajaran bagi pembaca.

Di samping itu, dimaklumi juga, bahawa tafsir beliau, iaitu tafsir *al-Azhar* tergolong kepada tafsir *bi al-ma'thūr* dan *al-riwāyah*, sebagaimana ditegaskan oleh pengarangnya sendiri dalam pembukaannya.

#### **4.2. METODE PENGGUNAAN PERUMPAMAAN DAN KLASIFIKASINYA DARI SUDUT JENISNYA**

Setelah melalui proses pembacaan dan analisis secara saksama terhadap tafsir *al-Azhar* juzuk 27, pengkaji telah berhasil menemukan dan menghimpunkan sejumlah gaya bahasa dalam bentuk perumpamaan. Dari tujuh surah yang terhimpun dalam juzuk 27, iaitu surah *al-Dhāriyāt*, surah *al-Ṭūr*, surah *al-Najm*, surah *al-Qamar*, surah *al-Wāqi'ah*, surah *al-Raḥmān* dan surah *al-Ḥadīd*, pengkaji menjumpai sebanyak 79 perumpamaan yang dikemukakan oleh pengarangnya.

Dari keseluruhan perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA tersebut dapat dibahagikan menjadi dua bahagian. Pertama, metafora, iaitu perumpamaan yang

tidak menyebutkan kata-kata pembandingan, akan tetapi ungkapannya mengandung makna perumpamaan. Kedua, *perumpamaan simile*, iaitu bentuk perumpamaan yang menggunakan kata pembandingan, seperti kata ibarat, laksana, seperti, umpama dan bagaikan.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, setakat ini pengkaji menjumpai 49 perumpamaan yang menggunakan kata pembandingan dan 30 perumpamaan yang tidak menggunakan kata pembandingan. Jadi, bilangan keseluruhannya sekitar 79 perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam tafsir *al-Azhar* juzu 27. Bilangan ini tidaklah mutlak, kerana boleh jadi masih ada bilangan lain yang tidak berhasil dijumpai oleh pengkaji. Namun meskipun demikian, jumlah bilangan tersebut sudah mencukupi dalam membuat kajian ilmiah ini.

#### **4.2.1. Jenis Perumpamaan Metafora (Tanpa Kata Pembandingan)**

Pada perbahasan yang sudah lepas, iaitu pada bab satu, penulis telah menjelaskan jenis perumpamaan metafora, iaitu perumpamaan yang tidak menggunakan kata pembandingan, akan tetapi mengandungi makna perumpamaan. Dalam huraian tafsirnya juzuk 27, HAMKA telah mengemukakan perumpamaan metafora atau perumpamaan tanpa disertai dengan kata pembandingan, iaitu jumlahnya mencapai sekitar 30 jenis perumpamaan. Maknanya, jenis perumpamaan metafora (tanpa kata pembandingan) lebih sedikit jumlahnya jika dibandingkan dengan jenis perumpamaan *simile* (disertai kata pembandingan).

Perumpamaan-perumpamaan dengan tanpa pembandingan tersebut muncul dalam bentuk gaya bahasa lain, seperti pepatah, bidalan, gurindam dan pantun. Jenis-jenis gaya

bahasa ini sememangnya berbeza dengan gaya bahasa perumpamaan. Akan tetapi, pengkaji sendiri membuat suatu kesimpulan, bahawa ketika HAMKA mengemukakan jenis-jenis gaya bahasa tersebut, ia merujuk kepada makna perumpamaan.

Berdasarkan pemikiran tersebut, maka pengklasifikasian atau pengelompokan seperti ini adalah sesuatu perbahasan yang dipandang perlu, sehingga kita boleh membezakan dan mengenal pasti lagi bentuk-bentuk perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam huraian tafsirnya bagi juzuk 27.

#### **4.2.2. Jenis Perumpamaan *Simile* (dengan Kata Pembandingan)**

Perumpamaan *simile* ini, dalam perumpamaan yang terdapat dalam *al-Qur'ān* digolongkan kepada jenis perumpamaan *muṣarraḥah*, iaitu perumpamaan yang secara jelas dan terang disertai dengan kata-kata mengandungi makna perbandingan, seperti kata: **مِثْل، ك**. Kata-kata tersebut dalam bahasa Melayu maknanya sama dengan kata: seperti, umpama, bagaikan, laksana, ibarat, misal, bak dan lain-lain.

Sebagaimana telah dijelaskan di atas, bahawa dari tujuh surah yang terhimpun dalam juzuk 27, iaitu surah *al-Dhāriyāt*, surah *al-Ṭūr*, surah *al-Najm*, surah *al-Qamar*, surah *al-Wāqī'ah*, surah *al-Raḥmān* dan surah *al-Ḥadīd*, diperoleh sebanyak 44 jenis perumpamaan yang menggunakan kata pembandingan. Iaitu kata pembandingan dengan kata-kata seperti: laksana, umpama, bagaikan, ibarat dan seperti. Selain kata-kata pembandingan yang disebutkan tersebut, terdapat juga perumpamaan yang menggunakan kata pembandingan dengan awalan "se", seperti: sebesar, sekecil, setinggi, serendah dan lain-lain.

Perumpamaan yang menggunakan kata pembanding "laksana" terdiri dari 20 buah, kata "umpama" 6 buah , kata "ibarat" 2 buah, kata "bagai" 4 buah dan kata "seperti" sebanyak 3 buah. Sedangkan perumpamaan dengan kata pembanding yang berawalan "se" ini terdiri-dari 9 buah.

#### **4.3. CONTOH PERUMPAMAAN DAN PENJELASAN MAKNANYA**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menyebutkan contoh-contoh perumpamaan yang digunakan oleh HAMKA mengikut kedua jenis perumpamaan yang sudah dijelaskan di atas, iaitu perumpamaan metafora dan simile. Di samping itu, penulis juga akan menjelaskan maksud daripada makna perumpamaan yang digunakan oleh HAMKA dalam huraian tafsirnya, iaitu tafsir *al-Azhar* juzuk 27. Dengan perbahasan ini dimaksudkan untuk mengetahui dan memahami makna-makna perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA tersebut dan bagaimana hubung kaitnya dengan suatu ayat yang ditafsirkannya. Sehingga dengan demikian, mutu atau kualiti daripada perumpamaan tersebut dapat terserlah dengan jelas.

##### **4.3.1. Perumpamaan Metafora:**

1. "Ada orang yang menolong kita melepaskan dari malapetaka, kita pun segera mengucapkan terima kasih! Kita mengembara di satu padang pasir. Dari sangat jauhnya perjalanan, kita kehausan, air sangat sukar. Tiba-tiba di suatu tempat yang sunyi sepi kita bertemu satu orang yang menyuruh kita berhenti berjalan sejenak. Kita pun berhenti. Lalu dia bawakan seteguk air. Kita pun mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Kita ucapkan terima kasih dengan merendahkan diri. Sebab

kita merasa berhutang budi kepadanya. Dan tidaklah ada manusia beradab di dunia yang membantah keluhuran budi orang yang berterima kasih itu".<sup>230</sup>

**Maknanya:** Hendaklah manusia itu pandai bersyukur atas segala nikmat yang telah diberikan Allah SWT. kepadanya. Apabila manusia mengenal apa yang dimaksudkan dengan budi yang luhur, nescaya dia mengenal apa yang dinamakan berterima kasih. Berterima kasih kepada Allah SWT. adalah dengan cara menginsafi kegunaan hidupnya, sehingga dia pun tidak merasa keberatan lagi mengerjakan pelbagai ibadah kepada Allah SWT. Perumpamaan di atas dikemukakan oleh HAMKA ketika menjelaskan surah al-Dhāriyāt ayat 56.<sup>231</sup>

2. "Rasian Permainan tidur, kecimpung permainan mandi"<sup>232</sup>

**Maknanya:** Percakapan dan perbuatan yang tidak difikirkan masak-masak. Hubungannya dengan ayat adalah bahawa sikap dan tuduhan orang-orang kafir ke atas Nabi adalah hanya rasian atau mimpi kosong yang menjadi permainan tidur sahaja, tidak perlu diambil berat atau dirisaukan. Maksudnya, percakapan dan penolakan atas kebenaran yang timbul dari suatu hal yang tidak difikirkan dengan matang, samalah ertinya dengan mengucapkan rasian, iaitu orang yang bercakap-cakap sambil tidur, dia tidak tahu apa yang telah dikatakannya. Perumpamaan ini ditujukan kepada orang-orang kafir yang melemparkan tuduhan dan hinaan ke atas Nabi s.a.w. Perumpamaan ini dikenal oleh masyarakat Minangkabau<sup>233</sup>.

---

<sup>230</sup> HAMKA (2007), *opcit.* h. 6927

<sup>231</sup> *Ibid.*

<sup>232</sup> *Ibid.* h. 6961

<sup>233</sup> *Ibid.*

3. "Dapat pangkalnya hilang hujungnya, dapat ujung gelap pangkalnya"<sup>234</sup>

Maknanya: Ucapan atau perkataan yang tidak boleh dipercayai atau dipegang. HAMKA menjelaskan, perkara yang ghaib adalah suatu hal yang tidak akan dijangkau oleh manusia. Ucapan-ucapan bomoh dan tukang ramal, menurutnya adalah tidak lain, kecuali petunjuk syaitan belaka yang mencuri berita dari langit secara separuh-separuh.<sup>235</sup> Jika seseorang mempercayai berita-berita ghaib daripada syaitan, maka mengakibatkan dirinya tersesat. Jadi, setiap ucapan yang keluar dari seorang bomoh atau tukang tenung itu tidak boleh dipercayai atau dipegang, kerana mengandungi kebohongan dan bahkan menyesatkan. "Dapat pangkalnya hilang hujungnya, dapat ujung gelap pangkalnya" Demikian perumpamaan bagi orang-orang yang suka mempercayai perkataan seorang bomoh.

4. "Ke mudik tidak dapat dicari di mana pangkalnya, ke hilir pun tidak dapat diteliti di mana muaranya"<sup>236</sup>

Maknanya: Sesuatu yang tidak mempunyai akar sejarah atau asal-usul yang jelas. Lata, Uzza, Manata dan lain-lain adalah nama-nama yang dibuat dan direka-reka sahaja, tanpa ada sumber dan asal-usulnya, tidak ada pangkal dan hujungnya. Semuanya dusta dan percakapan kosong belaka.<sup>237</sup> Untuk menggambarkan kepercayaan tersebut, maka HAMKA mengemukakan peribahasa yang mengandungi perumpamaan sebagaimana di atas.

---

<sup>234</sup> *Ibid.* h. 6966

<sup>235</sup> *Ibid.*

<sup>236</sup> *Ibid.*, h. 6995

<sup>237</sup> *Ibid.*



5. "Menghesta kain sarung, berputar, berbelit hanya ke situ dan ke situ sahaja"<sup>238</sup>

Maknanya: Kemampuan ilmu atau pengajaran yang tidak meningkat, bertambah dan berfaedah. Berjalan di tempat. Maksudnya pengajaran atau alasan yang dikemukakan oleh orang-orang musyrik tidak ada dasarnya, melainkan prasangka. Mereka tidak mahu menerima ilmu dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muḥammad SAW, disebabkan kedegilan watak dan keras hatinya.<sup>239</sup> Ucapan dan pengajaran yang mereka keluarkan diibaratkan oleh HAMKA seperti orang yang mengukur kain sarung, berputar, berbelit hanya ke situ dan ke situ sahaja.

6. "Sihat menunggu sakit, muda menanti tua, kaya menunggu miskin"<sup>240</sup>

Maknanya: Kelalaian bagi orang yang tidak memahami tujuan hidup yang sebenar. Hakikat kekuasaan adalah milik Allah SWT. semata, tetapi manusia sering kali melupakan dan tidak sedar kalau perbuatannya akan dihisab. Dalam hal ini, HAMKA memberikan sindiran kepada manusia seperti itu, katanya: "manusia boleh membangga diri dengan kekuatannya, iaitu apabila dia telah lupa batas kekuasaan yang ada pada dirinya, "sihat menunggu sakit, muda menunggu tua dan kaya menunggu miskin".<sup>241</sup>

7. "Satu dua tiga enam, ditambah satu jadi tujuh, Buah delima yang ditanam, tidak berangan yang akan tumbuh"<sup>242</sup>

---

<sup>238</sup> *Ibid.*, h. 7001

<sup>239</sup> *Ibid.*

<sup>240</sup> *Ibid.*, h. 7002

<sup>241</sup> *Ibid.*

<sup>242</sup> *Ibid.*

Maknanya: Merasa yakin dengan keputusan yang telah diambil. Orang yang beriman harus meyakini akan kebenaran tujuan hidupnya. Jangan merasa sulit dan jangan putus asa, sebab dalam sebuah perjuangan hidup tidaklah akan menjumpai kemudahan sahaja, tetapi ada tentangan, cabaran dan kesulitan yang harus dihadapi. Satu dicampurkan dua dan dicampurkan tiga, maka hasil jumlahnya pasti enam. Jika dicampurkan lagi satu, pastilah menjadi tujuh jumlahnya. Tetapi suatu yang pelik, kalau sekiranya yang ditanam delima yang manis, tiba-tiba berangan (buah yang pahit) yang tumbuh. Kalau seperti ini, bererti ada masalah yang cukup besar. Mestinya ketika yang ditanam delima yang manis, maka yang tumbuh pun delima yang manis pula.<sup>243</sup>

8. "Samalah ertinya dengan mendekatkan minyak dengan api menyala"<sup>244</sup>

Maknanya: Menjatuhkan diri kepada benda yang membahayakan dan mencelakakannya. Zina adalah salah satu perbuatan dosa besar. Ia adalah seburuk-buruknya jalan. Bagi orang yang mendekati perbuatan zina ini, HAMKA menganalogikannya dengan orang yang mendekati petrol dengan api yang menyala yang akan mengakibatkan ledakan atau kebakaran.<sup>245</sup> Begitulah bandingan orang yang mendekati zina menurut HAMKA.

9. "Sebagaimana gurindam Melayu: "Hati bolehlah ditahan, tetapi mata tidak dapat di dinding. Didinding pun dengan telapak tangan, namun di sela jari pun dia melihat juga"<sup>246</sup>

---

<sup>243</sup> *Ibid.*

<sup>244</sup> *Ibid.* h. 7003

<sup>245</sup> *Ibid.*

<sup>246</sup> *Ibid.*

Maknanya: Tidak mampu memalingkan pandangan ketika seseorang melihat lawan jenisnya.<sup>247</sup> Berdasarkan teks ayatnya, HAMKA berpandangan, memandang bukan muhrim secara sepintas lalu adalah suatu perbuatan yang tidak diambil berat, masih dapat dimaafkan oleh Allah SWT. Seraya mengemukakan gurindam yang mengandung makna perumpamaan. "Hati bolehlah ditahan, tetapi mata tidak dapat didinding. Didinding pun dengan telapak tangan, namun disela jari pun dia melihat juga."<sup>248</sup>

**10.** Menurut pepatah Melayu: "Mata palingan Tuhan, hati palingan Syaitan"<sup>249</sup>

Maksudnya: Fikiran atau pendirian seseorang itu boleh berubah-ubah.<sup>250</sup> Sebelum pandangan yang sepintas lalu menimbulkan kepada suatu dosa, maka menurut HAMKA pandangan tersebut mesti segera dipalingkan kepada objek pandangan lain yang tidak akan menimbulkan dosa.<sup>251</sup> Oleh itu, ia mengemukakan pepatah Melayu yang mengandung perumpamaan. "Mata palingan Tuhan, hati palingan Syaitan."

**11.** "Dalam pepatah orang Melayu: "Mujur sepanjang hari, sedih sekejap mata".<sup>252</sup>

Maknanya: Keuntungan lambat datang, malang berlaku tiba-tiba.<sup>253</sup> Kehidupan manusia tidak akan luput dari dua perasaan yang saling berlawanan, iaitu rasa senang dan sedih. Demikian pula, manusia tidak akan terlepas dari kemudahan

---

<sup>247</sup> Lai Choy B.A. (Hons), (2010), *op.cit.* h. 248

<sup>248</sup> HAMKA (2007), *op.cit.*,

<sup>249</sup> *Ibid.*, h. 7004

<sup>250</sup> Lai Choy B.A. (Hons), (2010), *op.cit.*

<sup>251</sup> HAMKA (2007), *op.cit.*,

<sup>252</sup> *Ibid.* h. 7017

<sup>253</sup> Lai Choy B.A. (Hons), (2010), *op.cit.* h. 461

dan kesulitan. Semua itu telah diatur oleh Allah SWT. "*Dan sesungguhnya Dialah yang membuat orang tertawa dan menangis*". (QS. Al-Najm : 43).<sup>254</sup>

12. Pepatah orang Yunani Kuno mengatakan: "Phanta Rei, berubah terus, mengalir terus dan berjalan terus"<sup>255</sup>

Maknanya: waktu yang sudah berlalu tidak akan kembali lagi. Kehidupan di dunia tidak ada yang abadi. Yang abadi hanyalah Allah SWT. Semua makhluk hidup akan mati, termasuk manusia, benda-benda akan rusak dan alam dunia ini akan lenyap, sehancur-sehancurnya. Zaman lampau tidak akan pernah kembali, dunia terus berputar sampai akhirnya mengalami kehancuran. Kehancuran alam ini dikenali dengan kiamat.<sup>256</sup> Dalam menguatkan keterangannya ini, HAMKA kemudian menuliskan pepatah orang Yunani Kuno: "Phanta Rei, berubah terus, mengalir terus dan berjalan terus."

13. "Tidak ada yang akan sah berita di seluruh dunia; kalau siang hari masih meminta mana alasan"<sup>257</sup>

Maknanya: Pepatah ini ditujukan kepada orang-orang yang selalu mencela dan menolak suatu berita yang benar dengan tanpa didasari dengan ilmu. Pepatah tersebut mengandung perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA pada saat beliau menjelaskan tentang suatu pendapat yang mengatakan bahawa ketika berhujah sudah cukup dengan *ḥadīth* yang masyhur sahaja. Padahal, para ahli ilmunan *ḥadīth* mengatakan, bahawa selain martabat *ḥadīth* masyhur, *ḥadīth* yang

---

<sup>254</sup> HAMKA (2007), *op.cit.*,

<sup>255</sup> *Ibid.*, h. 7023

<sup>256</sup> *Ibid.*

<sup>257</sup> *Ibid.*, h. 7037

sahih, termasuk khabar yang ahad, sudah sependapat untuk diambil sebagai hujah. Oleh itu, kalau ada orang yang menolak berita demikian, padahal dia sendiri tidak sanggup menunjukkan kecacatannya daripada orang-orang yang membawakan riwayat tersebut, hanya semata-mata mencela, hanya semata-mata mengatakan tidak masuk akal, maka sama ertinya orang itu menolak berita dengan tanpa dasar ilmu.<sup>258</sup>

14. Sebagai pepatah: "Masuk di telinga kanan, keluar di telinga kiri"<sup>259</sup>

Maknanya: Tidak dapat menerima pelajaran dan nasihat yang diberikan. Seruan atau dakwah yang disampaikan oleh Nabi-nabi mengandungi hikmah mendalam, kata-kata yang penuh makna, motivasi dan ancaman. Tetapi, bagi orang-orang yang hatinya keras bagaikan batu, seruan itu tidak pernah diambil berat. Mereka tidak mempedulikan, bahkan menentang seruan Ilahi tersebut.<sup>260</sup> Dakwah yang ditujukan kepada mereka ini diumpamakan oleh HAMKA sebagaimana pepatah Melayu berikut ini: "Masuk di telinga kanan, keluar di telinga kiri."

15. "Duduk sama rendah dan tegak sama tinggi"<sup>261</sup>

Makna: Orang yang sama darjat dan sama status.<sup>262</sup> Nabi Nūḥ a.s. telah menyeru kaumnya untuk mengakui, bahawa Tuhan itu adalah satu, iaitu Allah SWT. Tetapi justeru, Nabi Nūḥ dituduh sebagai orang gila. Orang gila tidak sepatutnya dijadikan sebagai pemimpin mereka. Sikap kaum Nabi Nūḥ a.s sangat melampaui

---

<sup>258</sup> *Ibid.*

<sup>259</sup> *Ibid.*, h. 7040

<sup>260</sup> *Ibid.*

<sup>261</sup> *Ibid.*, h.7045

<sup>262</sup> Lai Choy B.A. (Hons), (2010), *op.cit.* h. 216

batas. Menurut HAMKA sikap mereka sangat tidak sesuai dengan pepatah Melayu yang mengatakan: "Duduk sama rendah dan tegak sama tinggi".<sup>263</sup>

16. "Pepatah mengatakan: tabiat manusia itu ialah hidup yang lebih maju"<sup>264</sup>

Makna: Hidup manusia cenderung untuk lebih maju. Manusia adalah makhluk yang istimewa. Di antara keistimewaannya adalah disebabkan adanya akal yang telah dikurniakan oleh Allah SWT. kepadanya. Dengan akal ini, manusia berpotensi untuk berfikir dan berkarya.<sup>265</sup>

17. "Menimbang sama berat, menggantang sama penuh"<sup>266</sup>

Makna: Keseimbangan dan keteraturan dalam sesuatu perkara. Allah SWT. telah menciptakan alam ini dengan seimbang dan teratur. Langit berdiri kuat, bumi berputar pada porosnya, demikian juga bintang-bintang, matahari, bulan dan benda-benda angkasa lainnya. Masing-masing telah memiliki tempatnya dan beredar dengan keteraturan yang sempurna. Kaitannya dengan hidup manusia, HAMKA menginginkan agar kita mengambil pelajaran dari fenomena alam tersebut, yaitu menjadikan fenomena alam ini sebagai pedoman hidup sehingga ada keteraturan dan keseimbangan dalam hidup kita.<sup>267</sup>

18. "Yang baru akan menjadi usang, yang muda akan menjadi tua"<sup>268</sup>

---

<sup>263</sup> HAMKA (2007), *op.cit.*

<sup>264</sup> *Ibid.*, h. 7072

<sup>265</sup> *Ibid.*

<sup>266</sup> *Ibid.*, h. 7074

<sup>267</sup> *Ibid.*

<sup>268</sup> *Ibid.*, h. 7083

Maknanya: Segala sesuatu yang ada di atas permukaan bumi dan juga yang ada di langit akan musnah. (Q.S. *Al-Rahmān*:26). Semuanya bersifat fana, akan habis dan lenyap. Bukan sahaja manusia atau segala yang bernyawa, bahkan matahari, bulan, bintang-bintang di angkasa akan musnah. Semua itu mulanya tidak ada, kemudian diadakan, setelah itu kelak akan selesai fungsinya dan habis. Dalam sebuah peribahasa disebutkan, "yang baru akan menjadi usang, yang muda akan menjadi tua".<sup>269</sup>

19. "Bagaimana sibuknya seorang menteri apabila pejabatnya telah terbuka, menerima orang menghadap, menerima pengaduan dan semuanya mesti diurus dan dihadapi"<sup>270</sup>

Maknanya: Bekerja keras untuk menyelesaikan hidupnya. Setiap hari Allah SWT. berada di dalam urusanNya. Bagi setiap hamba yang menyampaikan permohonan atau berdoa kepada Allah SWT., maka doa itu akan selalu didengar oleh Allah SWT., kerana Dia tidak mengenal lalai, tidak mengenal lupa dan tidak mengenal tidur. Untuk memberikan gambaran tentang sifat Tuhan itu, maka HAMKA mengemukakan perumpamaan ini. "Bagaimana sibuknya seorang menteri apabila pejabatnya telah terbuka, menerima orang menghadap, menerima pengaduan dan semuanya mesti diurus dan dihadapi." Di sini, HAMKA tidak bermaksud memperbandingkan urusan Tuhan dengan seorang menteri, apatah lagi mempersamakan urusan Tuhan dengan seorang menteri. Ini kerana dalam huraian berikutnya HAMKA memberikan keterangan dan penegasan, bahawa perumpamaan itu tidaklah bererti apa pun jika dibandingkan kepada Tuhan.

---

<sup>269</sup> *Ibid.*

<sup>270</sup> *Ibid.*,h.7085

Urusan Tuhan jauh lebih besar.<sup>271</sup> Di sini, HAMKA ingin menyebutkan, bahawa agama Islam tidak pernah mengajarkan bahawa Allah SWT. itu pernah rehat daripada pekerjaan-Nya. Agama Islam tidak menganut faham sebagaimana dianut oleh orang Kristian yang meyakini bahawa Tuhan beristirahat di hari minggu. Tidak pula menganut ajaran Yahudi, yang mengatakan bahawa Tuhan rehat pada hari Sabtu.

20. "Melayang-layang pun misalnya manusia di ruang angkasa, ke manalah akan perginya"<sup>272</sup>

Maknanya: Allah SWT. adalah Tuhan tempat kembalinya manusia. Kekuasaan pada hakikatnya adalah hanya milik Allah SWT. sahaja. Kekuasaan yang dimiliki manusia tidak akan bererti apa-apa bila dibandingkan dengan kekuasaan Allah SWT. Meskipun ia mampu pergi ke luar angkasa, melayang-layang di alam sana, tetap sahaja dirinya akan kembali kepada Tuhan yang telah menciptakannya.<sup>273</sup> Perumpamaan ini menunjukkan bahawa kekuasaan yang dimiliki manusia sangat terbatas. Akan tetapi, ketika seseorang berhasil mencapai kepada puncak kemampuannya, ia suka merasa angkuh dan sombong. Itulah salah satu sifat buruk manusia yang terkadang membawa kepada kejatuhan bagi dirinya sendiri.

21. "Sama juga dengan peringatan yang dipasang orang di dekat tempat yang ada minyak petrol "terlarang merokok; lebih baik dijauhi tempat yang dekat minyak itu daripada merokok"<sup>274</sup>

---

<sup>271</sup> *Ibid.*

<sup>272</sup> *Ibid.*, h.7089

<sup>273</sup> *Ibid.*

<sup>274</sup> *Ibid.*, h. 7094



Maknanya: Larangan mendekati perbuatan zina sebagai dosa besar. Zina adalah dosa besar yang wajib di jauhi kerana jika didekati, keadaannya sangat berbahaya, seperti halnya minyak petrol dan api, kalau ia sudah dekat, ledakan atau kebakaran akan terjadi.<sup>275</sup>

22. "Misalnya buah durian yang telah berbunga hingga lebat, maka datanglah angin yang agak keras ketika bunga-bunga itu ramai sedang bertumbuh. Ketika itulah dipertemukan di antara bunga yang jantan dengan sekuntum bunga yang betina"<sup>276</sup>

Maknanya: Segala sesuatu itu berpasangan, termasuk tumbuh-tumbuhan. Di sini HAMKA mencontohkan dengan buah durian. Tanaman durian boleh berbuah dengan adanya proses perkahwinan antara bunga yang jantan dengan bunga betina melalui angin yang berhembus.<sup>277</sup>

23. "Sedangkan di dunia ini sahaja, bila melihat sungai yang selalu mengalirkan airnya, tahun demi tahun, kita mendapati umat manusia berduyun memilih bertempat tinggal di sekelilingnya, kerana kesuburannya"<sup>278</sup>

Maknanya: Mata air adalah di antara sumber kehidupan. Di antara sifat syurga adalah terdapat dua mata air yang selalu menyembur. Keadaan ini pastinya selalu disukai oleh setiap makhluk yang hidup, termasuk manusia. Watak seperti ini dapat dilihat dari kehidupan manusia di dunia. Manusia akan berusaha mencari

---

<sup>275</sup> *Ibid.*

<sup>276</sup> *Ibid.*, h. 7097

<sup>277</sup> *Ibid.*

<sup>278</sup> *Ibid.*, h.7101

tempat tinggalnya yang dekat atau ada mata airnya.<sup>279</sup> Demikianlah maksud dari perumpamaan HAMKA ini.

24. "Sama juga dengan menanam tanam-tanaman, dia memerlukan hujan yang pertama dan hujan seterusnya, namun sudah jelas hujan yang pertama lebih penting"<sup>280</sup>

Maknanya: Keutamaan yang ada pada golongan umat yang pertama. Perumpamaan diungkapkan apabila HAMKA menjelaskan hadis nabi yang mengatakan: "*Perumpamaan umat ku adalah laksana hujan, tidak diketahui apakah permulaannya yang lebih baik atau yang datang kemudian.*" Menurut HAMKA, agama Islam ini memerlukan kepada suatu umat yang pertama yang menyampaikan ajaran tersebut kepada umat yang datang kemudian. Umat ini pula memerlukan kepada umat yang datang berikutnya yang berdiri menegakkannya sampai kepada akhirnya, untuk menyerukan kepada manusia agar tetap berpegang kepada sunnah Nabi dan menetapkannya serta menjelaskannya. Keutamaan bagi HAMKA tetap dipegang oleh umat yang datang lebih dulu.<sup>281</sup>

25. "Sudah kena air basah"<sup>282</sup>

Maknanya: Orang yang sudah ketagihan. Kalau seseorang sudah melakukan suatu dosa, maka ia akan sulit untuk meninggalkannya. Bahkan justeru akan melakukannya kali kedua dan seterusnya. Orang seperti itu menurut HAMKA

---

<sup>279</sup> *Ibid.*

<sup>280</sup> *Ibid.*, h. 7119

<sup>281</sup> *Ibid.*

<sup>282</sup> *Ibid.*, h., 7132

selari dengan pepatah yang mengatakan: "Sudah kena air basah."<sup>283</sup> Akhirnya, dia akan terus-menerus melakukan dosa besar dan bahkan boleh sahaja dia menjadi kufur.

26. "Cair menjadi tanah"<sup>284</sup>

Maknanya: Memandang segala urusan sudah berakhir. Tidak dapat diulang lagi. Perumpamaan ini ditujukan kepada orang-orang yang selama ini merasa ragu terhadap kebangkitan orang-orang yang sudah mati. Mereka berpendirian, bahawa setelah manusia meninggal dunia, maka selesailah segala urusan dan tidak akan ada hidup lagi. Bagai cair telah menjadi tanah.<sup>285</sup>

27. "Satu ekor anjing pemburu yang luka kakinya agak dalam sehingga banyak mengeluarkan darah. Kerana banyak darah yang keluar, anjing itu menjadi haus. Kerana hausnya diminumnyalah darah yang keluar dari luka itu, sehingga dari lantaran banyaknya darah yang dia minum, sehabis darah itu dihisapnya, sehabis itu pula nyawa yang ada dalam dirinya, dan pindah darah itu dari lukanya ke dalam perutnya, sampai perutnya jadi gembung kerana menghisap darahnya sendiri"<sup>286</sup>

Maknanya: Penderitaan yang terus-menerus. Perumpamaan ini masih berkaitan dengan sifat neraka, iaitu air panas yang diminum oleh penghuni neraka tidak akan menghilangkan rasa dahaganya, tetapi menambah rasa hausnya. Keadaan ini diumpamakan juga oleh HAMKA dengan seekor anjing pemburu yang luka, yang

---

<sup>283</sup> *Ibid.*

<sup>284</sup> *Ibid.*

<sup>285</sup> *Ibid.*

<sup>286</sup> *Ibid.*, h. 7134

ketika kehausan anjing itu terpaksa harus meminum darahnya sendiri kerana tidak ada air yang dijumpainya. Sehingga akhirnya perutnya menjadi kembung disebabkan darah yang dihisapnya.<sup>287</sup>

28. "Lumut yang tumbuh dalam lautan, dikipas-kipaskan oleh air laut yang selalu berombak, beralun ternyata hidup."<sup>288</sup>

Maknanya: Segala proses kehidupan yang terjadi di alam ini semuanya membuktikan kekuasaan Allah SWT.<sup>289</sup>

29. "Awal yang tidak ada berpermulaan, akhir yang tidak ada berkesudahan."<sup>290</sup>

Maknanya: Di antara sifat Allah SWT. adalah bahawa Dia Maha Permulaan dan Maha Penghabisan.<sup>291</sup>

30. "Di balik jalan mendaki akan bertemu jalan menurun"<sup>292</sup>

Maknanya: Ketika ada musibah yang menimpa, seorang mukmin harus bersikap sabar dan jangan berputus asa. Ini bersesuaian dengan perumpamaan yang disebutkan, iaitu: "di balik jalan mendaki akan bertemu jalan menurun". Demikian pula, ketika kegembiraan datang, seorang mukmin harus bersyukur.<sup>293</sup>

---

<sup>287</sup> *Ibid.*

<sup>288</sup> *Ibid.*, h. 7161

<sup>289</sup> *Ibid.*

<sup>290</sup> *Ibid.*

<sup>291</sup> *Ibid.*

<sup>292</sup> *Ibid.*, h. 7190

<sup>293</sup> *Ibid.*

### 4.3.2. Perumpamaan *Simile* (Kata Pembanding):

#### 4.3.2.1. Perumpamaan *Simile* dengan Kata Pembanding "Laksana"

1. "**Laksana** lautan anugerah yang diterima, hanya ember kecil sahaja yang menyambutnya."<sup>294</sup>

Maknanya: Amal kebajikan yang dikerjakan tidaklah berbaloi atau seimbang dengan anugerah yang telah diberikan Allah SWT. kepada hambaNya. Anugerah dan kenikmatan yang Allah SWT. berikan kepada hambaNya jauh lebih besar daripada amal kebajikan yang dilakukan hambaNya. Dalam mentafsirkan surah *Al-Tūr* ayat 28, HAMKA menyatakan, kesyukuran orang-orang yang beriman itu atas kurnia yang diberikan Allah SWT. kepada mereka. Tidaklah berbaloi amal yang dikerjakan dengan anugerah yang diterima, seraya mengungkapkan pepatah orang tua yang berbunyi: "Laksana lautan anugerah yang diterima, hanya ember kecil sahaja yang menyambutnya."<sup>295</sup> Di sini, HAMKA mengibaratkan anugerah yang diberikan Allah SWT. itu seperti air di lautan. Sedangkan amal kebajikan diumpamakan dengan air yang ada dalam ember kecil.

2. "**Laksana** orang yang berjalan musafir dalam gelap gelita malam, namun dia akan kehilangan arah dan tujuan, hendak ke mana dia pergi"<sup>296</sup>

Maknanya: Seseorang yang hidup tanpa pedoman akan mengalami kesulitan, keresahan, dan gundah-gulana. Ketika mentafsirkan surah *al-Najm* ayat 1 ini,

---

<sup>294</sup> *Ibid.*, h. 6956

<sup>295</sup> *Ibid.*

<sup>296</sup> *Ibid.*, h. 6977

HAMKA mengemukakan pendapat Imām Fakhruddīn al-Rāzī, yang mentafsirkan bahawa *al-Najm* itu bukanlah semata-mata bermakna bintang secara *ḥarfī* (makna bahasa), tetapi ia juga bermakna tumbuh-tumbuhan yang ada di bumi dan *Al-Qur'ān* yang berfungsi sebagai petunjuk. Orang yang hidupnya tanpa petunjuk *al-Qur'ān* diibaratkan seperti seorang musafir yang berjalan dalam keadaan gelap-gelita dengan tanpa arah dan tujuan.<sup>297</sup>

3. "Bahawasanya Sidrah itu dilindungi juga oleh beribu malaikat **laksana** berbondong terbangnya burung gagak"<sup>298</sup>

Makna: Gambaran tentang sesuatu yang memiliki jumlah yang besar. Dalam sebuah *ḥadīth* tentang mikraj disebutkan, bahawa Sidrah (pokok bidara) itu dilindungi oleh beribu malaikat. Di sini, HAMKA menggambarkan banyaknya malaikat yang melindungi sidrah itu -sebagaimana yang disebutkan dalam *ḥadīth* di atas- adalah seperti berbondong-bondongnya burung gagak yang sedang terbang.<sup>299</sup> Bandingan ini tidak dimaksudkan untuk menggambarkan sifat malaikatnya, akan tetapi ia adalah untuk menggambarkan tentang banyaknya bilangan malaikat.

4. "**Laksana** jalan raya yang ditaburi kembang yang harum sahaja"<sup>300</sup>

Maknanya: Perjalanan hidup yang tidak pernah mengalami kesusahan, cabaran dan tentangan. Jalan hidup yang dijalani seorang mukmin tidak luput daripada ujian dan pengorbanan. Hidup ini menurut HAMKA bukan seperti jalan raya yang

---

<sup>297</sup> *Ibid.*

<sup>298</sup> *Ibid.*, h. 6989

<sup>299</sup> *Ibid.*

<sup>300</sup> *Ibid.*, h.7003

ditaburi dengan bunga yang menebarkan semerbak bau wangi sahaja.<sup>301</sup>

Demikianlah HAMKA memberikan perumpamaan bagi kehidupan yang dijalani oleh setiap insan di dunia.

5. "Dia bangun **laksana** belalang, namun dia sedar akan dirinya, sedar akan dosanya dan sedar akan kekurangan, kesalahan yang telah diperbuatnya dalam hidupnya yang pertama itu"<sup>302</sup>

Maknanya: Dibangkitkannya manusia dari kubur. Pada hari kiamat nanti, manusia akan dibangkitkan untuk menghadapi proses pengadilan di mahkamah Yang Maha Adil, iaitu mahkamah yang tidak akan salah dan keliru dalam memutuskan suatu hukuman. Itulah hari pembalasan. Allah SWT. menjelaskan keadaan orang-orang yang dibangkitkan dari kuburnya dengan sebuah perumpamaan yang cukup indah. Orang-orang yang dibangkitkan itu layaknya seperti belalang yang berterbangan. Perumpamaan tersebut dikemukakan lagi oleh HAMKA dalam huraian tafsirnya dengan bahasanya sendiri. Kata "keluar" sebagaimana dalam teks ayat, dimaknakannya dengan kata "bangun". "Dia bangun laksana belalang, namun dia sedar akan dirinya, sedar akan dosanya dan sedar akan kekurangan, kesalahan yang telah diperbuatnya dalam hidupnya yang pertama itu."<sup>303</sup>

6. "Dan tanah itu disaring lagi sampai kering **laksana** tembikar"<sup>304</sup>

Maknanya: Sesuatu benda yang liat dan kering. Dalam surah *al-Rahmān* ayat 14, Allah SWT. menjelaskan, bahawa manusia itu diciptakan dari tanah liat bagai

---

<sup>301</sup> *Ibid.*

<sup>302</sup> *Ibid.*, h.7043

<sup>303</sup> *Ibid*

<sup>304</sup> *Ibid.*, h. 7078

tembikar. Berkenaan dengan ayat ini, HAMKA memberikan tafsiran, bahawasanya asal semula manusia itu daripada tanah, iaitu tanah liat, kemudian tanah itu disaring lagi hingga menjadi kering laksana tembikar.<sup>305</sup>

7. "**Laksana** sabut kelapa yang diapung-apungkan oleh air"<sup>306</sup>

Maknanya: Suatu benda yang nampak ringan dan kecil. Meskipun kapal-kapal itu terbuat dari besi dengan segala muatannya yang berat, kapal-kapal tersebut boleh berlayar terapung di permukaan air laut; menelusuri pulau-pulau, dan juga benua ke benua. Tidak lain, ini semua adalah kekuasaan Allah SWT. HAMKA mengumpamakan kapal-kapal itu dengan sabut kelapa yang diapungkan oleh air. Mula-mula, kapal itu boleh berlayar dengan menggunakan tenaga angin belaka. Tapi kemudian seiring dengan perkembangan dan kemajuan akal manusia, kapal itu dapat digerakkan dengan tenaga lain, seperti stom, wap, dan dengan enjin. Pada era moden ini, kapal tersebut boleh berlayar dengan menggunakan tenaga atom.<sup>307</sup>

8. "**Laksana** gunung-gunung di lautan yang maha luas"<sup>308</sup>

Maknanya: Pelajaran dari pelayaran sebuah kapal yang laksana gunung-gunung di lautan itu adalah bahawa hidup manusia saling memerlukan antara satu dengan yang lainnya. Manusia cari-mencari, hubung-menghubung bagi memenuhi kepentingannya masing-masing.<sup>309</sup>

---

<sup>305</sup> *Ibid.*

<sup>306</sup> *Ibid.*, h. 7072

<sup>307</sup> *Ibid.*

<sup>308</sup> *Ibid.*, h. 7083

<sup>309</sup> *Ibid.*



9. "Menafkahkan harta benda, akan diberi upah **laksana** menanamkan suatu benih, yang satu benih menumbuhkan tujuh dahan, dan satu dahan menumbuhkan 100 buah, menjadi satu benih yang ditanam memberikan ganjaran 700 buah, menjadi satu benih yang ditanam memberikan ganjaran 700 buah"<sup>310</sup>

Maknanya: Pahala yang berlipat ganda. Perumpamaan ini dikemukakan oleh HAMKA bagi menguatkan firman Allah SWT. dalam surah *al-Raḥmān* ayat 60 dan *ḥadīth* nabi yang berbunyi: "*Suatu kebajikan yang diperbuat akan diberi ganjaran dengan sepuluh kali yang seumpamanya*".<sup>311</sup> Perumpamaan yang diungkapkan HAMKA itu sumbernya adalah *al-Qur'ān*, iaitu surah *al-Baqarah* ayat 261.

10. "Hati ini tidaklah akan sampai sekeras itu **laksana** batu"<sup>312</sup>

Maknanya: Sikap yang menyimpan harapan dan rasa optimis. Perumpamaan ini melukiskan rasa optimisme HAMKA. Ia berharap seruan-seruan Allah SWT. dan juga rasul-Nya dapat masuk ke hati orang-orang yang beriman. Gambaran tentang Syurga mudah-mudahan boleh diyakini oleh hati setiap manusia. Hati manusia ini, menurutnya tidaklah akan sampai kerasnya seperti batu.<sup>313</sup>

11. "Dosa itu besar **laksana** gunung yang akan menimpa diri kita"<sup>314</sup>

Maknanya: Dosa merupakan sesuatu yang membawa manusia kepada kebinasaan dan kesengsaraan. Untuk menjadi manusia yang terbaik, iaitu hamba yang boleh

---

<sup>310</sup> *Ibid.*, h. 7100

<sup>311</sup> *Ibid.*

<sup>312</sup> *Ibid.*, h. 7106

<sup>313</sup> *Ibid.*,

<sup>314</sup> *Ibid.*, h. 7122

masuk ke dalam syurga Allah SWT., maka sudah sepatutnya manusia berfikir dan merenung atas dosa-dosa yang telah diperbuatnya. Anggaphlah dosa-dosanya itu besarnya seperti gunung-ganang yang bila-bila masa akan menimpa dirinya.<sup>315</sup>

12. "**Laksana** terbakarlah perutnya yang membawa sengsara"<sup>316</sup>

Maknanya: Keadaan yang penuh dengan kepedihan, kesakitan dan kesengsaraan. Ahli neraka akan diberikan minuman yang sangat panas. (Q.S. *al-Wāqi'ah*:55). Dalam ayat ini Allah SWT. mendatangkan suatu perumpamaan, bahawa penghuni neraka ini akan meminum air panas itu sebagaimana minumannya unta yang sangat haus. Air panas itu tidak menghilangkan rasa haus mereka, malah menambah rasa haus.<sup>317</sup> Di sinilah kemudian HAMKA mendatangkan perumpamaannya, bahawa kondisi ahli neraka tersebut laksana perut yang terbakar yang mengakibatkan kepada kesengsaraan yang terus-menerus dan teruk.

13. "**Laksana** duta-duta utusan mulia ke langit dunia"<sup>318</sup>

Maknanya: Para malaikat yang diutus membawa *al-Qur'ān*. *Al-Qur'ān* yang tadinya satu jumlah di *Lawh al-Mahfūz*, lalu dihantarkan oleh malaikat-malaikat yang mulia. Malaikat-malaikat yang mulia itu bagaikan duta-duta utusan mulia ke langit dunia. Dari *Lawh al-Mahfūz* disampaikan kepada Jibril a.s dalam dua puluh malam, dan dari Jibril a.s. menyampaikannya pula kepada Muḥammad dalam masa dua puluh tahun.<sup>319</sup>

---

<sup>315</sup> *Ibid.*

<sup>316</sup> *Ibid.*, h. 7134

<sup>317</sup> *Ibid.*

<sup>318</sup> *Ibid.*, h. 7144

<sup>319</sup> *Ibid.*

14. "Membaca cahaya petunjuk **laksana** bintang-bintang"<sup>320</sup>

Maknanya: Apa yang dimaksudkan dengan membaca cahaya petunjuk adalah membaca ayat-ayat *al-Qur'ān* yang diumpamakan seperti bintang.<sup>321</sup>

15. "**Laksana** raksasa".<sup>322</sup>

Maknanya: Melukiskan sesuatu yang kuat, besar dan kukuh. Hanya Allah SWT. sahajalah yang patut disucikan oleh manusia. Dialah Tuhan yang Maha Gagah dan Perkasa. Perumpamaan ini ditujukan kepada kemegahan dan kekukuhan sebuah bangunan jambatan yang menghubungkan kota Makkah dan Madinah. Kekukuhan dan kebesaran bangunan jambatan itu menurut HAMKA bagaikan raksasa. Tetapi, dalam sekelip mata bangunan yang kuat dan kukuh tadi menjadi hancur disebabkan banjir kerana hujan lebat selama kira-kira setengah jam.<sup>323</sup> Di sinilah nampak kekuatan dan keperkasaan Allah SWT. Dialah Tuhan yang seharusnya kita sucikan.

16. "**Laksana** dari Madinah sampai ke 'Adn dan Shan'a (Yaman)."<sup>324</sup>

Maknanya: Kekuatan cahaya yang memancar. Perumpamaan ini datang dari Nabi Muḥammad SAW. yang bersabda: bahawa ada orang yang beriman yang memancarkan cahayanya laksana dari Madinah sampai ke 'Adn dan Shan'a (Yaman).<sup>325</sup>

---

<sup>320</sup> *Ibid.*, h.7145

<sup>321</sup> *Ibid.*

<sup>322</sup> *Ibid.*, 7160

<sup>323</sup> *Ibid*

<sup>324</sup> *Ibid.*, h. 7173

<sup>325</sup> *Ibid.*

17. "**Laksana** orang yang menggosok berlian."<sup>326</sup>

Maknanya: Orang-orang yang kehilangan cahaya adalah orang yang tidak menggosok dirinya agar bercahaya. Iaitu orang-orang yang selama hidupnya di dunia tidak menghiasi dirinya dengan amal salih atau amal kebajikan. Orang seperti ini diumpamakan oleh HAMKA seperti orang yang menggosok berlian.<sup>327</sup>

18. "**Laksana** keldai memikul kitab-kitab." (*Al-Qur'ān*)<sup>328</sup>

Maknanya: Kebodohan dan kedegilan seseorang yang sudah melampau kerana tidak mahu menerima dan melaksanakan perintah Allah SWT. Dalam surah *al-Haḍīd* ayat 16 ini mengingatkan umat Muḥammad SAW. bahawasanya ayat-ayat Allah SWT. di dalam *al-Qur'ān* hendaklah menimbulkan kusu dan menimbulkan cita-cita yang tinggi untuk mengamalkan isinya. Dalam mentafsirkan ayat ini, HAMKA menukikan tafsiran Ibn Kathīr yang mengatakan agar umat Muḥammad SAW. tidak seperti orang-orang yang dimisalkan oleh Allah SWT. di dalam *al-Qur'ān*, iaitu laksana kelidai yang memikul kitab-kitab.<sup>329</sup> Bagaimanapun beratnya benda yang dipikul, namun dia tidak tahu akan apa isinya.

19. "Negeri-negeri yang telah lama kering itu **laksana** mati itu, bisa hidup kembali kerana teraturnya mendapat air."<sup>330</sup>

---

<sup>326</sup> *Ibid.*, h. 7176

<sup>327</sup> *Ibid.*

<sup>328</sup> *Ibid.*, h. 7181

<sup>329</sup> *Ibid.*

<sup>330</sup> *Ibid.*, h.7182

Maknanya: Tanah yang kering akan subur kembali dengan adanya air hujan. Di sini HAMKA mengumpamakan negeri-negeri yang telah lama kering itu dengan negeri-negeri yang sudah mati.<sup>331</sup>

20. "**Laksana** hujan lebat yang menakjubkan petani melihat tumbuh tanamannya".  
(Q.S. *al-Ḥadīd*: 20)<sup>332</sup>

Maknanya: Sifat dan karakter manusia yang suka berbangga dengan main-main, senda-gurau, berhias, berbangga-bangga kerana pangkat dan kedudukan, banyak anak dan harta benda.<sup>333</sup> Dalam mentafsirkan ayat ini, HAMKA mengemukakan perumpamaan daripada ayat *al-Qurān* yang ditafsirkannya.

21. "**Laksana** ikan hidup dalam air asin di laut"<sup>334</sup>

Maknanya: Orang yang taat, beriman dan bertakwa kepada Allah SWT., maka hidupnya di dunia ini akan menjadi tenang dan tenteram. Ketenangan mereka diumpamakan oleh HAMKA seperti ikan yang hidup dalam air masin di laut.<sup>335</sup>

---

<sup>331</sup> *Ibid*

<sup>332</sup> *Ibid.*, h. 7186

<sup>333</sup> *Ibid.*

<sup>334</sup> *Ibid.*, 7197

<sup>335</sup> *Ibid*

#### 4.3.2.2. Perumpamaan Simile dengan Kata Pembanding "Seumpama":

1. "**Seumpama** membangun rumah bertingkat sampai seratus tingkat, sebagai *Empire State Building* di New York Amerika"<sup>336</sup>

Maknanya: Kehebatan manusia mencapai perkembangan dan kemajuan. Di dalam bumi ini terdapat tanda-tanda bagi orang yang yakin. (Q.S. *Al-Dhāriyā*:20). Dalam mentafsirkan ayat ini, HAMKA menjelaskan bahawa untuk menumbuhkan keyakinan tentang eksistensi (keberadaan) Allah SWT., maka kita harus memperhatikan alam yang ada di sekeliling kita, termasuk memperhatikan kehebatan akal manusia dalam mencapai kemajuannya menciptakan sesuatu yang dipandang moden. Kehebatan manusia itu diumpamakan oleh HAMKA dengan keberhasilannya dalam membangun binaan (rumah) bertingkat sampai seratus tingkat, iaitu *Empire State Bulding* di New York Amerika.<sup>337</sup>

2. "**Seumpama** mendiang Prof. Snouck Hourgronje, seorang orientalis Belanda yang sangat kenamaan"<sup>338</sup>

Maknanya: Gambaran orang atau kaum yang suka mengada-adakan berita atau cerita yang penuh dusta, padahal hakikatnya dia tidak percaya kepada Allah SWT. Dalam mentafsirkan surah *Al-Ṭūr*:33, HAMKA menjelaskan, bahawa mereka (orang kafir) tidak mahu percaya bahawa *al-Qur'ān* itu adalah wahyu daripada Allah SWT. Bahkan mereka menuduh bahawa wahyu itu buatan Muḥammad

---

<sup>336</sup> *Ibid.*, h. 6907

<sup>337</sup> *Ibid.*

<sup>338</sup> *Ibid.*, h. 6962

sahaja.<sup>339</sup> Sikap mereka yang melampau ini diumpamakan dengan seorang orientalis Belanda, Prof. Snouck Hourgronje.<sup>340</sup>

3. "**Seumpama** orang yang melihat awan berarak di pinggir gunung sangat indah, lalu dia berkhayal bahawa dalam awan yang berarak itu ada anak bidadari"<sup>341</sup>

Makna: Segala ungkapan atau pernyataan yang berdasarkan kepada hasil khayalan sahaja. Tidak berasas dan masuk akal. Dalam ayat 26 surah *al-Najm*, disebutkan bahawa jumlah malaikat di langit itu sangat banyak. Dalam *ḥadīth* juga disebutkan jumlah malaikat yang bersembahyang di *Bait al-Makmūr* mencapai sekitar 70.000 malaikat. Pada hari berikutnya datang lagi Malaikat-malaikat yang lain dengan jumlah yang sama. Malaikat-malaikat itu diberi nama oleh orang-orang yang kafir terhadap hari akhirat dengan nama perempuan. Dakwaan mereka menurut HAMKA adalah hanyalah persangkaan belaka, iaitu khayalan yang timbul dalam hati, tetapi tidak beralasan.<sup>342</sup>

4. "**Seumpama** orang yang melakukan las pada besi, maka kelihatanlah api itu sudah tidak merah lagi, tetapi sudah mendekat kepada hijau"<sup>343</sup>

Maknanya: Nyala api yang sudah sangat murni. Disebutkan dalam ayat 15 surah *al-Rahman*, jin diciptakan dari api yang sangat menyala. Perumpamaan ini dikemukakan HAMKA untuk menjelaskan keterangan yang disampaikan oleh Ibn

---

<sup>339</sup> *Ibid.*

<sup>340</sup> Prof. Snouck Hourgronje adalah seorang orientalis Belanda yang ingin mengetahui Islam sedalam-dalamnya. Untuk mewujudkan obsesinya ini, maka dia masuk Islam dan berhasil berdiam di Makkah hingga tiga tahun, dengan memakai nama: Syekh Ibrahim Snouck al-Holandi. Tetapi kemudian setelah mengarang tentang Islam dengan tajuk "Perayaan Haji di Makkah", dapatlah diambil kesimpulan bahawa dirinya tidak percaya kepada Islam, tidak percaya bahawa *al-Qur'ān* itu adalah wahyu.

<sup>341</sup> HAMKA (2007), *op.cit.* h. 7000

<sup>342</sup> *Ibid.*

<sup>343</sup> *Ibid.*, h. 7079

‘Abbās yang mengatakan, bahwa maksud daripada api yang sangat menyala adalah api yang sudah sangat murni apinya. Jadi, menurut HAMKA, api yang sudah sangat murni apinya itu ialah api yang warnanya sudah tidak merah lagi, tapi mendekati kepada warna hijau.<sup>344</sup>

5. "**Seumpama** kota New York, London, Paris, bahkan Jakarta sendiri, rumah-rumah telah berdesakan dan bertingkat-tingkat sampai 30 dan 40 tingkat"<sup>345</sup>

Makna: Alam lingkungan yang sudah tidak ada keamanan, kenyamanan, ketenteraman dan keselesaan. Perumpamaan ini diungkapkan oleh HAMKA ketika menerangkan ayat 50 surah *al-Rahmān*, iaitu "Pada keduanya ada dua mata air yang mengalir". Dari ayat ini, HAMKA menjelaskan tentang kenyamanan dan keindahan ketika berada di sebuah tempat yang ada mata air. Kemudian dengan mata air tersebut tanaman seperti bunga-bunga akan tumbuh subur. Pada masa yang sama, HAMKA juga mengungkapkan keprihatinannya terhadap kondisi alam yang sudah tidak nyaman dan selesa lagi disebabkan rumah-rumah yang berdesakan, gedung-gedung yang tinggi dan air yang sudah tercemar. Lingkungan yang sudah rosak ini, HAMKA mencontohkannya dengan bandar-bandar seperti New York, London, Paris dan Jakarta. Bandar-bandar ini, menurut HAMKA sudah jauh dari fenomena atau sifat syurga, kerana sukarnya mencari tempat letak kenderaan.<sup>346</sup>

---

<sup>344</sup> *Ibid.*

<sup>345</sup> *Ibid.* h. 7095

<sup>346</sup> *Ibid.*



6. "**Seumpama** hujan yang lebat atau rinai bagi menyuburkan bumi."<sup>347</sup>

Maknanya: Segala sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat. Apa yang turun dari langit dicontohkan oleh HAMKA seperti hujan yang lebat atau renyai yang memiliki manfaat yang sangat besar. Di antaranya adalah bagi menyuburkan bumi.<sup>348</sup>

7. "**Seumpama** orang menanam biji, satu biji menumbuhkan tujuh dahan dan satu dahan memberi 100 buah hasil" (*Ayat Al-Qur'ān*)<sup>349</sup>

Maknanya: Menggambarkan banyaknya pahala atau ganjaran yang berlipat ganda bagi orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah SWT.<sup>350</sup>

#### 4.3.2.3. Perumpamaan *Simile* dengan Kata Pembanding "Bagai"

1. "Seumpama membangun rumah bertingkat sampai seratus tingkat, **sebagai** *Empire State Building* di New York Amerika"<sup>351</sup>

Maknanya: Kehebatan manusia mencapai perkembangan dan kemajuan. Di dalam bumi ini terdapat tanda-tanda bagi orang yang yakin. (Q.S. *Al-Dhāriyāt*:20). Dalam mentafsirkan ayat ini, HAMKA menjelaskan bahawa untuk menumbuhkan keyakinan tentang eksistensi Allah SWT., maka kita harus memperhatikan alam yang ada di sekeliling kita. Termasuk memperhatikan kehebatan akal manusia dalam mencapai kemajuannya menciptakan sesuatu yang dipandang moden.

---

<sup>347</sup> *Ibid.* h. 7164

<sup>348</sup> *Ibid*

<sup>349</sup> *Ibid.*, h. 7172

<sup>350</sup> *Ibid.*

<sup>351</sup> *Ibid.*, h.6907

Kehebatan manusia itu diumpamakan oleh HAMKA dengan keberhasilannya dalam membangun binaan (rumah) bertingkat sampai seratus tingkat, iaitu *Empire State Bulding* di New York Amerika.<sup>352</sup>

2. "**Sebagaimana** nasi sepiring pun sudah ada dalam pinggan, namun selamanya nasi itu tidak akan masuk ke dalam mulut kalau tidak diambil dengan tangan dan dimasukkan ke mulut."<sup>353</sup>

Maknanya: Rezeki tidak akan diperoleh dengan cara berdiam diri, akan tetapi ia boleh didapati dengan jalan usaha atau ikhtiar. Dalam surah *Al-Dhāriyāt* ayat 22, ditegaskan bahawa rezeki manusia itu sudah dijamin oleh Allah SWT.. Bagi menjelaskan ayat ini, HAMKA mengatakan, agar manusia tidak berputus asa dan juga tidak boleh berdiam diri. Rezeki yang turun dari langit itu tidak boleh ditunggu, tetapi harus didapatkan dengan cara usaha dan ikhtiar.<sup>354</sup> Bagi menguatkan huraian tafsirnya, maka dikemukakanlah perumpamaan tersebut.

3. "**Bagai** orang bisu bermimpi"<sup>355</sup>

**Makna:** Tidak mampu mengutarakan isi hatinya. Kemampuan berbicara adalah kenikmatan yang sangat besar. Tidak lain, yang mengajarkan manusia itu pandai berbicara adalah Allah SWT. HAMKA mengatakan, bahawa kemajuan suatu bangsa dilihat dari kecekapan seseorang dalam menggunakan sebuah bahasa. Oleh sebab itu, HAMKA mengungkapkan keprihatinan dirinya terhadap orang yang

---

<sup>352</sup> *Ibid.*

<sup>353</sup> *Ibid.*, h. 6906

<sup>354</sup> *Ibid.*

<sup>355</sup> *Ibid.*, h. 7072

tidak mampu menggunakan lidahnya untuk menyatakan perasaan hatinya.<sup>356</sup>

Keprihatinannya itu disertai dengan mengemukakan peribahasa perumpamaan sebagai berikut: "Bagai orang bisu bermimpi", ke mana dan bagaimana dia menerangkan mimpinya?.

4. "Awan tadi menurun *menyerupai* "lidah" raksasa yang menukik ke bawah " dan kedengaran suara *sebagai* bunyi mesin di sebuah kilang besar".<sup>357</sup>

Maknanya: Suara gemuruh yang mengganggu telinga. Dalam sains, air hujan berasal dari air laut yang masin. Wap yang dihasilkan kerana bantuan sinar matahari naik ke atas dengan dorongan angin. Wap itu kemudian menjadi banyak dan tebal dan disebut dengan awan. Tetapi, ketika awan itu dibawa oleh angin dan berbenturan, maka ia berubah menjadi air yang turun ke bumi. Air itu tidak masin, tetapi sudah menjadi tawar. Tentang proses air hujan ini, HAMKA menyerupakan awan yang turun dibawa angin itu seperti lidah raksasa yang menukik ke bawah. Setelah awan itu turun ke bawah, maka terdengar suara gemuruh. Suara gemuruh itu diumpamakan oleh HAMKA seperti bunyi enjin di sebuah kilang besar.<sup>358</sup>

5. "Keadaan **bagai** bertambah gelap gelita."<sup>359</sup>

Maknanya: Orang kafir dan orang munafik tidak mendapatkan cahaya di akhirat kelak.<sup>360</sup>

---

<sup>356</sup> *Ibid.*

<sup>357</sup> *Ibid.*, h. 7141

<sup>358</sup> *Ibid.*

<sup>359</sup> *Ibid.*, h. 7175

<sup>360</sup> *Ibid.*

#### 4.3.2.4. Perumpamaan Simile dengan Kata Pembanding "Seperti":

1. "**Seperti** di dunia, orang yang hidupnya telah penuh oleh dosa, wajah telah gelap, dia kehilangan cahaya, mulutnya tidak bersuara lagi"<sup>361</sup>

Maknanya: Mulut manusia akan terkunci ketika ditanya pada hari pembalasan nanti. Mulut mereka tidak mampu untuk membantah, tidak lain itu semuanya disebabkan dosa dan kesalahannya. Di dunia sahaja, orang yang hidupnya telah bergelumang dosa, maka wajahnya nampak gelap, kehilangan cahaya dan mulutnya diam seribu bahasa.<sup>362</sup> Itulah gambaran di dunia bagi orang-orang yang bergelumang dengan dosa dan maksiat. Berbeza dengan orang yang kuat imannya, dia akan memandang dengan cahaya Allah SWT.

2. "**Seperti** laki-laki yang berdiri"<sup>363</sup>

Maknanya: sesuatu yang menggambarkan tentang kadar cahaya yang dimiliki oleh suatu makhluk yang kelak akan menjadi pemandu dirinya pada saat melalui titian *Sirāt al-Mustaqīm*.<sup>364</sup> Kadar cahaya itu adalah seperti laki-laki yang berdiri.

3. "**Seperti** kegelapan di dalam lautan yang bergelombang, ditimpa oleh ombak, di atasnya ombak pula, dan di atasnya ada awan yang gelap."<sup>365</sup>

---

<sup>361</sup> *Ibid.*, h.

<sup>362</sup> *Ibid.*, h. 7092

<sup>363</sup> *Ibid.*, h. 7173

<sup>364</sup> *Ibid.*

<sup>365</sup> *Ibid.*, h. 7174

Maknanya: Orang-orang beriman kelak akan diberikan cahaya, namun bagi orang-orang kafir dan orang munafik mereka tidak diberi cahaya apa-apa. Bagi mereka adalah kegelapan. Kegelapan mereka digambarkan oleh HAMKA sebagaimana dalam perumpamaan ini, yaitu surah al-Nūr ayat 4.

#### 4.3.2.5. Perumpamaan *Simile* dengan Kata Pembandingan "Ibarat"

1. "**Ibarat** orang yang membuat hitungan horizontal, ukuran bulat, maka garis-garis yang ditarik kepada segala pihak, tidak mungkin berbilang asal, mesti berasal dari satu pihak. Dari satu pihak itu datangnya dan kepada satu pihak itu jua kembalinya. Kalau tidak demikian nescaya kacaulah cara kita berfikir."<sup>366</sup>

Maknanya: Memusatkan arah fikiran kepada titik tertentu, termasuk dalam masalah keyakinan akidah. Dalam keyakinan Islam, Tuhan adalah satu, iaitu Dialah Allah SWT. yang sepatutnya disembah. Menurut HAMKA, mempersekutukan Allah SWT. dengan yang lain hanya membuat tujuan hidup selamanya jadi pecah. Ini kerana makrifatnya tidak bulat. Oleh itu, HAMKA menegaskan agar fikiran kita tidak dipecahkan atau dibahagi-bahagikan, melainkan dibulatkan hanya kepada Allah SWT. Untuk menguatkan pernyataannya, dikemukakanlah perumpamaan ini, "Ibarat orang yang membuat hitungan horizontal."<sup>367</sup>

2. "**Ibarat** berhitung, kalau sudah salah menuliskan angka, dalam menuliskan perhitungan, jumlahnya akan tetap salah juga"<sup>368</sup>

---

<sup>366</sup> *Ibid.*, h. 6924

<sup>367</sup> *Ibid.*

<sup>368</sup> *Ibid.*, h. 7002

Maknanya: Tujuan hidup yang jelas dan benar harus ditentukan sejak awal. Kalau salah dalam memilih arah tujuan hidup, nescaya dia akan tersesat dan menyesal. Menurut HAMKA, surah *al-Najm* ayat 31 ini memberi pedoman hidup yang mesti dijadikan sebagai pegangan bagi orang yang beriman. Jalan salah yang telah ditempuh, kesudahannya pun kesalahan juga. "Ibarat berhitung, kalau sudah salah menuliskan angka, dalam menuliskan perhitungan, jumlahnya akan tetap salah juga". Demikian bandingan yang HAMKA kemukakan.<sup>369</sup>

#### 4.3.2.6. Perumpamaan *Simile* dengan Kata Pembanding "Se"

1. "Semata tergiur melihat perempuan cantik, bernamalah sepintas lalu".<sup>370</sup>

Maknanya: Sepintas lalu. Agar seseorang terhindar dari perbuatan dosa besar zina tersebut, maka di antara jalan keluarnya, Islam mengajarkan umatnya agar menjaga pandangan. Rasulullah SAW. telah melarang kita untuk mengikuti pandangan pertama dengan pandangan yang kedua. Pandangan pertama dalam ertiian sepintas lalu itu masih dimaafkan. Tetapi kalau diikuti dengan pandangan kedua, itu sudah masuk keinginan syaitan, yang tentunya akan menyebabkan kepada dosa. Untuk menggambar pandangan pertama disebabkan sepintas lalu ini, HAMKA menyebutnya dengan "semata tergiur"<sup>371</sup>.

2. "Setelah hancur dalam kuburnya adalah se bingkah ganah"<sup>372</sup>

---

<sup>369</sup> *Ibid.*

<sup>370</sup> *Ibid.*, h. 7003

<sup>371</sup> *Ibid.*

<sup>372</sup> *Ibid.*, h. 7137

Maknanya: Sesuatu yang lemah dan tidak berguna apa-apa. Setiap yang bernyawa akan menemui ajalnya sendiri, termasuk manusia. Ia tidak akan hidup selamanya di muka bumi. Yang muda akan menjadi tua, yang tadinya gagah perkasa akan menjadi lemah, sehingga akhirnya dia akan mati dan akan dikuburkan. Anak kecil yang menangis dalam pangkuan ibunya 80 tahun yang lalu, setelah hancur dalam kuburnya adalah hanya sebingkah Ganah sahaja, iaitu tulang belulang yang berserakan.<sup>373</sup>

3. Dia (Allah) dekat kepada semua orang sedekat urat nadi"<sup>374</sup>

Maknanya: Menunjukkan jarak yang begitu dekat antara Allah SWT. dengan hambaNya. iaitu seperti dekatnya urat nadi. Begitulah perumpamaan yang dikemukakan oleh HAMKA.<sup>375</sup> Firman Allah SWT.: "*Dan Kami adalah lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat.*" (QS. *Al-Wāqi'ah*:85)

4. "Seekor induk laba-laba atau lawah betina, duduk tertegun dan terdiam menunggu saatnya datang"<sup>376</sup>

Maknanya: Proses kehidupan yang terjadi di alam ini semuanya merupakan tanda-tanda kekuasaan Allah SWT.<sup>377</sup>

5. "Sekecil bintang-bintang yang kita lihat di cakrawala (luar angkasa) langit"<sup>378</sup>

---

<sup>373</sup> *Ibid.*

<sup>374</sup> *Ibid.*, h.7151

<sup>375</sup> *Ibid.*

<sup>376</sup> *Ibid.*, h. 7161

<sup>377</sup> *Ibid.*

<sup>378</sup> *Ibid.*, h.7165

Maknanya: Ukuran benda yang dianggap kecil. Bagi-Nya, bumi ini sangat kecil. Kecilnya bumi bagi Allah SWT. diumpamakan oleh HAMKA dengan kecilnya bintang-bintang di cakerawala langit yang dilihat oleh manusia<sup>379</sup>.

6. "Sebesar gunung"<sup>380</sup>

Maknanya: Melukiskan besarnya cahaya yang dimiliki suatu makhluk ketika kelak akan menjadi pemandu dirinya pada saat akan melalui titian *Sirāṭ al-Mustaqīm*.<sup>381</sup>

7. "Setinggi pohon kurma"<sup>382</sup>

Maknanya: Gambaran tingginya cahaya yang dimiliki suatu makhluk ketika kelak akan menjadi pemandu dirinya pada saat akan melalui titian *Sirāṭ al-Mustaqīm*.<sup>383</sup>

8. "Sebesar jarinya sahaja"<sup>384</sup>

Maknanya: Gambaran kecilnya cahaya yang ada pada suatu makhluk ketika kelak akan menjadi pemandu dirinya pada saat akan melalui titian *Sirāṭ al-Mustaqīm*. Cahaya itu terkadang terang dan terkadang gelap.<sup>385</sup>

9. "Tinggi sampai sebesar gunung, rendah sampai serendah empu kaki"<sup>386</sup>

---

<sup>379</sup> *Ibid.*

<sup>380</sup> *Ibid.*, h. 7173

<sup>381</sup> *Ibid.*

<sup>382</sup> *Ibid.*

<sup>383</sup> *Ibid.*

<sup>384</sup> *Ibid.*

<sup>385</sup> *Ibid.*

<sup>386</sup> *Ibid.*



Maknanya: Apabila cahaya telah lekat di dunia, maka ia akan tetap lekat hingga di akhirat. Cahaya itu telah ditentukan kadarnya, sesuai dengan darjat iman yang dimilikinya.<sup>387</sup> "Tinggi sampai sebesar gunung-ganang, rendah serendah empu kaki". Demikian yang diumpamakan HAMKA.

#### 4.4. HUBUNGAN PERUMPAMAAN DENGAN MAKNA AYAT YANG DITAFSIRKAN

Untuk penyelidikan lebih lanjut tentang perumpamaan-perumpamaan HAMKA dalam tafsir *al-Azhar* juzuk 27 ini, maka pengkaji juga akan melakukan analisis dari sudut hubungan antara perumpamaan-perumpamaan HAMKA tersebut dengan makna ayat yang ditafsirkan.

Bagi memudahkan perbahasan ini, pengkaji akan melakukan analisis perumpamaan-perumpamaan HAMKA yang sudah pun di atas berdasarkan tajuk atau temanya. Sehingga dengan demikian, ia diharapkan akan lebih membuka jalan fikiran bagi mengetahui hubungan antara perumpamaan yang disebutkan oleh pentafsir dengan konteks ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkan.

Pengkaji juga berkeyakinan, bahawa perumpamaan-perumpamaan yang dikemukakan HAMKA dalam karya tafsirnya ini bukan suatu kebetulan, tetapi sememangnya mempunyai nilai atau makna yang selari dengan makna ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkannya.

---

<sup>387</sup> *Ibid.*

Jadi, dalam perbahasan ini ada dua persoalan utama yang hendak pengkaji dedahkan, iaitu: Pertama, Mengenal pasti perumpamaan HAMKA dari segi tajuk atau topiknya; kedua perbahasan mengenai hubungan perumpamaan HAMKA dengan makna ayat dengan disertai contoh-contohnya.

#### **4.4.1. Mengenal Pasti Perumpamaan HAMKA dari Segi Topiknya**

Tidak syak lagi, perumpamaan merupakan salah satu peribahasa atau gaya bahasa yang mengandungi kesannya tersendiri. Dengan menggunakan gaya bahasa perbandingan ini, maksud dari suatu pesanan yang ingin disampaikan jelas nampak dan terserlah dengan lebih baik. Kaitan dengan huraian tafsirnya ini, memperlihatkan HAMKA sekali-sekala mengemukakan peribahasa perumpamaan dengan tujuan agar huraian tafsirnya bagi ayat-ayat *al-Qur'ān al-Karīm* tersebut nampak lebih jelas dan difahami oleh setiap pembacanya, khususnya di kalangan masyarakat yang berbahasa Melayu.

Berdasarkan pada data-data yang sudah diperoleh, perumpamaan-perumpamaan HAMKA dalam huraian-huraian tafsirnya juzuk 27 ini dapat dibahagikan menjadi beberapa tajuk penting. Tajuk-tajuk ini berhubung kait dengan masalah asas seperti: akidah dan pemikiran, akhlak dan tasawuf, hukum-hakam, ibadah dan sains.

Dalam hal ini, perumpamaan yang berhubung kait dengan tajuk yang membincangkan masalah akidah atau pemikiran adalah lebih banyak bilangannya dibandingkan dengan tajuk-tajuk lainnya. Selepas itu, diikuti dengan masalah akhlak atau tasawuf, sains, hukum-hakam dan ibadah.

#### 4.4.1.1. Masalah Akidah dan Pemikiran

Di sini, pengkaji menggabungkan masalah akidah dengan pemikiran, hal ini disebabkan, bahawa kedua istilah ini antara satu dengan yang lainnya saling berhubung kait. Meskipun keduanya memiliki pengertian yang berbeza.

Perumpamaan yang ada hubung kaitnya dengan masalah akidah dan pemikiran ini didapati sekitar 40 perumpamaan, sama ada perumpamaan *semile* ataupun perumpamaan metafora. Dari 40 perumpamaan yang berhubung kait dengan masalah akidah dan pemikiran ini, ia pula meliputi perkara-perkara sebagaimana berikut:

1. Iman kepada Allah SWT.
2. Pendustaan terhadap risalah Nabi SAW.
3. Watak kaum yang mengada-adakan cerita dan berdusta
4. Kemusyrikan
5. *Al-Qur'ān* sebagai petunjuk
6. Sidrah yang diliputi oleh malaikat
7. Lāta, 'Uzzā, Manāt dan lain-lainnya hanyalah rekaan sahaja
8. Dakwaan orang kafir terhadap malaikat
9. Watak orang-orang musyrik
10. Hakikat kekuasaan
11. Kiamat
12. Cabaran dakwah para nabi dan rasul
13. Bangkit dari kubur
14. Tabiat manusia
15. Kenikmatan berbicara
16. Kemusnahan alam dunia dan isinya

17. Sifat Allah SWT.: Tidak pernah berehat
18. Kepada Allah SWT. semuanya kembali
19. Dosa dan maksiat
20. Sifat syurga: ada sungai dan mata air
21. Sifat syurga: penuh keselesaan
22. Golongan manusia yang paling utama
23. Kematian
24. Sifat neraka: Ahli neraka diberi minum air panas
25. Sifat neraka: Air minum panas itu tidak menghilangkan dahaganya
26. Ajal dan kebangkitan
27. Peristiwa diturunkannya al-Qur'ān
28. Al-Qur'ān ibarat bintang-bintang
29. Allah SWT. itu dekat, sedekat urat nadi
30. Sifat Allah SWT.: Maha Permulaan dan Maha Penghabisan
31. Sifat Allah SWT.: Maha Mengetahui
32. Kekuasaan mutlak hanya bagi Allah SWT.: Bumi bagiNya sangat kecil
33. Cahaya orang beriman
34. Orang kafir dan orang munafik luput cahaya
35. Kegelapan bagi orang kafir dan munafik
36. Sebab kehilangan cahaya

#### **4.4.1.2. Masalah Akhlak dan Tasawuf**

Istilah akhlak dan tasawuf pula merupakan dua istilah yang tidak dapat dipisahkan, keduanya memiliki makna yang hampir sama. Istilah akhlak dan tasawuf adalah seperti pinang dibelah dua. Bagi membuktikan kenyataan ini, pengkaji akan

mendedahkan pengertian kedua-dua istilah tersebut sebagaimana dijelaskan oleh ‘Abd al-Qādir ‘Isā dalam bukunya yang berjudul “Hakikat Tasawwuf. Dalam mengemukakan definisi kedua istilah tersebut, ia merujuk kepada ulama-ulama yang sememangnya mempunyai sumbangan besar, khususnya dalam bidang ilmu tasawwuf.

Zakariā al-Anṣārī<sup>388</sup> misalnya pernah memberikan pengertian tasawuf sebagaimana berikut: "Tasawuf adalah ilmu yang dengannya diketahui tentang pembersihan jiwa, perbaikan budi pekerti serta pembangunan zahir dan batin, bagi memperoleh kebahagiaan yang abadi."<sup>389</sup> Aḥmad Zarrūq<sup>390</sup> pula mendefinisikan, "Tasawuf adalah ilmu yang bertujuan untuk memperbaiki hati dan memfokuskannya hanya untuk Allah SWT. semata."<sup>391</sup> Imam Junaid<sup>392</sup> berkata, "Tasawuf adalah akhlak luhur dan meninggalkan semua akhlak tercela."<sup>393</sup>

Dari semua pengertian di atas bolehlah diambil suatu kesimpulan, bahawa akhlak dan tasawuf mempunyai pengertian atau makna yang sama. Kedua-duanya tidak boleh dibezakan. Bahkan ada di antara ulama yang mengatakan bahawa secara keseluruhan tasawuf adalah akhlak. Barang siapa yang memberimu bekal dengan akhlak, maka ia telah memberimu bekal dengan tasawuf."<sup>394</sup>

---

<sup>388</sup> Nama penuhnya adalah Zakariyā bin Muḥammad bin Aḥmad bin Zakariyā al-Anṣārī al-Sunaikī. Beliau adalah seorang qādī, ahli hadīth, fekah dan ahli tafsir yang bermazhab Shāfi‘ī. Lahir pada tahun 1420 M./823 H. di Negeri Sunaikah Timur Mesir. Lihat: Zakariyā al-Anṣārī, [http://ar.wikipedia.org/wiki/زكريا\\_الأنصاري](http://ar.wikipedia.org/wiki/زكريا_الأنصاري).

<sup>389</sup> ‘Abd al-Qādir ‘Isā (1961), *Hakikat Tasawwuf*, Khoirul Amru Harahap, Lc., et al (terj.). c.1. Jakarta:Qisthi Press, h. 4

<sup>390</sup> Nama penuhnya adalah Aḥmad bin Aḥmad bin ‘Isā al-Baransī al-Fāsī dan dikenal dengan nama Zarrūq. Beliau dikenal sebagai ahli fekah yang berpegang kepada mazhab Mālikī. Di antara sumbangannya adalah kejayaannya dalam melakukan koreksi (taṣḥīḥ) terhadap ilmu tasawwuf sehingga para ahli sejarah menyatakan bahawa ilmu tasawwuf sudah nyata-nyata menjadi manhaj hidup yang lengkap dan menyeluruh sesuai dengan al-Qur’ān dan al-Sunnah. Lihat: Aḥmad Zarrūq, [http://ar.wikipedia.org/wiki/أحمد\\_زروق](http://ar.wikipedia.org/wiki/أحمد_زروق).

<sup>391</sup> ‘Abd al-Qādir ‘Isā (1961), op.cit.

<sup>392</sup> Nama penuhnya adalah Junaid bin Muḥammad Ibn al-Junaid al-Kharrāz al-Qawāriri, lahir di Baghdād. Mazhabnya ialah mazhab Abī Thawur. Lihat: al-Imām al-Junaid al-Baghdādī, <http://al7ewar.net>.

<sup>393</sup> ‘Abd al-Qādir ‘Isā (1961), op.cit.

<sup>394</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kesimpulan ini, maka dalam pengklasifikasian perumpamaan HAMKA ini, pengkaji menggabungkan masalah akhlak dengan tasawuf. Mengingat kesamaan makna dan objek daripada kedua-dua istilah tersebut.

Dalam huraian tafsir HAMKA juzuk 27 ini telah didapati sekitar 23 perumpamaan yang mempunyai hubung kait dengan masalah akhlak dan tasawuf, iaitu dengan tajuk-tajuknya yang meliputi:

1. Menanamkan sikap optimis dan larangan untuk berputus asa
2. Bersyukur
3. Bersyukur: Begitu besarnya kurnia Tuhan kepada hambaNya
4. Menentukan arah tujuan hidup
5. Meyakini akan tujuan hidupnya
6. Sabar menghadapi dugaan
7. Larangan mendekati perbuatan zina
8. Menjaga pandangan mata
9. Perasaan senang dan sedih
10. Larangan mencela
11. Rendah hati, (tidak angkuh dan sombong)
12. Bahaya mendekati zina
13. Menjaga lingkungan alam sekitar
14. Balasan mengerjakan amal kebajikan
15. Sifat hati
16. Bermuhasabah
17. Bahaya mengerjakan dosa besar
18. Berzikir

19. Kusu
20. Hakikat hidup dunia
21. Di mana ada kesulitan pasti ada jalan kemudahan
22. Ketaatan kepada Allah SWT. akan mendatangkan ketenteraman hidup
23. Gemar bersedekah

#### **4.4.2. Penggunaan Perumpamaan dan Hubung kaitnya**

Setelah mengenal pasti perumpamaan yang diguna pakai oleh HAMKA berdasarkan tajuk-tajuk tertentu sebagaimana sudah di bahas di atas, maka dalam perbahasan yang akan pengkaji jelaskan selanjutnya adalah perbahasan mengenai penggunaan perumpamaan oleh HAMKA dan hubung kaitnya dengan konteks ayat yang beliau tafsirkan. Dalam hal ini, penulis akan mencuba menjelaskan kajian ini berdasarkan tajuk-tajuk tadi dengan disertai contoh-contohnya, sehingga maksud daripada perbahasan ini mudah difahami, jelas dan dapat mencapai destinasiya.

##### **4.4.2.1. Perumpamaan yang Berhubungan dengan Masalah Akidah dan Pemikiran**

Di antara contoh perumpamaan HAMKA yang berkenaan dengan masalah akidah dan pemikiran adalah sebagai berikut:

- a. "**Ibarat** orang yang membuat hitungan horizontal, ukuran bulat, maka garis-garis yang ditarik kepada segala pihak, tidak mungkin berbilang asal, mesti berasal dari satu pihak. Dari satu pihak itu datangnya dan kepada satu pihak itu jua kembalinya. Kalau tidak demikian nescaya kacaulah cara kita berfikir."

Perumpamaan ini disebutkan oleh HAMKA apabila menerangkan ayat *Al-Dhāriyāt: 51* yang berbunyi:

وَلَا تَجْعَلُوا مَعَ اللَّهِ إِلَهًا ءَاخَرَ إِنِّي لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٥١﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu adakan Tuhan yang lain bersama Allah (dalam kepercayaan kamu), Sesungguhnya aku diutus oleh Allah kepada kamu sebagai pemberi amaran yang nyata".

(Q.S. *al-Dhāriyāt* [51]:51).

Ayat di atas membincangkan perkara akidah, iaitu berkaitan dengan larangan mempersekutukan Allah SWT. dengan kepercayaan yang lain. Dalam ilmu akidah atau tauhid, perbuatan mempersekutukan Allah SWT. ini hukumnya adalah mushrik, iaitu perbuatan yang menjadikan akidah pelakunya terbatal. Bahkan Allah SWT. menegaskan dalam firmanNya, bahawa mushrik itu adalah salah satu dosa besar yang tidak akan diampuni. Sebagaimana firmanNya dalam surah *al-Nisā* ayat 116 yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hakumNya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh".

(Q.S. *al-Nisā* [4]:116).

Menurut HAMKA, mempersekutukan Allah SWT. dengan yang lain hanya membuat tujuan hidup selamanya jadi pecah. Ini kerana makrifatnya tidak bulat. Oleh itu, HAMKA menegaskan agar fikiran kita tidak dipecahkan atau dibahagi-dibahagi menjadi beberapa bahagian, melainkan dibulatkan hanya kepada Allah SWT. Untuk menguatkan pernyataannya, dikemukakanlah perumpamaan di atas.



Jenis perumpamaan ini adalah perumpamaan *simile*, yaitu perumpamaan yang disertai dengan kata pembandingan secara langsung, yaitu kata "ibarat". Makna perumpamaan tersebut adalah bahawa Tuhan itu adalah satu, Dialah Allah SWT. yang sepatutnya disembah.

b. "Dapat pangkalnya hilang hujungnya, dapat ujung gelap pangkalnya"

Ungkapan ini sebenarnya adalah peribahasa pepatah. Namun, dalam masa yang sama ia boleh menjadi perumpamaan jenis metafora yang maknanya adalah perkataan yang tidak boleh dijadikan pegangan. Peribahasa ini diungkapkan oleh HAMKA apabila beliau mentafsirkan surah *al-Tūr* ayat 41 yang berbunyi:

أَمْ عِنْدَهُمُ الْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُمُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: "Atau di sisi mereka ada pengetahuan tentang yang ghaib?"

(Q.S. *al-Tūr* [52]:41).

HAMKA menjelaskan, perkara yang ghaib adalah suatu hal yang tidak akan dijangkau oleh manusia. Ucapan-ucapan bomoh dan tukang ramal, adalah tidak lain, tidak bukan hanya petunjuk Syaitan belaka yang mencuri-curi berita dari langit secara separuh-separuh.<sup>395</sup>

Jadi, setiap ucapan yang terkeluar dari mulut seorang bomoh atau tukang tenung itu tidak boleh dipegang dan dipercayai, kerana mengandungi kebohongan dan bahkan menyesatkan. "Dapat pangkalnya hilang hujungnya, dapat ujung gelap pangkalnya".

---

<sup>395</sup> *Ibid.*, h. 6966

Demikian perumpamaan bagi orang-orang yang suka mempercayai ucapan tukang tenung atau bomoh.

- c. "Bahawasanya *Sidrah* itu dilindungi juga oleh beribu malaikat **laksana** berbondong (beramai-ramai) terbangnya burung gagak".

Makna perumpamaan ini adalah gambaran tentang sesuatu perkara yang memiliki jumlah yang besar. Dalam sebuah *hadīth* tentang mikraj disebutkan, bahawa *Sidrah* itu dilindungi oleh beribu malaikat.<sup>396</sup> Di sini, HAMKA menggambarkan banyaknya malaikat yang melindungi *Sidrah* itu sebagaimana disebutkan dalam *hadith* nabi tentang mikraj. Iaitu, bahawa jumlah malaikat yang meliputi *Sidrah* itu seperti berbondong burung gagak yang sedang terbang.<sup>397</sup> Bandingan ini tidak dimaksudkan untuk menggambarkan sifat malaikatnya, akan tetapi jumlah atau bilangan malaikat yang banyak itu.

Perumpamaan ini disebutkan apabila HAMKA mentafsirkan surah *al-Najm* ayat 16 yang berbunyi:

إِذْ يَغْشَى السِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾

Maksudnya: "(Nabi Muhammad melihat Jibril dalam bentuk rupanya yang asal pada kali ini ialah) semasa "*Sidrah al-Muntaha*" itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga".

(Q.S. *al-Najm* [53]:16).

Ayat di atas berbincang tentang masalah *Sidrah al-Muntahā*. HAMKA menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan *Sidrah al-Muntaha* ini adalah tempat

---

<sup>396</sup> *Ibid.*, h. 6989

<sup>397</sup> *Ibid.*

paling tinggi, yang di atasnya tidak ada sesuatu lagi, sebab *al-Muntahā* berarti penghabisan, tidak ada yang di atasnya lagi.<sup>398</sup>

Demikianlah di antara contoh-contoh perumpamaan yang berkaitan dengan masalah akidah yang dikemukakan HAMKA dalam kitab tafsirnya, juzuk 27. Contoh yang lain boleh dilihat dalam jadual khusus mengenai himpunan perumpamaan-perumpamaan HAMKA dalam tafsir *al-Azhar* juzuk 27.

#### 4.4.2.2. Perumpamaan yang Berhubungan dengan Masalah Akhlak dan Tasawuf

Perumpamaan-perumpamaan yang berkaitan dengan masalah akhlak dan tasawuf ini banyak pula dikemukakan oleh HAMKA, di antara contohnya adalah sebagai berikut:

- a. "**Sebagaimana** nasi sepiring pun sudah ada dalam pinggan, namun selamanya nasi itu tidak akan masuk ke dalam mulut kalau tidak diambil dengan tangan dan dimasukkan ke mulut"

Makna daripada perumpamaan di atas ialah bahawa rezeki tidak akan didapatkan dengan cara berdiam diri, akan tetapi ia boleh didapati dengan jalan usaha atau ikhtiar. Dalam surah *Al-Dhāriyāt* ayat 22, ditegaskan bahawa rezeki manusia itu sudah dijamin oleh Allah SWT.

﴿٢٢﴾ وَفِي السَّمَاءِ رِزْقُكُمْ وَمَا تُوعَدُونَ

Maksudnya: "Dan di langit pula terdapat (sebab-sebab) rezeki kamu, dan juga terdapat apa yang telah (ditakdirkan dan) dijanjikan kepada kamu".

---

<sup>398</sup> *Ibid.* h. 6987

Bagi menjelaskan ayat ini, HAMKA mengatakan, bahawa manusia tidak boleh berputus asa dan juga tidak boleh berdiam diri.<sup>399</sup> Dalam hal mencari rezeki yang ada di langit itu tidak boleh ditunggu, tetapi harus didupatkannya dengan cara usaha dan ikhtiar. Bagi menguatkan huraian tafsirnya, maka dikemukakanlah perumpamaan tersebut.<sup>400</sup> Dari huraian HAMKA tentang ayat di atas menampakkan adanya hubungan dengan nilai-nilai akhlak dan tasawuf. Perintah berusaha atau berikhtiar dalam mencari rezeki dan larangan terhadap sikap putus asa merupakan di antara nilai-nilai akhlak yang harus ditanamkan pada diri setiap orang, sehingga kebahagiaan di dunia dan akhirat dapat dinikmati.

b. "**Laksana** lautan anugerah yang diterima, hanya ember kecil sahaja yang menyambutnya."

Makna perumpamaan ini adalah amal kebajikan yang dikerjakan tidaklah berbaloi atau seimbang dengan anugerah yang telah diberikan Allah SWT. kepada hambaNya. Anugerah dan kenikmatan yang Allah SWT. berikan kepada hambaNya sungguh jauh lebih besar daripada amal kebajikan yang dilakukan hambaNya.

Perumpamaan di atas dikemukakan oleh HAMKA apabila mentafsirkan surah *Al-Tūr* ayat 28, yang berbunyi:

إِنَّا كُنَّا مِنْ قَبْلُ نَدْعُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْبَرُّ الرَّحِيمُ

---

<sup>399</sup> *Ibid.*, h. 6908

<sup>400</sup> *Ibid.*

Maksudnya: "Sesungguhnya kami dahulu tetap menyembah-Nya (dan memohon pertolongan-Nya). kerana sesungguhnya Dialah sahaja yang sentiasa melimpahkan ihsan-Nya, lagi Maha Mengasihani".

(Q.S. *al-Tūr* [52]:28)

Dalam mentafsirkan ayat di atas, HAMKA menyatakan tentang kesyukuran orang yang beriman atas kurnia yang diberikan Allah SWT. kepada mereka. Menurutnya, tidaklah berbaloi antara amal yang dikerjakan oleh seorang hamba dengan anugerah yang diterimanya, seraya mengungkapkan pepatah orang tua yang berbunyi: "Laksana lautan anugerah yang diterima, hanya ember kecil sahaja yang menyambutnya."<sup>401</sup>

Di sini HAMKA mengibaratkan anugerah yang diberikan Allah SWT. itu seperti air di lautan. Sedangkan amal kebajikan diumpamakan dengan air yang ada dalam ember kecil. Hal ini menegaskan bahawa kenikmatan yang diberikan Allah SWT. kepada hamba-hambaNya itu jauh lebih besar daripada amal kebajikan (baca: kesyukuran) yang dilakukan hambaNya tersebut. Begitulah sememangnya Allah SWT. menegaskan, bahawa diriNya adalah Tuhan Maha Melimpahkan ihsanNya, lagi Maha Mengasihani.

a. "Mata palingan Tuhan, hati palingan Syaitan"

Perumpamaan ini bermakna: Fikiran atau pendirian seseorang itu boleh berubah-ubah.<sup>402</sup> Ungkapan ini termasuk peribahasa pepatah Melayu yang sudah cukup terkenal dan diguna pakai oleh masyarakat, terutama penceramah, penulis, sarjana dan lain-lain. Ungkapan ini penulis masukkan sebagai perumpamaan metafora disebabkan ia

---

<sup>401</sup> *Ibid.* h. 6956

<sup>402</sup> Lai Choy B.A. (Hons), (2010), *op.cit.* h. 248

mengandung makna kiasan atau bandingan. Perumpamaan ini diungkapkan oleh HAMKA ketika mentafsirkan surah *al-Najm* ayat 32 yang berbunyi:

الَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ ۗ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ  
الْمَغْفِرَةِ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجْنَةٌ  
فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ ۗ فَلَا تُزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَىٰ

Maksudnya: "(Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhan-mu Maha Luas keampunannya. Ia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak ia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dialah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa."

(Q.S. *al-Najm* [53]:32)

Ayat di atas membincangkan tentang perintah memalingkan pandangan daripada perbuatan maksiat, seperti memandang perempuan yang bukan mahram. Sebelum pandangan yang sepintas lalu menyebabkan terbukanya jalan kepada suatu dosa, maka menurut HAMKA pandangan tersebut mesti segera dipalingkan kepada objek pandangan lain yang tidak akan menimbulkan dosa. Oleh itu, ia mengemukakan pepatah Melayu yang mengandungi perumpamaan. "Mata palingan Tuhan, hati palingan Syaitan"<sup>403</sup>

#### 4.4.2.3. Perumpamaan yang Berhubungan dengan Masalah Hukum

Perumpamaan yang berkaitan dengan masalah hukum boleh dijumpai juga dalam huraian tafsir HAMKA juzuk 27, cuma bilangannya tidak banyak. Contohnya adalah sebagaimana di bawah ini:

<sup>403</sup> HAMKA (2007), *op.cit.*, h. 7004

"Sebagaimana gurindam Melayu:" Hati bolehlah ditahan, tetapi mata tidak dapat didinding. Didinding pun dengan telapak tangan, namun di sela jari pun dia melihat juga".

Maknanya: Tidak mampu memalingkan pandangan ketika seseorang melihat lawan jenisnya. Perumpamaan ini diungkapkan oleh HAMKA ketika mentafsirkan surah *al-Najm* ayat 32 yang berbunyi:

الَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ ۗ إِنَّ رَبَّكَ  
وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ  
أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ ۗ فَلَا تُزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ  
اتَّقَى ۗ

Maksudnya: "(Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhan-mu Maha Luas keampunannya. Ia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak ia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dialah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa."

(Q.S. *al-Najm* [53]:32)

Berdasarkan teks ayatnya, HAMKA berpandangan, memandang bukan mahram secara sepintas lalu adalah suatu perbuatan yang tidak diambil berat, masih dimaafkan oleh Allah SWT.<sup>404</sup> Seraya mengemukakan gurindam yang mengandungi makna perumpamaan seperti tersebut di atas.

<sup>404</sup> *Ibid.*, h. 7003


#### 4.4.2.4. Perumpamaan yang Berhubungan dengan Masalah Sains

Selain berkaitan dengan masalah akidah, akhlak dan hukum, perumpamaan-perumpamaan yang digunakan oleh HAMKA mempunyai hubung kait juga dengan masalah sains. Contohnya adalah sebagai berikut:

- a. "**Laksana** sabut kelapa yang diapung-apungkan oleh air"

Makna: Suatu benda yang nampak ringan dan kecil. Perumpamaan ini termasuk jenis perumpamaan *simile*, di mana kata bandingannya disebutkan dengan jelas, yaitu kata "laksana".

Perumpamaan ini diungkapkan oleh HAMKA apabila ia mentafsirkan surah *al-Rahmān* ayat 24 yang berbunyi:

 وَلَهُ الْجَوَارِ الْمُنشَآتُ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ

Maksudnya: "*Dan Dialah Yang Menguasai kapal-kapal yang belayar di laut, yang kembang tinggi layarnya seperti gunung-ganang*".

(Q.S. *al-Rahmān* [55]:24)

Dalam menjelaskan ayat tersebut di atas, HAMKA mengatakan bahawa meskipun kapal-kapal itu terbuat dari besi dengan segala muatannya yang berat, kapal-kapal tersebut boleh berlayar terapung di permukaan air laut; menelusuri pulau-pulau, dan juga benua ke benua. Tidak lain, itu semua adalah kekuasaan Allah SWT.<sup>405</sup>

---

<sup>405</sup> *Ibid.*, h. 7082



Kemudian HAMKA mengumpamakan kapal-kapal itu dengan sabut kelapa yang diapung-apungkan oleh air.<sup>406</sup> Mula-mula, kapal-kapal itu boleh berlayar dengan menggunakan tenaga angin belaka. Tapi kemudian seiring dengan perkembangan dan kemajuan akal manusia, kapal-kapal itu dapat digerakkan dengan tenaga lain, seperti atom, wap, dan dengan enjin. Pada era moden ini, kapal-kapal tersebut boleh berlayar dengan menggunakan tenaga atom.<sup>407</sup> Demikian HAMKA menghuraikan tafsirannya yang berkenaan dengan masalah ilmu pengetahuan dan teknologi.

- b. "Awan tadi menurun *menyerupai* "lidah" raksasa yang menekik ke bawah dan kedengaran suara *sebagai* bunyi mesin di sebuah kilang besar".

Makna perumpamaan ini adalah suara gemuruh yang mengganggu telinga. Perumpamaan ini adalah jenis perumpamaan *simile*, di mana kata bandingannya disebutkan dengan jelas, iaitu kata-kata seperti: "menyerupai" dan "sebagai". Dalam ilmu sains, air hujan berasal dari air laut yang masin. Wap yang dihasilkan kerana bantuan sinar matahari naik ke atas dengan dorongan angin. Wap itu kemudian menjadi banyak dan tebal dan disebut dengan awan. Tetapi, ketika awan itu dibawa oleh angin dan saling beradu, maka ia berubah menjadi air yang turun ke bumi. Air itu tidak masin, tetapi sudah menjadi tawar.<sup>408</sup>

Tentang proses air hujan ini, HAMKA menyerupakan awan yang turun dibawa angin itu seperti lidah raksasa yang menekik ke bawah. Setelah awan itu turun ke bawah, maka terdengar suara gemuruh. Suara gemuruh itu diumpamakan oleh HAMKA seperti bunyi enjin di sebuah kilang besar.<sup>409</sup>

---

<sup>406</sup> *Ibid.*

<sup>407</sup> *Ibid.*

<sup>408</sup> *Ibid.*, h. 7141

<sup>409</sup> *Ibid.*

Perumpamaan ini diungkapkan oleh HAMKA apabila mentafsirkan surah *al-Wāqi‘ah* ayat 70 yang berbunyi:

لَوْ نَشَاءُ جَعَلْنَاهُ أَجَا جًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ

Maksudnya: "Kalau Kami kehendaki, Kami akan jadikan dia masin, maka ada baiknya kalau kamu bersyukur."

(Q.S. *al-Wāqi‘ah*: [56]:70)

Demikianlah di antara contoh-contoh yang menggambarkan hubungan antara makna ayat *al-Qur‘ān* dengan perumpamaan-perumpamaan Melayu yang digunakan oleh HAMKA dalam menjelaskan huraian tafsirannya. Penggunaan perumpamaan-perumpamaan Melayu sebagaimana contoh-contoh di atas menjadikan huraian tafsir HAMKA lebih menarik dan tidak membosankan. Lebih daripada itu, metode penggunaan perumpamaan Melayu yang diguna pakai oleh HAMKA dapat membantu para pembaca –dalam hal ini – masyarakat Islam Melayu untuk lebih memahami huraian HAMKA tentang maksud atau makna ayat yang beliau tafsirkan.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

Bab ini merupakan kesimpulan bagi keseluruhan kajian ilmiah ini. Pada bab ini, penulis akan mengemukakan beberapa kesimpulan yang dipandang penting berdasarkan kepada kajian atau analisis yang telah disampaikan pada bab-bab sebelumnya. Di samping itu, penulis juga akan menyampaikan beberapa saranan atau cadangan yang perlu diperhatikan oleh pihak-pihak tertentu yang sememangnya mempunyai hubungan kait dengan kajian disertasi yang penulis tulis ini.

#### **5.1 Kesimpulan**

Dari perbahasan dan perbincangan yang telah dikemukakan pada bab-bab sebelum ini, akhirnya penulis dapat mengemukakan satu gambaran yang utuh bagi membuat beberapa kesimpulan penting bagi kajian tersebut. Di antaranya adalah sebagaimana berikut:

1. Perumpamaan adalah salah satu peribahasa Melayu yang mempunyai daya tarikan tersendiri yang sering kali diguna pakai oleh masyarakat Melayu, sama ada dalam sesebuah tulisan ataupun perbualan harian. Perumpamaan tersebut mempunyai fungsi sebagai bentuk gaya bahasa yang menggambarkan keadaan kewujudan sesuatu yang hendak diceritakan dengan lebih jelas dan terang. Di samping itu, ia juga dapat menarik minat pembaca terhadap karya-karya kesusasteraan. Dengan kata lain unsur bahasa perumpamaan ini boleh melembutkan makna percakapan dan menjadikan susunan bahasa tersebut lebih indah, menarik dan berkesan.

2. Perumpamaan-perumpamaan yang sudah dikenali dan tersebar di tengah-tengah masyarakat kita muncul dari beberapa sumber. Menurut Abdullah Hussain, ada tiga sumber utama yang membayangi munculnya peribahasa atau perumpamaan tersebut, iaitu:

1. Sumber pertama ialah rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya.
2. Sumber kedua, orang-orang arif bijaksana yang mengeluarkan ungkapan hasil daripada renungannya.
3. Sumber ketiga adalah kitab suci.

Dalam konteks masyarakat Islam sendiri, sebetulnya perumpamaan itu tidak sahaja berasal dari ketiga-tiga sumber di atas, tetapi juga berasal dari perkataan Nabi Muḥammad SAW. yang boleh ditelusuri daripada *ḥadīth-ḥadīthnya*. Jadi, dalam pandangan penulis, *ḥadīth-ḥadīth* Rasulullah SAW. juga boleh dijadikan sebagai sumber munculnya peribahasa perumpamaan tersebut. Sebab, dalam matan-matan *ḥadīth* tersebut, Nabi SAW. banyak mengguna pakai uslub *amthāl* atau perumpamaan.

3. Uslub perumpamaan yang terkandung dalam kitab suci *al-Qur'ān* dan *al-ḥadīth* Nabi SAW. tidak diragukan lagi kebenarannya, ia mampu memberikan iktibar atau pelajaran bagi umat manusia. Bahkan, Rasulullah SAW. sendiri memerintahkan kepada umatnya untuk mengambil pelajaran daripada perumpamaan-perumpamaan yang terdapat dalam *al-Qur'ān* yang mulia tersebut. Sebagaimana dijelaskan dalam sabdanya yang berbunyi:

"*Sesungguhnya al-Qur'ān itu diturunkan atas lima perkara: halal, haram, hukum-hakam, mutasyabih (perbandingan dua hal yang disamakan) dan perumpamaan. Maka beramallah dengan yang halal, jauhi yang haram, ikutilah hukum-hakamnya, dan berimanlah dengan mutasyabih, serta ambillah pengajaran daripada perumpamaan-perumpamaannya.*"

4. Di dalam kitab tafsir *al-Azhar*, khususnya huraian tafsirnya pada juzuk 27, penulis telah memperoleh banyak peribahasa perumpamaan yang dikemukakan oleh penulisnya, iaitu HAMKA.

Perumpamaan-perumpamaan yang dikemukakan HAMKA dalam huraian tafsirnya pada juzuk 27 tersebut tidak hanya berasal dari perumpamaan yang sudah dikenali dan diguna pakai masyarakat Melayu sahaja atau dari pengalaman hidup HAMKA, akan tetapi perumpamaan-perumpamaan tersebut juga berasal dari sumber lain, seperti perumpamaan yang bersumber dari *al-Qur'ān* dan *al-Ḥadīth*. Walaupun begitu, pengkaji mendapati bahawa di dalam tafsirnya, iaitu juzuk 27 HAMKA lebih banyak menggunakan perumpamaan yang sudah masyhur diguna pakai oleh masyarakat, khususnya lingkungan masyarakat Melayu.

Jadi, berdasarkan sumbernya, perumpamaan yang dikemukakan HAMKA dalam huraian tafsirnya juzuk 27 dapatlah pengkaji bahagikan menjadi 3 bahagian utama, iaitu: Pertama: Perumpamaan yang bersumber dari *al-Qur'ān*; Kedua: Perumpamaan yang bersumber dari *ḥadīth* Nabi SAW; Ketiga: Pengalaman hidup HAMKA, sama ada perumpamaan yang dibuat sendiri atau perumpamaan yang sememangnya sudah masyhur diguna pakai oleh ramai masyarakat, khususnya lingkungan masyarakat Melayu.

Sedangkan dari segi jenisnya, keseluruhan perumpamaan HAMKA tersebut dapat dibahagikan menjadi dua bahagian. Pertama, *simile*, iaitu perumpamaan yang menggunakan kata pembandingan, seperti kata ibarat, laksana, seperti, umpama dan bagaikan. Kedua, metafora, iaitu perumpamaan yang tidak menyebutkan kata-kata pembandingan, akan tetapi ungkapannya menunjukkan kepada makna perumpamaan.

5. Penulis mendapati HAMKA adalah salah seorang yang dianugerahkan oleh Allah SWT. dengan pelbagai kelebihan dan keistimewaan. Ketokohan beliau bukan sahaja sebagai seorang ulama yang berwawasan luas, tokoh politik, jurnalis dan penulis, akan tetapi beliau adalah salah seorang sasterawan yang mampu menyingkap makna dan hikmah yang terkandung dalam ayat-ayat suci *al-Qurān* dengan gaya bahasa yang indah, mudah dan jelas. Keindahan dan kejelasan bahasanya dalam menghuraikan tafsirnya tersebut di antaranya adalah dipengaruhi oleh penggunaan gaya bahasa perumpamaan.
6. HAMKA merupakan tokoh Nusantara yang memiliki keperibadian dan kejayaan cemerlang pada zamannya. Sehingga ke hari ini, nama beliau masih sahaja harum dan disanjung oleh masyarakat, khususnya masyarakat Melayu. Tentunya, tokoh seperti beliau layak dijadikan sebagai teladan oleh kita semua, khususnya kepada generasi muda saat ini yang sedang menghadapi cabaran semasa yang sungguh hebat. Oleh itu, dalam rangka mengenang jasa dan sumbangannya, kerajaan Indonesia telah memberikan gelaran pahlawan kepada HAMKA pada hari nasional, 10 November 2011.
7. Perumpamaan Melayu mempunyai peranan penting dalam memahami maksud ayat *al-Qur'ān* yang ditafsirkan. Perumpamaan-perumpamaan yang

dikemukakan oleh HAMKA dalam tafsirnya, khususnya juzuk 27 boleh menjadi salah satu cara untuk membantu pembaca, terutama masyarakat Melayu dalam memahami makna daripada ayat-ayat *al-Qur'ān* yang merupakan pedoman hidup manusia.

## 5.2. Saranan dan Cadangan

1. Pendedahan mengenai pentingnya pembelajaran dan penguasaan terhadap peribahasa perumpamaan Melayu kepada masyarakat tempatan. Bagi penulis, perkara ini adalah sangatlah penting. Ini kerana selain dapat mengambil pelajaran dan hikmah daripada perumpamaan-perumpamaan tersebut, ia juga mampu menjaga dan melestarikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan warisan negeri-negeri rumpun Melayu.
2. Pendedahan mengenai sumbangan besar HAMKA dalam bidang sastera, dakwah, pemikiran dan tafsir *al-Qu'ān* sehingga masyarakat boleh mengenali sosok HAMKA secara lebih baik lagi serta menumbuhkan minatnya untuk membaca karya-karya ilmiah HAMKA, terutama kitab tafsir *al-Azhar* yang sudah tersohor itu. Dengan itu, penghargaan masyarakat terhadap tokoh Nusantara ini bertambah kekal lagi abadi. Lebih-lebih bagi kalangan pelajar, sarjana dan kalangan ahli akademik kiranya dapat lebih aktif memainkan peranannya untuk menjaga dan mengembangkan dunia keilmuan, terutama menjaga dan melestarikan karya-karya yang ditulis oleh tokoh-tokoh atau ulama-ulama Nusantara seperti HAMKA (Indonesia), Mustafa Abdul Rahman (Malaysia), dan lain-lain. Usaha pelestarian dan pengembangan ini boleh sahaja dalam bentuk kajian-kajian, karya ilmiah, seminar-seminar, *talk show*, pameran buku (*books Exhibition*) dan lain-lain.

3. Perlunya kerja bersepadu dan berketerusan di antara para ulama, sarjana, cendekiawan Muslim, lembaga-lembaga akademik, pertubuhan-pertubuhan Islam dan juga kerajaan (pemerintah) untuk melahirkan masyarakat yang celik *al-Qur'ān* dan ilmu-ilmunya serta mampu mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Sudah barang tentu, banyak cara untuk mewujudkan matlamat tersebut, di antaranya adalah dengan berusaha untuk mentafsirkan *al-Qur'ān* dengan gaya bahasa yang mudah difahami oleh setiap peringkat masyarakat. Iaitu gaya bahasa yang indah, menarik, mudah dan jelas serta dapat difahami oleh orang yang membacanya.

HAMKA –dalam hal ini- adalah salah seorang ahli tafsir Nusantara yang telah berusaha untuk mewujudkan matlamat mulia di atas. Beliau telah menghadirkan sebuah karya tafsir *al-Qur'ān* dengan gaya bahasa perumpamaan, pepatah, gurindam, pantun, puisi dan lain-lain. Gaya bahasa ini sudah dikenali dan digemari oleh masyarakat Melayu sejak dulu hingga sekarang.

### 5.3 Penutup

Kegembiraan yang tidak dapat disembunyikan apabila perbahasan penulis tiba di penghujung kajian ini. "Bagai si kudung mendapat emas".<sup>410</sup> Itulah perumpamaannya bagi melukiskan kegembiraan yang dirasakan penulis di saat-saat mahu menyelesaikan kajian ilmiah ini.

---

<sup>410</sup> Makna perumpamaan ini adalah untuk menggambarkan perasaan seseorang yang terlalu gembira ketika mendapatkan sesuatu yang tidak pernah diperoleh. Lihat:Lai Choy B.A. (Hons.) (2010), *Kamus Peribahasa Daya*, Seri Kembangan, Selangor: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd. h. 77.



Namun demikian, penulis sedar bahawa hasil kajian ini masih kurang sempurna dan perlu dimantapkan lagi. Masih banyak lagi kekurangan dan kesilapan di sana sini yang perlu diperbaiki dan dilengkapi. Diakui, sepanjang penulisan kajian ini, banyak sekali pengalaman berharga yang penulis peroleh. Pelbagai maklumat baru, khususnya yang berkaitan dengan kajian ini telah banyak penulis dapatkan, padahal sebelumnya, maklumat-maklumat tersebut belum pernah penulis ketahui. Inilah barangkali fungsi dan manfaat yang boleh dicapai dari sebuah perjalanan kajian ilmiah.

Penulis berharap, mudah-mudahan kajian ilmiah ini boleh mendatangkan banyak manfaat bagi siapa sahaja yang membaca dan memerlukannya. Di samping itu, ia juga dapat menjadi satu bentuk sumbangan penulis kepada khazanah keilmuan Islam, khususnya dalam upaya untuk mengembangkan dan menghidupkan pengajian tafsir *al-Qur'ān* di kalangan masyarakat Melayu ini. *Āmīn. Wallahu al-Musta'ān.*